



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

### PARLIMEN KETUJUH

*Parliament Seventh*

### PENGGAL PERTAMA

*First Session*

---

**Jilid I**                      **Bil. 40**                      **Hari Jumaat**                      **18hb Disember, 1987**

---

#### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

#### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 39)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) (Ruangan 41)

Rang Undang-undang Penyiaran (Ruangan 56)

Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Ruangan 109)

Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) (Ruangan 160)

Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) (Ruangan 170)



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Jumaat, 18hb Disember, 1987**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang**

**D 0 A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SIMPANAN TUKARAN WANG ASING DAN EMAS BANK NEGARA**

**1. Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Kewangan memberi penjelasan bagaimanakah kedudukan kewangan Bank Negara kita semenjak mula ditubuhkan hingga tahun ini:

- (i) simpanan tukaran wang Asing dan Emas Bank Negara;
- (ii) perkembangan Harta Bank Negara kita termasuk juga tukaran wang asing milik hak pengeluaran khas dan surat jaminan Kerajaan kita; dan
- (iii) mata wang dalam edaran sepanjang masa.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah simpanan emas dan pertukaran wang asing Bank Negara Malaysia pada tahun ia ditubuhkan iaitu pada tahun 1959 telah meningkat sebanyak \$11.3 juta. Jumlah ini telah meningkat kepada \$18,377.9 juta pada bulan Oktober, 1987. Kedudukannya bagi beberapa tahun yang Lepas adalah sebagaimana yang berikut:

Tahun		Jumlah
1983	-	\$8,813.5 juta
1984	-	\$9,041.1 "
1985	-	\$11,773.1 "
1986	-	\$15,449.0 "
1987 (hingga Oktober)	-	\$18,377,9 "

- (ii) Jumlah harta Bank Negara Malaysia termasuk jumlah pertukaran wang asing, Milikan Hak Pengeluaran Khas dan Surat Jaminan Kerajaan, pada tahun ianya dibutuhkan, iaitu pada tahun 1959 ialah sebanyak \$150.9 juta. Jumlah ini telah meningkat dari tahun ke setahun dan jumlahnya pada tahun ini iaitu pada bulan Oktober, 1987 ialah \$22,502.5 juta. Jumlah bagi beberapa tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Tahun		Jumlah
1983	-	\$14,559.8 juta
1984	-	\$15,927.2 "
1985	-	\$16,524.9 "
1986	-	\$20,339.4 "
1987 (hingga Oktober)	-	\$22,052.5 "

- (iii) Bank Negara Malaysia telah mengambilalih tugas pengedaran matawang dari pihak Lembaga Suruhanjaya Matawang Malaya dan Borneo pada tahun 1967. Pada tahun itu jumlah matawang dalam edaran ialah sebanyak \$747.1 juta. Jumlah Itu telah meningkat kepada \$4,1246 juta pada bulan Oktober tahun 1987, kedudukannya bagi beberapa tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>		<b>Jumlah</b>
1983	-	\$6,557.8 juta
1984	-	\$6,561.4 "
1985	-	\$6,773.4 "
1986	-	\$7,146.1 "
1987 (hingga Oktober)	-	\$7,679.2 "

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambahlah.... **[Ketawa)**

**Tuan Ng Peng Hay:** .....pada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Apakah sebabnya pertukaran wang antara MaLaysia dengan Singapura begitu besar perbezaannya sehingga lebih kurang M\$1.00 hanya dapat lebih kurang 80 wang Singapura, dan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa selama ini Kerajaan Singapura telah menggunakan wang berjuta ringgit kepunyaan pekerja-pekerja Malaysia di bawah caruman CPF. Adakah Kementerian menyimpan perangkaan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan kita untuk membantu pekerja-pekerja kita mendapat pulangan balik segala pencaruman yang ada di dalam CPF di Singapura.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan pokok yang bertanya daripada simpanan tukaran wang asing. Soal pokoknya berputar sekeliling kedudukan kewangan Bank Negara kita semenjak mula ia ditubuhkan. Sekarang soal ini meminta saya menerangkan mengapa wang Singapura itu lebih tinggi nilainya daripada wang Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu tidak usah dijawab lagi tidak kena mengena [**Ketawa**].

#### **WAD BERSALIN DAN KLINIK PESAKIT LUAR - MENSWASTAKAN**

**2. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menswastakan Wad Bersalin dan Klinik Pesakit Luar di semua hospital di negara ini, sebagai langkah mempertingkatkan prestasi dan mutu kerja serta menjimatkan perbelanjaan dalam pengendaliannya pada masa ini .

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai rancangan untuk menswastakan Wad Bersalin atau Klinik Pesakit Luar di hospital-hospital Kerajaan di negara ini. Sistem perkhidmatan kesihatan yang ada sekarang membolehkan pesakit-pesakit menerima rawatan dengan sebaik mungkin dari pusat-pusat kesihatan atau hospital-hospital yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

#### **FELDA - KEHEBOHAN PENEROKA**

**3. Tuao Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah punca sebenar kehebohan peneroka FELDA dengan pihak Pengurusannya di beberapa buah rancangan FELDA, terutama yang berlaku di kawasan Kulai, Taib Andak, Pasir Raja dan lain-lain lagi. Adakah Menteri menganggap int perkara kecil/atau Menteri menganggap perkara ini adalah masalah besar bagi FELDA keseluruhannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, kehebohan yang dimaksudkan itu sebenarnya dicetuskan oleh 18 orang peneroka rancangan FELDA Taib Andak yang menghendakkan hakmilik tanah dikeluarkan secara individu. Tetapi bagi rancangan-rancangan di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan seperti Rancangan FELDA Taib Andak surat hak milik adalah dikeluarkan atas nama Koperasi Hakmilik Tanah Peneroka yang dianggotai oleh peneroka-peneroka di rancangan berkenaan.

Perkara ini sebenarnya adalah termaktub dalam perjanjian antara FELDA dan peneroka dan seramai lebih kurang 70,000 orang peneroka lain dalam 156 rancangan di bawah sistem ini dan ini termasuk peneroka-peneroka di rancangan FELDA Taib Andak dan mereka juga dengan ini bererti telah menandatangani surat perjanjian tersebut. Sehingga sekarang ini 759 peneroka di empat rancangan iaitu di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan dan ini termasuk 82 orang peneroka di FELDA Taib Andak telah menerima surat hakmilik yang didaftarkan atas nama Koperasi Hakmilik Tanah Peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkara ini telah dicetuskan oleh satu kumpulan kecil iaitu 18 orang, pihak Kerajaan tidak memandang ringan perkara ini dan kami di Kementerian sentiasa mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada satu masa ke satu masa kerana apa yang kita hadapi sebenarnya timbul daripada keadaan yang bertujuan baik, tetapi kerana adanya soal satu yang ditimbulkan oleh peneroka-peneroka berkenaan di rancangan Taib Andak maka pada keseluruhannya Kementerian akan memberikan perhatian ini supaya masalah mereka akan diberi perhatian sepatutnya daripada satu masa ke satu masa.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan iaitu adakah kehebohan dan juga perkara-perkara yang kadangkala merunsingkan kita berlaku di FELDA ini akibat daripada serapan beberapa anasir yang tidak sihat ke dalam FELDA dan juga melalui Persatuan Peneroka FELDA.

Yang kedua, adakah Persatuan Peneroka FELDA sehingga ini bergerak dengan cara yang sihat atau sebaliknya?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak boleh mengatakan ia atau tidak tentang kemungkinan rancangan-rancangan itu diserapi oleh anasir-anasir yang tidak sihat ataupun yang tidak diinginkan ini kerana rancangan-rancangan FELDA adalah merupakan satu Kumpulan masyarakat yang terbuka yang sentiasa dihubungi dan didatangi oleh pihak-pihak lain daripada pihak-pihak FELDA ataupun pihak, Kementerian sendiri. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan peneroka-peneroka itu sendiri untuk menghadapi segala persoalan segala komunikasi dengan pihak-pihak lain, tetapi saya tidak menantikan ada anasir-anasir sepertimana juga anasir-anasir tidak baik dan juga anasir-anasir yang baik berlaku di kalangan masyarakat di luar FELDA sendiri - saya maksudkan perbandingan seperti itu.

Berkenaan dengan persatuan ataupun pihak-pihak tertentu di dalam FELDA sendiri membesarkan sesuatu perkara yang boleh menimbulkan masalah, inipun saya rasa serupalah keadaan sepertimana yang sebutkan sebentar tadi.



**MAHKAMAH SYARIAH**

4. **Tuan Mohd. Wadji bin Dato Haji Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan dan memberi penjelasan mengenai Mahkamah Syariah:-

- (i) apakah langkah-langkah yang sedang diatur dan sedang disusun bagi menentukan bahawa Mahkamah Syariah akan sama tarafnya dengan Mahkamah Biasa;
- (ii) bilakah perancangan ini akan dikuatkuasakan; dan
- (iii) adakah bidang kuasanya akan meliputi rneraka yang bukan dari agama Islam. Kalau tidak kenapa dan mengapa.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin**

**Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (i) Mahkamah Syariah dan mahkamah awam adalah dua jenis mahkamah yang berlainan dalam semua aspek dan adalah merupakan institusi-institusi bagi dua sistem kehakiman yang berasingan yang dipakai di negara ini iaitu sistem kehakiman syarak dan sistem kehakiman awam. Oleh itu soal menyamakan taraf antara Mahkamah Syariah dan mahkamah awam itu tidak timbul sama sekali.

Walau bagaimanapun Kerajaan ada melaksanakan beberapa langkah ke arah memperkemas dan memperkuatkan sistem kehakiman syarak, antaranya adalah seperti berikut:-

- (a) Kerajaan telah memperluaskan bidangkuasa Mahkamah Syariah dengan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965. Dengan

berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 mulai Januari 1986 maka Mahkamah Syariah yang sebelumnya hanya boleh mengendalikan kes-kes jenayah syariah yang hukumannya tidak melebihi dari 6 bulan penjara atau denda \$1,000, tetapi kini Mahkamah Syariah boleh mengendalikan kes-kes yang membawa denda maksimum \$5,000, penjara maksimum 3 tahun atau hukuman sebat tidak melebihi 6 kali. atau apa-apa cantuman dari hukuman-hukuman itu.

- (b) Dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Kerajaan mengadakan program kursus Diploma undang-undang dan Kehakiman Syarak bagi kadi-kadi di seluruh negara. Program ini bermula sejak tahun 1984.
- (c) Kerajaan telah menyusun semula pentadbiran Mahkamah-mahkamah Syariah dengan mewujudkan Jabatan Kehakimahan Syarik berasingan daripada Jabatan Agama Islam Negeri dengan maksud untuk mewujudkan sistem kehakimahan yang benar-benar bebas. dan melahirkan profesionalisme yang tinggi.
- (d) Selaras dengan pelaksanaan konsep pemisahan antara pentadbiran dan kehakimahan itu Kerajaan telah mewujudkan satu skim perkhidmatan perundangan dan kehakimahan syarak berasingan dengan skim perkhidmatan pegawai hal ehwal

agama Islam dan menetapkan kelulusan Diploma Undang-undang dan Kehakiman Syarak sebagai salah satu syarat masuk.

- (e) Kerajaan sedang menggubal prosedur-prosedur berkaitan dengan perjalanan Mahkamah Syariah dengan tujuan untuk memperkemas dan menyelaraskan perjalanan Mahkamah Syariah di seluruh negara.
- (ii) Rancangan dan langkah-langkah yang dibentangkan itu telah dan sedang dilaksanakan.
- (iii) Bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya meliputi orang-orang Islam sahaja. Sekiranya bidang kuasa Mahkamah Syariah itu diperluaskan dan meliputi juga orang-orang bukan Islam maka ianya tidak lagi dinamakan Mahkamah Syariah tetapi berfungsi sebagai mahkamah awam. Walhal negara ini memerlukan satu sistem kehakiman yang khusus bagi orang-orang Islam untuk mengendalikan dan menadbir urusan-urusan undang-undang Islam seperti undang-undang keluarga Islam, undang-undang harta pusaka, undang-undang wakaf, undang-undang zakat dan sebagainya yang semuanya itu khusus mengenai orang-orang Islam sahaja.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan kerana dalam penerangan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri baru-baru tadi mengatakan bahawa ada di antaranya Mahkamah Syariah ini telahpun berjalan, saya ingin mendapat tahu negeri manakah yang telah dapat menjalankan Mahkamah Syariah ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Syariah yang telahpun berjalan sekarang ini ialah bagi Negeri Kedah yang telahpun menghantar kadi-kadi untuk mendapat Ijazah Lanjutan dalam bidang Undang-undang Islam di Universiti Islam Antarabangsa. Insya Allah kita akan lanjutkan kegiatan ini setelah semua kadi-kadi yang dilatih di Universiti Islam Antarabangsa mendapat Ijazah masing-masing dalam bidang kehakiman undang-undang Islam.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa lamakah agaknya kadi-kadi ini. akan dilatih untuk menaikkan taraf mereka sama dengan Hakim biasa?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang d-Pertua, kadi-kadi ini di-Latih tidak kurang daripada 2 tahun di Universiti Islam Antara-bangsa.

**PENYALAHGUNAAN DADAH MEMBANTERAS PENDIDIKAN****5. Tuan G. Rajoo** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) kejayaan yang dicapai oleh negara-negara yang hadir dalam Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah (ICDAIT) di Vienna dalam membanteras pengedaran dan penyalahgunaan dadah;
- (ii) sama ada sebarang negara yang menghadiri persidangan itu telah mencontohi negara Malaysia dalam mengenakan hukuman gantung selepas persidangan itu. Jika ya, namakan negara-negara tersebut; dan
- (iii) sama ada aktiviti, penyalahgunaan dan pengedaran dadah berkurangan di negara ini semenjak persidangan itu dan nyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh negara kita selepas persidangan itu selakn pengerusi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat****Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Negara-negara yang menghadiri Persidangan ini telah meluluskan dua dokumen penting iaitu Garispanduan Komprehensif dan Pelbagai Disiplin mengenai, Tindakan-tindakan Mengawal Penagihan Dadah (Comprehensive Multi-disciplinary Outline of Future Activicies in Drug Abuse Control atau CMO) dan Deklarasi Politik (Political Declaration). Dokumen CMO mengandungi semua langkah-langkah yang harus diambil oleh negara-negara untuk membanteras masalah najis dadah sementara Deklarasi Politik menyatakan komitmen politik negara-negara yang berkenaan untuk mengatasi wabak najis dadah.

- (ii) Sejak Persidangan ini adalah sukar memastikan sama ada terdapat negara-negara yang mencontohi Malaysia dalam mengenakan hukuman gantung.
- (iii) Aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah telah kurang di negara semenjak Malaysia melancarkan kempen Anti Dadah Kebangsaan dan juga Program Asas 5 tahun Bangsa-bangsa Bersatu bagi Strategi dan Dasar Kawalan Dadah Kebangsaan. Secara ringkas tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh Malaysia selepas Persidangan ini adalah seperti berikut:-
  - (a) Malaysia akan terus memainkan peranan aktif di dalam forum-forum seperti Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Persidangan Negara-negara Islam serta ASEAN untuk menentukan bahawa segala tindakan yang ternyata di dalam CMO dapat dilaksanakan.
  - (b) Malaysia akan turut berusaha ke arah pengubalan konvensyen baru menentang pengedaran dadah di samping menggesa negara-negara lain yang belum menyertai kedua Konvensyen Dadah Narkotik (1961) dan Konvensyen Bahan-bahan Psikotropik (1971) untuk berbuat demikian.
  - (c) Malaysia juga sedang berusaha untuk mengadakan penyelarasan serantau mengenai undang-undang perampasan harta yang diperolehi daripada pengedaran dadah.

**TARAF KEBERSIHAN - MENINGKATKAN**

**6. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah berkesannya papan-papan tanda yang melarang orang awam membuang sampah dan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan lagi taraf kebersihan di bandar-bandar kita.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita hasrat Kerajaan meletakkan papan tanda untuk menjaga kebersihan. Sahutan masyarakat, orang ramai sangat tidak memuaskan.

Namun demikian, Langkah-langkah telah diambil oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Penguasa-penguasa Tempatan secara mengadakan undang-undang kecil mencegah kekotoran, mengadakan penerangan mengajak orang ramai menyedari serta mengisafi betapa pentingnya kebersihan bukan sahaja sekadar untuk keindahan tetapi kepada mereka dan keluarga mereka untuk menghindarkan daripada jangkitan penyakit.

Juga menyediakan Pelan-pelan Tindakan Kebangsaan untuk menguruskan sisa-sisa pepejal di samping pihak Kementerian memperuntukkan peruntukan-peruntukan kepada Penguasa-penguasa Tempatan bagi memperlengkapkan dengan peralatan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian telah mengkaji cara-cara yang baru untuk mengendalikan sampah sarap iaitu untuk menggunakan alat jentera yang moden untuk membakar sampah di semua kawasan ataupun menggunakan sampah sarap yang dikutip itu sebagai punca mengeluarkan tenaga gas?

Soalan yang kedua, adakah Kementerian menggalakkan menswastakan usaha mengutip sampah sarap di negara kita?

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kajian pihak Kementerianlah maka penyediaan Pelan Tindakan Kebangsaan Pengurusan Sisa-sisa Pepejal telah diwujudkan. Di samping soal penswataan, perkara-perkara ini sedang di dalam pertimbangan bagi pihak Penguasa-penguasa Tempatan.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah semua Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Tempatan telah meluluskan undang-undang kecil berkenaan dengan membuang sampah ini.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya umumkan di dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu, hak mewujudkan undang-undang kecil itu terletak dan terserah kepada Penguasa-penguasa Tempatan itu sendiri.

#### PROGRAM USAHASAMA UNIVERSITI TEMPATAN LUAR NEGERI

7. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kewujudan beberapa program usahasama antara universiti dan institusi tempatan dan luar negeri.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada umumnya Kementerian Pendidikan berpuashati dengan kewujudan beberapa program usahasama antara universiti dan institusi tempatan dengan institusi pengajian tinggi di luar negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengawalselia program-program seperti itu dan mengkaji kesesuaian perjalanannya dari semasa ke semasa.

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri,



dalam pengwujudan program usahasama antara universiti dan institusi tempatan dan luar negeri, apakah nama-nama universiti Luar negeri yang mengadakan usahasama itu? Dan apakah menyebabkan usahasama ini diusahakan oleh pihak institusi tempatan?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa institusi luar negeri yang terlibat dalam usahasama antara institusi pengajian tinggi tempatan dan uniersiti Luar negeri seperti menerusi Institut Teknologi MARA di peringkat Kolej Persediaan Pengajian Tinggi adalah termasuk State University of New York, Texas International Education Consortium dan Mid-West University Consortium for Internasional Activities dan di peringkat ijazah Pengurusan Perniagaan termasuklah University of Ohio di Amerika Syarikat dan juga termasuklah universiti-universiti di United Kingdom dan di Amerika Syarikat yang berusahasama dengan institusi pendidikan tinggi swasta di negara kita ini.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam program usahasama antara universiti dan institusi tempatan dengan luar negeri. Ini apakah kegiatan-kegiatan yang dilakukan, ertinya dalam program usahasama itu apa dia aktiviti-aktivitinya?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam usahasama ini aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah termasuk di peringkat penyediaan atau program A Level untuk kemasukan universiti di mana pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut mendapatkan pelajaran atau pendidikan untuk penyediaan masuk ke universiti-universiti yang terlibat usahasama atau di mana pendidikan asas itu atau peringkat metrikulasi itu

dapat diterima di universiti-universiti lain yang menawarkan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar kita. Begitu juga dalam institusi di bawah bahagian swasta termasuklah aktiviti penyediaan di bidang ijazah ekonomi, engineering dan juga undang-undang dan kebanyakannya dalam bidang accountancy.

**Tuan Chan Chong Tak: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, kerana di sini ada 27 soalan dan saya cuba hendak habiskan kesemua 27 soalan ini.

**KEMPEN ANTI MINYAK SAWIT**

**8. Tuan M. Sangamlingam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kerapen buruk negeri-negeri asing terhadap minyak sawit telah menjatuhkan perniagaan itu dan bagaimanakah kempen tersebut dapat diatasi, dan berapa banyak kita berjaya dalam membina semula imej untuk minyak kelapa sawit kita.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, kempen anti minyak sawit yang dipelopori oleh Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat mulai giat dalam suku tabun pertama tabun ini. Jika dibandingkan jumlah eksport minyak sawit Malaysia pada masa 8 bulan pertama tahun ini dengan tempoh yang sama tahun 1986 akan didapati bahawa jumlah eksport minyak sawit Malaysia ke pasaran dunia telah jatuh sedikit, iaitu dari 2,869,450 tan metrik kepada 2,416,075 tan metrik. Eksport minyak sawit Malaysia ke United States di antara bulan Januari hingga Ogos, 1987 berjumlah 114,838 tan metrik sedangkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1986 ialah 186,054 tan metrik. Akan tetapi kejatuhan ini tidaklah semestinya diakibatkan oleh kempen anti minyak sawit itu.

Satu faktor yang mungkin turun mempengaruhi prestasi eksport perusahaan minyak sawit Malaysia ialah kenaikan harga komoditi yang berkenaan. Dalam tempoh Januari-Ogos, tahun ini harga purata minyak sawit mentah telah meningkat kepada \$748.60 setan metrik berbanding dengan \$563.25 setan metrik dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Mengenai usaha Kerajaan untuk membanteras kempen anti minyak sawit serta kesan-kesannya telahpun saya terangkan secara terperinci ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Paramjit Singh pada 30hb November yang lalu.

9. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah Simpanan Luar Negara sekarang; sekiranya bertambah dari tahun yang lepas, apakah sumbernya, dan;
- (b) nyatakan jangkaan kasar peratus pendapatan negara kita pada tahun 1988 dan adakah dijangka keadaan ekonomi negara akan bertambah baik pada tahun hadapan atau sebaliknya.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dipecahkan kepada dua, (a) dan (b).

bulan September, 1987 adalah sebanyak \$19,766.4 juta, iaitu bertambah sebanyak \$5,737.6 juta atau 40.9% jika dibandingkan dengan jumlah sebanyak \$14,028.8 juta pada akhir tahun 1986. Kedudukan yang bertambah baik ini adalah disebabkan eksport negara yang bertambah kukuh dalam tahun 1987. Jumlah peratusan kenaikan nilai eksport dagangan melebihi kadar kenaikan nilai import dagangan disebabkan oleh kenaikan harga-harga barangan utama negara dan permintaan yang bertambah dari luar negeri terhadap barangan utama negara kita. Contohnya, pada tahun 1987 nilai eksport kasar dijangka meningkat sebanyak 14.9% kepada \$41,036 juta berbanding dengan nilai eksport yang dicatatkan pada tahun 1986 sebanyak \$35,721 juta, manakala jumlah import/pula dijangka meningkat hanya sebanyak 11.3% dari \$27,921 juta pada tahun 1986 kepada \$31,087 juta dalam tahun 1987. Keadaan yang bertambah baik ini menyebabkan kedudukan imbalan pembayaran negara kita bertambah kukuh dan akaun semasa akan mencatatkan lebih sejumlah \$2,000 juta.

Untuk soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988 adalah dijangkakan pendapatan perkapita negara kita akan meningkat sedikit, iaitu 0.8% daripada \$4,220 pada tahun 1987 kepada \$4,256. Ini bermakna pendapatan perkapita negara kita telah mencapai tahap yang setanding dengan negara-negara yang sedang membangun ataupun lebih baik daripada mereka. Kedudukan yang bertambah baik ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi negara atau KDNK yang sebenar yang dijangka meningkat pada kadar 4% lebih kurang pada tahun 1988 nanti berbanding dengan pertumbuhan 2% lebih kurang yang dianggarkan bagi tahun ini. Ini adalah berikutan daripada peningkatan permintaan luar dan dalam negeri yang dijangkakan menggalakkan serta penglibatan sektor swasta yang lebih cergas dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan kesan-kesan usaha-usaha Kerajaan untuk membaiki iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini, terutama menarik pelaburan-pelaburan daripada luar negeri.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Negara Brunei Darussalam juga menyimpan simpanan luar mereka di Bank Negara kita seperti negara kita buat dengan Monetary Authority of -Singapore?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan pokok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul, Please, saya sudah beberapa kali [**Ketawa**], lebih-lebih lagi hari ini bila saya mahu cuba dengan sepenuh hati menghabiskan semua 27 pertanyaan.

**KONTRAKTOR MEMBINA RUMAH**

10, **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang akan diambil kepada kontraktor-kontraktor yang membina rumah tanpa mengikut syarat-syarat tertentu umpamanya, dinding-dinding rumah retak dalam tempoh masa yang singkat.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, andainya soalan Yang Berhormat ini bermaksud kepada kontraktor-kontraktor terhadap pemaju-pemaju swasta, maka terpulanglah kepada pihak pemaju-pemaju untuk mengambil tindakan andainya berlaku sesuatu ketidaksempurnaan yang dilakukan oleh pihak kontraktor. Tetapi, andainya maksud Yang Berhormat ini terhadap kontraktor-kontraktor yang melaksanakan perancangan-perancangan perumahan di bawah Jabatan Perumahan Negara, maka pihak Jabatan sentiasa meletakkan pegawai untuk memastikan, di samping menasihati kontraktor-kontraktor itu melaksanakan segala pembangunannya berpandukan kepada perjanjian.

Menyentuh kepada untuk menjaga kepentingan pembeli, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjadualkan satu Jadual E Fasal 23 di dalam Perjanjian Jual-Beli di mana di dalam Jadual ini meletakkan bahawa sesebuah rumah yang di beli oleh pihak pembeli di dalam tempoh 12 bulan bermula daripada hari penyerahannya, andainya berlaku sesuatu kerosakan, maka pihak pemaju dipertanggungjawabkan untuk menyempurnakannya semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan Izin, pertanyaan yang ke 11.

**PELAJAR TAJAAN KERAJAAN KE PAKISTAN**

11. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Pendidikan menyatakari adakah Kerajaan akan menimbang untuk menghantarkan lebih banyak pelajar-pelajar ke Pakistan untuk melanjutkan pelajaran dan juga sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengiktiraf lebih banyak lagi institusi-institusi pengajian tinggi di Pakistan.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghantaran pelajar-pelajar tajaan ke luar negeri hanya dilakukan bila tidak terdapat kemudahan bagi menempatkan pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan dan pelajar-pelajar ini akan hanya dihantar ke universiti-universiti yang terkemuka di luar negeri dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian, untuk sementara waktu ini, adalah tidak perlu untuk menghantar lebih ramai pelajar ke Pakistan dan dengan itu juga adalah tidak perlu untuk mengiktiraf lebih banyak institusi-institusi pengajian tinggi di Pakistan.

**Tuan G. Rajoo:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan akan menimbang untuk memberi perhatian yang sama untuk ijazah-ijazah dari negeri-negeri, India, Taiwan dan Bangladesh seperti ijazah dari negeri Pakistan dan Timur Tengah khususnya, kerana kos yang begitu besar untuk belajar di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan akan diberi dari semasa ke semasa mengikut keperluan tenaga-tenaga intelektual dan tenaga siswazah di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan Berhormat Tuan Krishnan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam سوال saya, saya ingin membuat satu pembedan di baris kedua iaitu sebenarnya Kumpulan C-03 bukan CU3. Tuan Yang di-Pertua, سوال 12.

#### PEGAWAI PENERANGAN DAERAH - STATUS

12. Tuan C. Krishnan minta Menteri Penerangan menyatakan kebanyakan Pegawai-pegawai Penerangan Daerah masih diletakkan dalam Kumpulan C-03. Memandangkan peranan dan tanggungjawab yang agak penting dalam proses penyusunan semula masyarakat untuk menghadapi cabaran dan tanggungjawab demi pembangunan negara, maka kedudukan dan status Pegawai di Peringkat Daerah haruslah dipertimbangkan. Jadi, adakah Kementerian Penerangan mempunyai rancangan untuk mengesyorkan peningkatan status mereka.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jeffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kebanyakan jawatan-jawatan Pegawai Penerangan Daerah pada masa ini berada di dalam Kumpulan "C" iaitu Tingkatan Kanan (C-03). Hanya sebilangan kecil sahaja yang diletakkan pada taraf Kumpulan "B" iaitu B-04.

Kementerian ini sedang menyusun kertas cadangan bagi meningkatkan taraf jawatan Pegawai Penerangan Daerah dari Kumpulan "C" ke Kumpulan "B", sesuai dengan keperluan masa dan keadaan kerja. Kertas cadangan ini akan dikemukakan kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.



**PERUNTUKAN PKEN-PKEN 1988**

13. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Perusahaan Awam memaklumkan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk semua SEDC bagi tahun 1988. Sila beri angka-angka bagi setiap SEDC.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:]**

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kesemua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) pada tahun 1988 ialah \$52,580,000. Pecahan bagi tiap-tiap satu adalah seperti berikut:

(1)	PKEN Perlis	\$7,000,000
(2)	PKEN Kedah	\$5,900,000
(3)	PKEN Pulau Pinang	\$3,000,000
(4)	PKEN Perak	\$1,800,000
(5)	PKEN Selangor	\$2,580,000
(6)	PKEN Negeri Sembilan	\$2,400,000
(7)	PKEN Melaka	\$2,000,000
(8)	PKEN Johor	\$7,300,000
(8)	Lembaga Kemajuan Negeri Pahang	\$2,700,000
(9)	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Kelantan	\$5,800,000
(10)	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak \$2,000,000	\$2,000,000
(11)	Perbadanan Pembanguanaa Ekonomi Sabah	\$10,100,000
	Jumlah semua:	\$52.580,000

Semua peruntukan belanjawan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri merupakan pinjaman sahaja, di mana kaedah-kaedah pinjaman ini ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Selain daripada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Perbadanan-perbadanan ini juga memperolehinya daripada Kerajaan Negeri dan sumber kewangan dalaman untuk belanjawan pembangunan dan mengurus. Saya tidak dapat memberikan butir-butir peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri oleh kerana peruntukan-peruntukan tersebut belum lagi diluluskan oleh Dewan Negeri masing-masing.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah wang sebanyak \$50 juta yang diberikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat: bukan Yang Berhormat seorang sahaja yang berdiri, ada yang lain juga, jangan terus bertanya. Duduk dulu, beri peluang Ahli Baru. Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Sagaff, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan iaitu apakah asas-asas untuk peruntukan yang dibuat kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini satu soalan yang baik, tahniah kepada beliau sebagai Senator baru.

Memandangkan sumber kewangan yang terhad, penmtukan perbelanjaan pembangunan terpaksa dikurangkan, hanya peruntukan bagi projek-projek yang diluluskan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima sahaja yang diberikan pertimbangan dan juga setelah mengambil kira peruntukan yang telah dibelanjakan dalam tahun 1988 dan anggaran perbelanjaan yang sebenar tahun 1987. Pertimbangan peruntukan bagi projek-projek yang dibuat mengikut keutamaan berdasarkan kepada kriteria berikut:

- (i) projek-projek yang terikat secara kontrak yang dikaji semula dan diluluskan oleh Kerajaan;
- (ii) projek-projek yang belum terikat secara kontrak tetapi sangat penting bagi melengkapkan kepada projek-projek yang telah sedia ada;

- (iii) projek-projek yang boleh menambah hasil dan pendapatan negara;
- (iv) projek-projek yang boleh menambahkan peluang pekerjaan; dan
- (v) projek-projek yang boleh memberi manfaat kepada sebahagian besar rakyat dan tidak melibatkan pengaliran keluar matawang negara;

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peruntukan sebanyak \$50 juta sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sebagai satu pinjaman untuk menyelamatkan ataupun metnbantu anak-anak syarikat PKEN yang menanggung kerugian besar dalam perniagaan dan sekiranya itu adalah bertujuan sebagai menyelamatkan atau membantu anak-anak syarikat yang menanggung kerugian dalam perniagaan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah kerugian yang dihadapi oleh anak-anak syarikat itu?

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak. Sebagaimana telahpun saya jawab soalan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Syed Hamid Sagaff tadi.

**TABIKA TERENCAT AKAL DI KAWASAN GEREJA**

14. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (i) adakah Kementerian sedar adanya terdapat sekolah-sekolah Tabika Kanak-kanak Terencat Akal yang diadakan di dalam kawasan gereja, sedangkan kanak-kanak ini adalah di antaranya dari anak-anak yang beragama Islam.
- (ii) apakah tindakan Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk mengatasi masalah ini tidak menjadi satu isu di kalangan masyarakat Islam sendiri.

**Menteri Kebajikan Masyarakat [Tuan Mustaffa bin Mohammad]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar adanya sekolah-sekolah tabika kanak-kaaak terencat akal atau pusat-pusat harian kanak-kanak terencat akal yang dikendalikan oleh pertubuhan sukarela yang mana sebilangan kecil daripadanya menggunakan kawasan gereja, tetapi suka saya tegaskan di sini bahawa dari segi penyampaian pelajarannya, ianya tidak ada apa-apa kaitan dengan hal-hal agama, sebaliknya khusus memberi tumpuan dalam bidang pendidikan kanak-kanak terencat akal,

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini supaya ianya tidak dijadikan satu isu di kalangan masyarakat Islam, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa mengawasi perkembangan dan kegiatan-kegiatan pusat-pusat harian yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela itu bagi menentukan semua aspek pengurusan dan perkhidmatan yang dikendalikan berjalan dengan teratur dan memuaskan.

Teguran dan panduan diberi kepada pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan sekiranya berlaku apa-apa penyelewengan dari segi penyampaian perkhidmatan atau pentadbiran, termasuklah isu-isu sensitif di kalangan masyarakat. Tindakan-tindakan juga sedang diusahakan untuk mengadakan bangunan-bangunan sendiri atau menyewa bangunan-bangunan yang sesuai oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berkenaan bagi mengadakan pusat-pusat harian untuk kanak-kanak terencat akal.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah peruntukan yang telah ataupun akan diberi kepada badan-badan sukarela seperti salvation army yang menjalankan tugas membantu Kerajaan mendidik kanak-kanak terencat akal.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh diberi tahu peruntukan itu untuk apa, kalau untuk membiayai kanak-kanak itu, jika saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa perbelanjaan yang diberikan oleh Kementerian bagi mendidik kanak-kanak terencat akal ialah sebanyak \$1.30 seorang sehari bagi tiap pusat harian dan manakala pusat-pusat yang berasrama pula diberikan sebanyak \$2.60 sehari.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, tadi beliau telah menyebutkan Kementerian sentiasa mengawasi tempat-tempat di mana sekolah kanak-kanak terencat akal sama ada daripada pegawai-pegawai Kementerian sendiri ataupun daripada Jawatankuasa Pertubuhan Sukarela yang ditubuhkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat sendiri. Dan jika sekiranya ada, berapa lama sekali dalam sebulan ataupun dalam 3 bulan pegawai-pegawai itu membuat lawatan di tempat-tempat tersebut?

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela itu dalam hal mengendalikan sekolah-sekolah kanak-kanak terencat akal itu, bagi menentukan bantuan yang diberikan oleh Kementerian ini layak di terima ataupun tidak oleh persatuan atau pertubuhan tersebut.

Jadi, mengenai lawatan atau pemeriksaan itu sentiasa dibuat dari masa ke semasa.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Saya ingin mendapat penjelasan dari Menteri yang berkenaan, adakah pihak Kerajaan telah mengadakan kelas-kelas Tabika untuk kanak-kanak Islam yang terencat akal melalui Jabatan Kemas atau lain-lain agensi?

**Tuan Mustaffa bin Mohanmad:** Melalui Jabatan KEMAS atau lain-lain agensi tidak ada tetapi ada 5 buah Pusat yang dikendalikan sendiri oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau ingin untuk makluman Dewan ini boleh saya bacakan iaitu:

- (1) Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Baharu yang mempunyai 200 orang murid;
- (2) Taman Sinar Harapan Tampoi Johor yang mempunyai 240 orang murid;
- (3) Taman Sinar Harapan Tunku Ampuan Najihah, Seremban mempunyai 100 orang murid;
- (4) Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu mempunyai 200 orang murid; dan
- (5) Taman Sinar Harapan Kuala Trengganu mempunyai 80 orang murid.

### INDUSTRI PELANCONGAN

15. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bahawa Kerajaan sedang memesatkan industri pelancongan di seluruh negara dan Negeri Melaka sedang berusaha untuk mengadakan beberapa projek pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong seperti projek "Light and Sound" yang akan mempersembahkan sejarah Negeri Melaka yang tunggal dan adakah Kementerian sedia memberi peruntukan untuk menjayakan projek yang julung kali di rantau ini.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Menteri Kebudayaan dan Pelancongan.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedar bahawa projek-projek yang baik boleh menarik pelancong-pelancong bukan sahaja daripada luar negeri tetapi juga dalam negeri untuk mendapat pendapatan yang lebih. Walau bagaimanapun Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak mempunyai peruntukan untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Tetapi di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan-kerajaan Negeri disalurkan dengan peruntukan menerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri untuk maksud pembinaan projek-projek pembangunan. Merujuk kepada projek "Light and Sound" itu iaitu satu perkara yang kita mendapat ilham daripada luar negeri terutama daripada Perancis, Jerman ataupun Amerika itu adalah suatu yang baik yang dicadangkan oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri Melaka dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan bekerjasama dari segi penggalakan dan juga dari segi seranta.

**DRAMA SWASTA**

**16. Tuan R. M. Jasni** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya berpuas hati dengan mutu drama swasta yang ditayangkan selama ini. Ramai berpendapat bahawa kegagalan drama swasta itu berpunca dari kesilapan penyerahan peluang kepada mereka yang belum mempunyai pengalaman yang cukup dibidang perfileman.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa berikhtiar untuk memperbaiki mutu rancangan-rancangannya termasuk rancangan-rancangan pengeluaran tempatan seperti drama swasta. Walau bagaimanapun drama adalah persembahan yang subjektif dan mutunya terletak pada penilaian orang ramai. Ada drama yang diterbitkan oleh syarikat yang baru yang baik dan drama terbitan syarikat berpengalaman yang tidak begitu baik dan sebaliknya.

Dalam hal ini apa yang diutamakan oleh Kementerian ialah memberi peluang yang adil kepada semua pihak yang ingin menerbitkan drama. Untuk menjamin mutunya, pemilihan skrip telah dibuat dengan lebih teliti dan pihak penerbit swasta juga diberi nasihat-nasihat yang sewajarnya untuk sentiasa memperbaiki mutu penerbitan mereka.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat memberitahu berapa banyakkah RTM membelanjakan untuk mendapatkan sebuah drama TV?

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Perbelanjaan untuk menerbitkan satu episod drama swasta di antara \$30,000 ke \$40,000.



**KUMPULAN MUTU KERJA DI HOSPITAL-HOSPITAL**

**17. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan yang lebih berkesan supaya kakitangan di hospital-hospital di seluruh negara mengamalkan konsep Kumpulan Mutu Kerja, sebagai langkah positif ke arah perkhidmatan yang cemerlang, bersopan-santun kepada masyarakat Malaysia.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telahpun menubuhkan Kumpulan Mutu Kerja di hospital-hospital di seluruh negara kita di mana kadangkala terdapat lebih daripada satu kumpulan diadakan di setengah-setengah hospital. Misalnya di Hospital Besar Kuala Lumpur mempunyai 15 buah kumpulan dan di Hospital Besar Kuala Terengganu pula telah menubuhkan 2 buah kumpulan.

Dengan adanya kumpulan-kumpulan seperti ini, beberapa masalah telah dapat diselesaikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa Kumpulan Mutu Kerja di Kementerian telah dijemput untuk menyertai pertandingan di peringkat sektor awam dan ada di antaranya pernah memenangnya. Kementerian Kesihatan juga yakin bahawa dengan tertuduhnya Kumpulan Mutu Kerja ini, mutu perkhidmatan akan dapat dipertingkatkan lagi dengan lebih berkesan.

**SISWAZAH MENGGANGGUR**

18. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga sekarang ini berapa jumlah siswazah yang menganggur sebenarnya:-

- (a) lepasan dalam negeri; dan
- (b) lepasan luar negeri (Tajaan Kerajaan)

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan siswazah yang menganggur yang telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga 1hb November, 1987 untuk mendapatkan pekerjaan ialah seramai 18,853 orang. Bilangan ini adalah meliputi siswazah lepasan universiti-universiti dalam negeri dan juga universiti-universiti luar negeri.

- (a) Bilangan siswazah menganggur lepasan universiti-universiti dalam negeri ialah seramai 15,902 orang.
- (b) Seramai 2,245 orang adalah terdiri daripada siswazah-siswazah lepasan universiti-universiti luar negeri.

#### PENDATANG HARAM

19. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada berlaku kejadian di mana pendatang haram yang telah dihantar balik ke negara mereka datang semula ke negara kita,

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato'Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kejadian di mana pendatang haram yang diusir keluar datang semula ke negara ini. Tetapi perkara ini sukar dikawal kerana pendatang-pendatang tersebut masuk secara haram melalui pintu-pintu masuk yang tidak diwartakan.

#### PERHUBUNGAN KAUM ANTARA MURID-MURID SEKOLAH

20. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk membaiki lagi perhubungan perkauman di antara murid-murid sekolah menengah, maktab-maktab, universiti-universiti termasuk sekolah-sekolah berasrama, dan adakah setakat kini pihak Kementerian Pendidikan mengkaji dan memilih kesan-kesan berkenaan perkara ini.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk membaiki lagi perhubungan kaum di antara murid-murid sekolah menengah dan sekolah-sekolah berasrama, maktab-maktab serta universiti-universiti. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- (1) Menyemai dan memupuk nilai dan semangat perpaduan melalui kurikulum sekolah khususnya melalui matapelajaran Alam dan Manusia Pendidikan Moral, Sejarah dan Pengajian Malaysia.

- (2) Mengadakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan pasukan beruniform, sukan, permainan, kelab dan persatuan. Melalui kegiatan-kegiatan seumpama ini, penuntut-penuntut dari semua kaum akan dapat berinteraksi antara satu sama lain bagi memupukkan persefahaman, persahabatan, peranan, tolong ansur dan sebagainya untuk membentukkan semangat perpaduan di kalangan mereka.
- (3) Tidak membenarkan penubuhan persatuan yang hanya melibatkan kaum tertentu sahaja seperti Persatuan Pelajar Melayu, Persatuan Pelajar-pelajar Cina dan lain-lain.
- (4) Pelajar dari semua kaum digalakkan mengambil bahagian dalam bahagian aktiviti-aktiviti seragam seperti Pasukan Latihan Pegawai Stmpanan (PELAPES), Kadet Polis dan juga Kesateria.
- (5) Menggalakkan pelajar dari semua kaum mengambil bahagian dalam acara sukan yang biasanya disertai oleh hanya sesuatu kaum sahaja seperti bola keranjang, sepak takraw dan tae kwan do.
- (6) Menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar dari berbagai kaum dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan.
- (7) Bagi lawatan luar kampus, sama ada lawatan dalam atau luar negeri, pihak universiti mensyaratkan supaya rombongan pelajar-pelajar itu hendaklah terdiri dari semua kaum.

- (8) Semua aktiviti di asrama/kolej kediaman mesti disertai oleh pelajar dari semua kaum seperti gotong royong, hari terbuka kolej, hari pekerja, acara sukan, majlis makan malanj lawatan aktiviti kelab dan kursus kepimpinan.

Kementerian Pendidikan ada juga mengkaji dan menilai kesan-kesan mengenai perkara tersebut dari masa ke semasa. Dari makluman balas yang diterima didapati bahawa perhubungan di antara pelajar-pelajar pada keseluruhannya adalah baik.

**PENEANGAN POKOK KAYU BALAK**

21. **Tuan M. Sangralingam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah benar bahawa penebangan pokok kayu balak di hutan-hutan kita telah mengubah cuaca di Malaysia, dan jika tidak, apakah faktor utama bagi cuaca negeri kita yang tidak boleh diramalkan?

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]** Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian yang telah dijalankan oleh masyarakat saintifik, penebangan hutan secara besar-besaran boleh menyebabkan perubahan cuaca dan iklim di peringkat tempatan dan serantau. Misalnya, telah disebutkan bahawa sekiranya seluruh hutan Amazon ditebang, ia akan mendatangkan kesan yang besar kepada cuaca dan iklim Amerika Selatan. Kebimbangan telah dilahirkan mengenai pembalakan besar-besaran di kawasan Kalimantan yang akhirnya mungkin akan menyebabkan perubahan yang berkesan kepada iklim dan cuaca di rantau Asia Tenggara.

Adalah telah ditetapkan dengan sesungguhnya bahawa untuk menjalankan kajian mengenai perhubungan di antara pembalakan dan kesan-kesannya terhadap iklim atau cuaca, pemerhatian kajicuaca, terutamanya hujan, hendaklah dibuat di kawasan pembalakan dan sekitarnya terus-menerus sekurang-kurangnya untuk tempoh 50 tahun sebelum dan selepas pembalakan dimulakan. Perubahan besar semula-jadi terhadap hujan dari segi tempat dan masa (spatially and temporally), dengan izin, berkaitan dengan proses perolakan yang kecil skalanya (small-scale convective processes), dengan izin, di kawasan-kawasan khatulistiwa, berkehendakkan satu keperluan tambahan

iaitu pengumpulan data hendaklah dibuat meliputi suatu rangkaian tapak terpilih yang padat di dalam kawasan kajian supaya sesuatu kesimpulan yang ketara dapat dibuat daripada kajian itu.

Memandangkan kekurangan data iklim yang benar-benar tepat di mana-mana kawasan di Malaysia sebelum dan selepas pembalakan, maka tidak ada kajian mengenai hubungan di antara pembalakan dan kesan-kesannya terhadap iklim dan cuaca telah atau boleh dibuat oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia atau mana-mana agensi tempatan atau luar negeri yang lain. Oleh sebab data sedemikian tidak ada, kesimpulan yang pasti tidak dapat dibuat dalam kes pembalakan di Malaysia. Walau bagaimanapun, iklim mikro, terutamanya suhu, kawasan yang dibasmi hutan akan terjejas. Dari segi ini, langkah-langkah pemuliharaan dan perlindungan hutan yang sewajarnya dapat menolong mengekalkanimbangan iklim.

Teknik-teknik sains yang dipergunakan dalam ramalan cuaca hari ke hari di Malaysia dan di negara-negara maju, adalah berhubung dengan perihal dinamik keadaan-keadaan udara yang dikumpulkan di seluruh dunia berdasarkan satu masa atau real-time, dengan izin, melalui sesuatu hubungan telekomunikasi yang eksklusit. Proses-proses kompleks yang berkaitan dengan aliran udara dunia yang besar skalanya (large-scale planetary air flow), dengan izin, dan peredaran udara tempatan mengawal cuaca di sesuatu tempat. Dalam membuat sesuatu ramalan cuaca, ahli-ahli kajicuaca mengambilkira skala-skala yang berubah-ubah atau varying scales, dengan izin, bagi sistem-sistem peredaran angin termasuklah proses-proses perolakan tempat serta juga pengaruh-pengaruh topografi.

Memandangkan ciri-ciri sistem cuaca khatulistiwa yang sebenarnya menjadi sebab berlakunya perubahan besar kepada hujan dan angin dari segi tempat dan masa, maka tugas ramalan cuaca adalah lebih sukar di kawasan-kawasan khatulistiwa berbanding dengan kawasan-kawasan sejuk. Dari segi kedudukan di bumi, keluasan tanah Malaysia adalah kecil, maka ramalan cuaca bagi kawasan yang kecil adalah sukar dari segi ketepatannya. Walau bagaimanapun, perangkaan menunjukkan bahawa ketepatan ramalan cuaca di Malaysia adalah kira-kira 65% hingga 70% mengikut satu kadar kajian yang berpatutan bagi kawasan khatulistiwa. Pada masa ini, penyelidikan bagi memperbaiki keupayaan ramalan sedang dijalankan sebagai satu aktiviti berterusan, walaupun ini dibuat secara yang terhad terutamanya disebabkan oleh kekurangan tenaga kakitangan yang terlatih dan kemudahan-kemudahan peralatan yang dipergunakan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Jawab Mulut sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 27 adalah**



**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi diputuskan dan dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat; untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb. Disember, 1987).

**Tuan Yang di-Pertua:** Semalam sebelum mesyuarat ditangguhkan, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam masih berucap atas Rang Undang-undang yang berkenaan. Yang Berhormat ingin menyambung? Sila.

**4.08 ptg**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyambung semula ucapan semalam. Saya ulangi ucapan saya iaitu dalam Akta ini ada juga terdapat larangan atau menjadi satu kesalahan kepada pemburu-pemburu yang memburu atau menangkap binatang-binatang menggunakan alat-alat secara tradisi seperti jerat, lantik, sumpitan, ranjau, panah dan lain-lain lagi, Hukuman ini agak berat terhadap orang-orang di pendalaman atau di luar bandar, termasuklah masyarakat Orang Asli yang memang kebiasaan menangkap binatang-binatang dengan cara alat-alat tersebut dari turun-temurun nenek-moyang mereka.

Jadi, saya harap kepada pihak-pihak yang berkuasa yang akan melaksanakan Akta ini setelah diluluskan nanti, akan diberi pertimbangan kepada mereka ini dari teraniaya, kena tangkap misalnya hingga diseret ke mahkamah kerana melakukan tangkapan binatang-binatang hidupan liar ini dengan tujuan untuk dibuat lauk-pauk mereka sebagaimana kebiasaannya dan bukannya bertujuan untuk berniaga menjual daging dan sebagainya. Walaupun kita faham undang-undang tetap undang-undang, undang-undang tidak kenal siapa, bersalah tetap bersalah kepada sesiapa yang melanggar peraturan, tetapi sebaliknya undang-undang itu adalah dibuat oleh manusia dan saya percaya akan, memberi timbaugrasa di atas perkara-perkara tersebut sebelum undang-undang ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih. Dengan ini saya menyokong Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab.

**4.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan seramai 15 orang Senator telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini serta memberikan pandangan, teguran dan saranan yang membina. Ini tentulah akan membantu Kementerian saya khasnya, Jabatan PERHILITAN untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih licin dan teratur lagi pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Awang telah menimbulkan masalah mengenai perkataan "dan" yang terdapat di dalam Fasal-fasal yang meminda penalti-penalti. Ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat, jika sekiranya Yang Berhormat membaca Rang Undang-undang

ini bersama dengan Akta **ibu**, Yang Berhormat akan dapat lihat dengan jelas bahawa hukuman yang dikenakan di dalam seksyen-seksyen berkenaan adalah hukuman "denda atau penjara" dan bukan "dan". Perkataan "dan" digunakan di dalam Rang Undang-undang ini hanya sebagai perkataan conjunctive, dengan izin. Perkataan-perkataan yang dipinda hanya jumlah denda dan tempoh penjara.

Perkataan "atau" di dalam Akta **ihu** masih dikekalkan. Perkataan-perkataan yang dipinda adalah perkataan-perkataan yang berada di dalam kurungan (inverted commas), dengan izin, sahaja. Misalnya Fasal 55 yang merujuk kepada Seksyen 89 Akta **ibu** di mana perkataan-perkataan "lima ratus ringgit" digantikan dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit" dan perkataan-perkataan "tiga bulan" digantikan dengan perkataan-perkataan "satu tahun" supaya ayatnya yang dipinda berbunyi seperti berikut:

"dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya."

Perkataan "atau" di Akta **ibu** masih dikekalkan. Dengan hal yang demikian tidak ada apa-apa kesilapan di dalam penyediaan pindaan-pindaan kepada Akta ini,

Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Awang juga menimbulkan masalah perkara mengenai senarai binatang liar atau burung liar di bawah Akta ini, Jenis-jenis binatang liar atau burung liar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, telah disenaraikan di dalam Jadual I, Jadual II, Jadual III, Jadual IV, Jadual V Akta **ibu** yang telah diwartakan pada tahun 1972 lagi.

Mengenai perosak tanaman seperti babi hutan dan sebagainya, petani-petani yang menghadapi masalah serangan babi hutan di kawasan luar bandar diberi kelonggaran di bawah Seksyen 55 Akta ibu untuk menembak bagi mengelakkan tanaman petani musnah, Babi hutan tidak merupakan sumber makanan untuk harimau supaya harimau tidak mengancam nyawa manusia dan ternakan.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Awang juga membangkitkan perkara mengenai burung merak. Adalah benar species tersebut dipercayai pupus di negara kita. Sekiranya masih wujud, ianya sangat kecil bilangannya. Dipercayai sebilangan kecil burung merak masih hidup di negeri Terengganu dan Pahang. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, tiada bulu burung merak dari species tempatan diambil untuk perhtasan kerana ianya sudah tiada atau sukar untuk diperolehi jika ianya masih ada. Species merak dari India dan Thailand masih banyak wujud dan bulu-bulunya diambil tanpa membunuh burung-burung tersebut untuk perhiasan di rumah.

Projek untuk membiak species burung merak tempatan telahpun dimulakan oleh Jabatan PERHILITAN dan Zoo Negara. Projek ini mudah dilaksanakan dan telah berjaya mendapat telur-telur untuk ditetas, Bila banyak nanti burung-burung tersebut, ianya akan dilepas semula ke dalam hutan.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin telah membangkitkan masalah mengenai gagak. Gagak yang menjadi masalah sekarang ini di pekan atau bandar merupakan species yang dibawa masak dari luar ketika zaman kolonial bagi mengatasi penyakit di ladang kopi pada masa itu. Gagak tersebut digunakan untuk memakan ulat-ulat yang menghinggapi tanaman kopi, tetapi hari ini gagak tersebut membiak dengan banyaknya. Oleh itu, disarankan pihak-pihak tertentu, orang

awam bolehlah menembaknya bagi mengurangkan masalah tersebut kerana tidak dilindungi oleh Akta ini.

Mengenai species kelawar pula, tanya adalah penting untuk tujuan pendebungaan pokok-pokok buah-buahan terutamanya durian dan lain-lain. Kelawar ini juga tidak dilindungi di bawah Akta ini kerana kedudukan populasi tidak terancam.

Berkaitan dengan kambing biri-biri dan arnab, kedua-duanya adalah di bawah kuasa Jabatan Perkhidmatan Haiwan serta Kementerian Pertanian.

Untuk maklaman Ahli Yang Berhormat, tupai adalah diberi perlindungan mengikut Akta ini tetapi kesemua jenis tupai itu adalah yang terdapat di hutan belantara, sedangkan tupai di kampung-kampung ianya tidak diperindungi mengikut Akta ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah Mohd. Said dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Lau Keng Siong juga menimbulkan perkara mengenai kera yang dizalimi dengan mengambil otaknya. Setakat hari ini belum ada laporan yang sah mengenai kejadian kezaliman ini. Sekiranya ada laporan yang sah, Jabatan PERHILITAN akan mengambil tindakan mengikut Akta Perlindungan Hidupan Liar bagi menghukum mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun, kes kezaliman terhadap kera, beruk dan binatang lain telah berjaya ditangkap oleh Jabatan PERHILITAN bagi tempoh 1985/1986 sebanyak 8 kes. Kes-kes tersebut berlaku 3 di Wilayah Persekutuan dan Selangor; 3 di Perak dan 2 di Pahang. Bilangan binatang yang terlibat adalah 20 ekor manakala denda yang dipungut hasil dari kompaun berjumlah \$800. Kompaun ini adalah berdasarkan kadar yang ada sekarang.

Mengikut penalti maksima yang ada sekarang ialah \$1,000. Kadar penalti maksima yang dicadangkan sekarang ialah \$3,000. Kera dan beruk telah dilarang dari dieksport semenjak 1984 hingga 1989. Larangan ini akan dikajisemula dalam tempoh 5 tahun tersebut. Sama ada untuk menarik balik larangan atau tidak, ini bergantung kepada penyelidikan mengenai populasinya sama ada bertambah atau tidak.

Senator Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said juga membangkitkan perkara mengenai pakaian seragam Ranger Hidupan Liar. Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia mempunyai pakaian seragam yang tersendiri yang dapat membezakan daripada pemburu dan Pegawai Penguatkuasa dari jabatan Lain. Berkaitan dengan penjualan hidupan liar di kedai, ingin saya memaklumkan bahawa pekedai-pekedai yang menjual hidupan liar yang disenaraikan di dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar adalah pekedai yang berlesen. Jabatan PERHILITAN sentiasa membuat pemeriksaan yang ketat dari masa ke semasa ke atas pekedai-pekedai yang berkenaan.

Mengenai salahguna kuasa, Jabatan PERHILITAN sentiasa meneliti mengenai perkara ini dan jika didapati perkara ini berlaku di kalangan kakitangannya maka tindakan mengikut Perintah Am bab B dikenakan terhadap mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embong telah menyentuh soal kempen-kempen untuk memberi kesedaran, Jabatan sentiasa mengusahakan program perkembangan seperti berikut:-

- (a) program perkembangan ke sekolah-sekolah yang termasuk ceramah, pertunjukan filem, slide dan lawatan ke Luar;
- (b) program perkemahan hujung minggu yang mengandungi aktiviti-aktiviti mengenal pokok, berjalan

mengikut printis, cara menggunakan kompas dan menanamkan semangat kerjasama dan kepimpinan di kalangan pelajar;

- (c) kursus mengenai kooservasi dan hidupan Liar di Pusat Kajian Alam Semula Jadi di Kuala Atok, Taman Negara dan juga di Pusat Latihan Bukit Ringgit, Lanjan, Pahang.

Setakat ini lebih daripada 10,000 pelajar-pelajar dari 193 buah sekolah menengah diberi syarahan dan perkemahan. Untuk meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan para pelajar, Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan telah memberi sumbangan berbentuk artikel berkenaan hidupan Liar untuk dimuatkan di dalam buku teks bertajuk Alam dan Manusia untuk Darjah VI. Buku itu seperti ini **[Menunjukkan buku]**.

Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embong juga menimbulkan perkara pembiakan binatang liar, Jabatan PERHILITAN telah menjalankan projek pembiakan tuntung di Bota Kanan, Perak; di Pasir Tamir, Ulu Terengganu, Terengganu dan sebanyak 19,000 anak tuntung telah dapat dilepaskan balik ke dalam sungai. Jabatan PERHILITAN juga sedang melaksanakan beberapa projek pembiakan dalam kurungan seperti berikut:-

**Selatan** - Dijalankan di Jenderak Rizab Hidupan Liar, Raub, Pahang mulai tahun 1987 dan projek rusa di Rizab Sungkai, Perak dalam 1985, juga di Jenderak Pahang sejak 1977. Satu lagi di Gua Musang dalam 1982.

Satu projek lagi iaitu badak kerbau dan projek ini bermula dalam 1984, Projek ini adalah merupakan satu-satunya projek pembiakan ke atas salah satu species yang hampir pupus di dunia. Projek ini dijalankan di Zoo Melaka dan di Rizab Sungai Dusun,



Selangor dan juga satu projek burung Kruing, Jabatan sedang giat membiak burung keruing di Sungkai Perak dan di Zoo Air Keroh, Melaka.

Yang Berhormat Senator, Tuan Haji Ibrahim Haji Ujang, Vang Berhormat Senator Puan Habidah Jusoh dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Majid Abdullah telah menimbulkan masalah mengenai ancaman atau kerosakan yang dilakukan oleh hidupan liar ke atas harta benda tanaman atau nyawa manusia. Sebenarnya ada peruntukan dalam Akta itu iaitu di Seksyen-seksyen 55 dan 56 membenarkan tuannya tanaman atau harta benda membunuh hidupan liar tersebut jika ianya dipercayai benar-benar mengancam harta benda, tanaman atau nyawa manusia. Walau bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan supaya jangan berbuat demikian kecuali dalam keadaan sangat mendesak, oleh kerana binatang-binatang itu adalah liar dan sangat berbahaya. Untuk kebaikan semua pihak, orang ramai dinasihatkan berhubung dengan Jabatan PERHILITAN dengan sedaya upaya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, manusia mati akibat dibunuh oleh hidupan liar bagi tahun 1982 setakat ini ialah 18 orang. Bilangan ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan bilangan manusia yang mati di jalanraya disebabkan kemalangan akibat perbuatan manusia sendiri.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Haji Ujang menyentuh soal tindakan Jabatan terhadap kes-kes menembak ayam hutan dan kes-kes melepaskan barang exhibit. Jabatan akan cuba mendapatkan butir-butir tambahan seperti bulu atau darah ataupun tulang-tulang binatang atau burung yang telah dibuang atau ditanam untuk dijadikan barang exhibit di mahkamah.

Di samping itu butir-butir lain seperti saksi akan juga digunakan untuk memperkukuhkan kes tersebut. Akta Perlindungan Hidupan Liar yang sedia ada dan dengan pindaan-pindaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pemburu-pemburu boteh ditangkap mengikut Seksyen 68 kerana kesalahan menembak atau membunuh mana-mana binatang liar yang diperlindungi atau burung liar yang diperlindungi atau mana-mana sebahagian, misalnya rusa, pelanduk, burung punai dan ayam hutan. Mereka yang ditangkap dan dituduh di bawah Seksyen 68 iaitu mengikut penalti yang akan dipinda akan didenda maksima \$3,000 atau penjara selama tidak kurang daripada 3 tahun atau kedua-duanya.

Mengenai kedudukan hidupan liar atau burung liar, ia adalah kepunyaan negeri di mana hidupan liar atau burung tersebut diperolehi. Lesen-lesen adalah perlu untuk pemburuan hidupan liar tersebut. Hidupan liar boleh dibunuh tanpa lesen untuk memperlindung. tanaman, harta benda dan nyawa manusia atau tenaga.

Yang Berhormat Senator Puan Mazidah Haji Zakaria menyentuh kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan terhadap hidupan Liar atau burung liar, ini akan meliputi kesemua jenis hidupan liar yang diperlindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar. Kebenaran bertulis untuk membuat penyelidikan dan kajian adalah perlu untuk menyelaraskan semua jenis penyelidikan yang dijalankan.

Mengenai Fasal 21 sebenarnya Orang Asli diberi kelonggaran tertentu sepertimana yang disebutkan di dalam Seksyen 52 Akta itu.

Mengenai Fasal 22 iaitu kaedah di dalam pemberian permit khas, sebenarnya permit khas yang dikeluarkan akan mensyaratkan bilangan kaedah menangkap dan semua aspek. Bilangan hidupan liar yang

dibenarkan diambil atau dibunuh dicatatkan dalam permit khas dan ianya selalunya tidak melebihi 1 atau 2 ekor sahaja. Oleh yang demikian pengambilan atau pembunuhan berlebihan tidak timbul.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Mazidah Haji Zakaria, Akta Perlindungan Hidupan Liar hanya digunakan di Semenanjung Malaysia oleh kerana negeri Sabah dan negeri Sarawak mempunyai undang-undang negeri masing-masing untuk menguruskan perkara-perkara berhubung dengan hidupan liar di kedua-dua negeri tersebut. Walaupun demikian, Kementerian saya telahpun berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk melanjutkan liputan Akta ini ke Sabah dan Sarawak. Kini Kerajaan Pusat sedang menanti keputusan daripada kedua-dua Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Saya berterima kasih atas pandangan-pandangan Yang Berhormat Senator Puan Mazidah Haji Zakaria mengenai pentingnya memelihara tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar di kawasan Endau-Rompin.

Kementerian saya sedar bahawa kawasan Endau-Rompin mempunyai ciri-ciri alam semula jadi yang kaya dan unik di dunia ini. Oleh yang demikian kedudukan kawasan tersebut perlu dikekalkan agar rakyat negara kita dapat menikmati warisan semula jadi negara. Pemeliharaan kawasan ini bukan sahaja penting dari segi penyelidikan sains bahkan ia mempunyai potensi rekreasi dan pelancongan. Sungguhpun Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mentadbirkan kawasan tersebut, Kementerian saya bersedia bekerjasama rapat dengan menyumbang ke arah pembangunan kawasan Endau-Rompin.

Yang Berhormat Senator Puan Mazidah Haji Zakaria dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menimbulkan soal terhadap kematangan. Takrif terhadap kematangan adalah di bawah Jadual Keenam Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 yang mana

ini mudah difahami oleh semua pemburu kerana setiap lesen pemburu penerangan mengenai taraf kematangan adalah diterangkan. Oleh itu pemburu-pemburu mudah memahaminya.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif menyentuh soal tempoh lesen pemburuan yang dikeluarkan. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan PERHILITAN kini sedang membuat penyemakan mengenainya dan suatu peraturan baru akan diwartakan kelak.

Mengenai kes orang tertentu yang terlepas dari tangkapan dan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Jabatan PERHILITAN akan mengambil tindakan yang wajar tanpa memilih kedudukan atau status, dengan izin, orang yang berkenaan jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat lanjut mengenai sesuatu kes itu.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif juga menimbulkan perkara mengenai musim terbuka. Ini dibuat untuk tujuan berikut:

- (i) mengadakan sukan memburu di kalangan pemburu-pemburu.
- (ii) membuat kawalan dari segi menstabilkan populasi hidupan liar,

Tujuan musim tutup ialah untuk membolehkan hidupan liar membiak semula.

Yang Berhormat Senator Puan Habidah binti Jusoh membangkitkan masalah serangan harimau ke atas ternakan. Saya ingin memaklumkan bahawa sekiranya ada berlaku ternakan ayam, lembu kepunyaan penternak atau manusia diserang oleh binatang buas seperti harimau maka Seksyen 55 Akta itu memberi kelonggaran tertentu bagi menembak harimau yang mengganas itu.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon iaitu untuk mewujudkan banyak lagi kawasan rizab hidupan liar dan Taman-taman Negara, Kementerian saya telah dan sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia berkenaan dengan beberapa kawasan yang dikenalpasti berpotensi dijadikan rizab atau Taman-taman Negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat setakat hari ini lebih kurang 7% kawasan tanah hutan telahpun diperuntukkan sebagai Taman-taman Negara dan rizab hidupan-hidupan liar.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah membangkitkan soal lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN. Lesen-lesen yang dikeluarkan adalah beberapa jenis, tetapi tidak ada lesen untuk menjerat hidupan liar, oleh kerana menjerat hidupan liar merupakan satu kesalahan di bawah Akta ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah juga menimbulkan perkara mengenai penambahan kakitangan Penguatkuasa. Saya bagi pihak Jabatan PERHILITAN mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian sedar mengenai kekurangan kakitangan di semua peringkat Pegawai Penguatkuasa bagi menguatkuasakan Akta dengan lebih berkesan. Dalam hubungan ini pihak Kementerian akan cuba berusaha ke arah tersebut untuk mengatasi kekurangan ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menimbulkan perkara mengenai kes-kes yang telah ditangkap mengikut Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes-kes bersabit dengan berbagai kesalahan terhadap hidupan liar sepanjang 7 tahun yang lalu sahaja iaitu 1980-1986 adalah berjumlah 17,586 kes. Dari jumlah tersebut sejumlah 1,363 kes telah dibawa ke mahkamah mengikut peruntukan Akta tersebut.

Bakinya sejumlah 16,223 kes telah dikompaun oleh Jabatan PERHILITAN.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap kes yang ditangkap sekurang-kurangnya melibatkan seorang individu ada kalanya bagi sesuatu kes itu terdapat sehingga 8 ke 10 orang kes pemburu haram. Dari segi kutipan hasil dari kes-kes tersebut pula sejumlah \$1.5 juta berjaya dipungut oleh pihak Kerajaan bagi tempoh 7 tahun. Dari jumlah tersebut sebanyak \$180,899 hasil denda mahkamah berjaya dipungut untuk tempoh 7 tahun.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga menimbulkan perkara mengenai denda dan kes yang ditangkap. Jabatan Perhilitan memang ada menyimpan data mengenai kes-kes yang ditangkap dan didenda. Ahli Yang Berhormat dijemput ke Jabatan Perhilitan untuk mendapatkan data berkenaan dengan terperinci.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga menimbulkan masalah mengenai pencegahan mengenai konservasi dan di dalam masa yang sama memburu. Mengenai setengah-setengah binatang buruan dibenarkan diburu ataupun untuk diperlindungi. tni bergantung kepada jenis species tersebut sama ada bilangannya banyak atau terancam. Lesen pemburuan hanya dikeluarkan bagi species yang mempunyai bilangan yang banyak.

Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai takrifan yang tidak Lengkap dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Akta yang dicadangkan ini sebenarnya untuk melengkapkan takrifan yang tidak jelas di dalam Akta Ibu yang ada sekarang.

Dengan adanya takrifan yang baru di dalam seksyen 3 Fasal 3 pindaan maka semua alat pandang dengar yang boleh memikat binatang, burung liar termasuk kaset boteh diambil tindakan mengikut Akta ini.

Mengenai jaring dan sebagainya untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sememangnya jaring dan Lain-lain yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun wujud takrifan mengenainya di dalam takrifan jerat di dalam Akta Ibu yang sedia ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap penjelasan saya telah dapat menyentuh semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau ada apa-apa yang tidak diliputi Kementerian saya dan Jabatan Perhilitan akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Tindakan akan diambil jika ianya difikirkan perlu. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 62** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN**  
**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Penyiaran 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kuasa yang ditetapkan di dalam Ministerial Function Order tahun 1983 bidang penyiaran adalah merupakan tanggungjawab Menteri Penerangan. Dengan itu mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti penyiaran di negara ini dengan berkesan adalah salah satu tugas utama Menteri Penerangan.

Untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab itu Menteri Penerangan seharusnya mempunyai kuasa-kuasa tertentu supaya tanggungjawab tersebut dapat dijalankan dengan berkesan demi kepentingan rakyat dan negara. Dewasa ini tidak ada undang-undang yang khusus bagi mengawal aktiviti-aktiviti penyiaran di negara ini. Kuasa yang sedia ada sekarang adalah terdapat di bawah Akta Telekomunikasi tahun 1950 yang dikuatkuasakan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Kawalan yang diperuntukkan di bawah Akta Telekomunikasi tahun 1950 ini merupakan kawalan terhadap penubuhan penggunaan serta pengendalian sistem telekomunikasi yang meliputi berbagai jenis hardware dalam teknologi komunikasi.

Sungguh pun kawalan daripada segi penubuhan dan pemasangan alat-alat komunikasi itu memanglah sangat berkesan kawalan terhadap bahan-bahan yang disiarkan melalui radio dan televisyen amatlah

rumit. Bahan-bahan siaran dari barat yang banyak digunakan mengandung berbagai-bagai unsur yang boleh mencemar nilai-nilai budaya dan masyarakat tempatan jika tidak dikawal dengan hati-hati. Banyak rungutan-rungutan telah disuarakan oleh rakyat dalam hal ini. Pengawasan secara pentadbiran sahaja yang dibuat oleh Kementerian Penerangan tidaklah begitu berkesan, apa lagi dalam mengawal kandungan iklan-iklan yang disiarkan melalui radio dan televisyen. Dengan wujudnya radio dan televisyen swasta perkara pengawalan dan pengawasan bahan-bahan siaran menjadi lebih rumit.

Walaupun Lembaga Penapis Filem telah menjalankan tugasnya dengan baik., banyak aspek-aspek subjektif penilaian pita-pita video dan filem dari luar negeri yang dipertikaikan oleh masyarakat. Kawalan yang lebih tegas dan rapi terhadap semua bahan-bahan siaran awam dalam bentuk celluloid khususnya untuk siaran melalui radio dan televisyen adalah perlu.

Menyedari hakikat ini maka adalah difikirkan amat penting supaya suatu Akta yang dinamakan Akta Penyiaran 1987 diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Kementerian Penerangan bagi menjalankan pengawalan dan pengawasan yang lebih rapi lagi. Pengawalan dan pengawasan itu haruslah dijalankan dengan penuh sedar tentang falsafah pembangunan negara dan segala dasar-dasar yang didokong oleh Kerajaan.

Ia perlu mengambil kira nilai-nilai sosio-budaya yang disebar-kan melalui muzik, lagu-lagu, seni lakon, seni tari dan lain-lain lagi bentuk seni budaya yang disiarkan melalui Radio dan TV. Segala unsur-unsur yang tidak sesuai atau bertentangan dengan nilai-nilai sosial dan masyarakat Malaysia perlu disingkirkan dengan tujuan supaya satu budaya Malaysia dapat dilahirkan. Hanya dengan cara ini barulah satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, stabil, maju dan setia kepada negara dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah hasrat yang mendorong penyusunan Rang Undang-undang Penyiaran tahun 1987 itu. Ia akan memberikan kuasa kepada Menteri Penerangan bagi mengawal dan mengawas segala bahan siaran melalui Radio dan TV manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan terus bertanggungjawab bagi mengawas dan mengawal kemasukan pemasangan dan pengendalian alat-alat penyiaran itu sendiri di bawah kuatkuasa Akta Telekomunikasi 1950. Secara yang lebih khusus Rang Undang-undang Penyiaran ini memberi kuasa kepada Menteri Penerangan dalam tiga bidang utama:

- (a) kuasa untuk mengawal dan mengawas segala kandungan bahan siaran melalui Radio dan TV supaya segala aktiviti penyiaran dijalankan secara teratur mengikut lunas-lunas yang ditentukan oleh Kerajaan;
- (b) kuasa berhubung dengan Pelesenan untuk penggunaan alat-alat penerima siaran Radio dan TV dan pelesenan terhadap penjualan alat-alat terima siaran Radio dan TV; dan
- (c) kuasa mengenai pengiklanan di Radio dan TV termasuk kuasa menentukan kadar-kadar serta

Peraturan-peraturan yang berkaitan.

Bidang-bidang kuasa yang menyebutkan itu adalah tertakluk kepada beberapa perkara seperti berikut:

- (a) mentakrifkan maksud bahan penyiaran Menteri dan stesen penyiaran supaya ianya dapat menjadi garis pemisah antara peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang Penyiaran 1987 dan Akta Telekomunikasi 1959;
- (b) keperluan lesen bagi aktiviti-aktiviti penyiaran dan menerima siaran dari dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, keperluan ini tidak diwajibkan bagi stesen penyiaran yang dipunyai oleh Kerajaan;
- (c) mengenakan denda terhadap sesiapa yang melanggar syarat pengeluaran lesen dengan kebebasan kepada sesiapa yang tidak puas hati terhadap denda itu merujukannya ke mahkamah pengadilan;
- (d) mengadakan pemeriksaan ke atas stesen-stesen penyiaran yang akan dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas itu; dan
- (e) keperluan lesen bagi memasang atau mengendalikan atau berniaga alat-alat terima siaran Radio dan alat-alat terima siaran TV.

Segala kuasa yang dibekalkan kepada Menteri Penerangan di bawah Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini adalah selaras dengan kuasa yang telah diberikan kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Akta

Telekomunikasi 1950. Batasan kuasa antara kedua-dua Akta itu adalah jelas dengan Menteri Penerangan mengawal dan mengawas kandungan bahan dan program-program yang hendak disiarkan melalui Radio dan TV, manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengawal dan mengawas kemasukan dan pemasangan alat-alat telekomunikasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, inginlah saya menjelaskan semula kenapa Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini perlu diluluskan untuk menjadi undang-undang dengan segera, sebabnya termasuklah perkara-perkara berikut:

- (a) pengawalan dan pengawasan yang rapi adalah perlu atas segala bahan-bahan yang disiarkan melalui Radio dan TV kerana pengaruh Radio dan TV terhadap cara pemikiran nilai-nilai dan pandangan hidup masyarakat amatlah besar. Jika pengaruh-pengaruh dari luar itu tidak dikawal dengan rapi dan teliti maka banyaklah kesan-kesan buruk yang akan timbul dan tujuan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, bersopan santun, bermaklumat, berkebudayaan maju dan setia kepada Raja dan negara serta pemimpin-pemimpin tidak akan dapat tercapai;
- (b) walaupun kawalan dan pengawasan itu ada dijalankan sekarang ia merupakan kawalan dan pengawasan secara administrative sahaja atau dijalankan di bawah kuatkuasa Akta Telekomunikasi 1950. Tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Penerangan adalah terbatas sekali, apa lagi dalam mengawal siaran-siaran yang dibuat oleh Radio, TV swasta; dan

(c) banyak aspek-aspek penilaian bahan-bahan siaran melalui Radio dan TV yang berbentuk penerangan atau seni melibatkan pertimbangan yang halus, sensitif dan subjective. Cuma pegawai-pegawai professional di bidang penerangan dan penyiaran yang boleh membuat pertimbangan yang teliti supaya unsur-unsur yang tidak diingini ini dan bertentangan dengan nilai-nilai sosio budaya, dasar-dasar Kerajaan dan falsafah pentadbiran negara dapat disingkirkan. Ini amatlah penting untuk menjamin supaya Radio dan TV akan memainkan peranan yang positif: bagi pembangunan negara dan masyarakat dan tidak sebaliknya.

Akhir kata saya ingin menjelaskan bahawa kuasa yang diberikan kepada Menteri Penerangan di bawah Akta ini tidaklah melebihi sebarang kuasa yang diberikan di bawah Akta Telekomunikasi 1950 dan segala kuasa yang diberikan di bawah Akta ini akan digunakan sebaik-baiknya dan seadil-adilnya demi kepentingan negara dan bangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perkhidmatan Penyiaran dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**4.58 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dengan rasa syukur dan ingin mengucapkan ribuan terima kasih serta tahniah mewakili ibu-ibu di seluruh negara yang cintakan satu pencapaian segera kepada kebudayaan teras negara yang mengandungi nilai-nilai budaya yang kita telah mimpikan, yang kita telah rancangkan untuk rakyat dan negara ini yang baru sahaja dibentangkan oleh Timbalan Menteri Penerangan sebentar tadi.

Saya akan menyokong penuh Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini yang pada pendapat saya agak Lewat dikemukakan kerana sudah 30 tahun lamanya negara kita merdeka barulah kesedaran begini timbul dan barulah kita hendak mengemukakan Rang Undang-undang bagi mengawal dan bagi memastikan bahawa cita-cita kebangsaan negara ini boleh dilaksanakan melalui penyiaran atau perkhidmatan penyiaran sebagai satu perkakas, alat, bahan pendidikan yang paling dekat dan paling rapat dengan rakyat jelata. Tidak seorang pun daripada rakyat di negara ini kecuali mereka yang terlalu jauh duduk di pedalaman yang tidak mengikuti atau tidak mempunyai alat-alat siaran iaitu seperti Radio umpamanya dan TV di mana segala bahan-bahan siarannya adalah menjadi sebagai rujukan, panduan dan boleh mempengaruhi kehidupan daya pemikiran serta bentuk budaya kepada sesuatu masyarakat dan orang-orang yang mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini nampaknya telah dibahagikan kepada 5 bahagian. Bahagian 1 ialah mengenai tafsiran, Bahagian 2 lesen untuk menyiarkan, Bahagian 3 kuasa Menteri untuk memberi arahan dan membenarkan pemeriksaan, Bahagian 4 Lesen bagi memasang atau mengendalikan atau berniaga alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen dan Bahagian 5 pula ialah mengenai pelbagai. Tumpuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab kepada penyiaran bagi mengawal, menyelaras perkhidmatan penyiaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas serba sedikit mengenai betapakah selama ini perkhidmatan penyiaran kita telah tidak dapat kita kenalpasti ke arah mana bimbingannya, ke arah mana pendidikannya, selaras atau tidak dengan cita-cita negara dan bagaimana bahan-bahan penyiaran ini setelah diswastakan menjadi satu perkara yang kontraversi dan mendukacitakan di kalangan rakyat yang cintakan kepada perpaduan, kepada kekukuhan, budaya, sopan santun dan kepada pembentukan cita-cita rakyat itu sendiri ingin menjadi rakyat yang mempunyai budayanya, nilai-nilai budaya sosialnya yang berteraskan kepada kebudayaan kebangsaan yang terkenal di kalangan bangsa-bangsa di Timur, terutama rakyat di negara kita ini sendiri walaupun kita mempunyai rakyat yang majmuk. Tetapi ketiga-tiga keturunan rakyat Malaysia ini mempunyai kebudayaannya yang luhur dan bernilai. Keturunan Cina mempunyai kebudayaan-kebudayaannya yang berunsur dan bernilai baik, sopan santun, toleransi dan juga mengandungi budaya sosial yang tinggi hemahnya, begitu juga masyarakat India dan



masyarakat Melayu, terutamanya yang beragama Islam. Tetapi kita tidak faham bagaimana cantuman daripada kebudayaan yang begini tinggi nilainya di mata dunia sekalipun telah disadurkan, telah dicampuradukkan dan telah dieksploitasikan dengan memasukkan kebudayaan-kebudayaan kuning dan liar yang bukan sahaja datang daripada semua timbulnya di kalangan masyarakat itu sendiri, tetapi sebanyak sedikit dimain peranannya oleh pihak media, termasuk perkhidmatan penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, syukurlah apabila Undang-undang ini diluluskan dan dijalankan kita sangat mengharapkan pembetulan-pembetulan, pengawalan, penyelarasan segera dibuat kerana nampaknya kalau ibarat sakit, sudah hampir tenat keadaannya.

Saya ingin membawa Tuan Yang di-Pertua kepada 'flash back', dengan izin, ataupun kepada tayangan semula beberapa peristiwa yang sangat menyayat hati, mendukacitakan dan setengahnya menimbulkan kemarahan rakyat di Malaysia ini tentang peranan perkhidmatan

mengucapkan tahniah kepada siaran Nasional 1 dan 2 kerana sejak akhir-akhir ini, lebih-lebih lagi setelah adanya TV3, pihak Siaran Nasional 1 dan 2 telahpun meningkatkan prestasi pendekatan siaran-siarannya untuk rakyat dalam berbagai-bagai sirinya, sama ada hiburan, warta berita, pendidikan, agama, pelajaran dan juga pelbagai pendekatan untuk rakyat sekalian. Saya mengucapkan tahniah. Saya tahu pihak perkhidmatan penyiaran bekerja berhempas pulas untuk menyesuaikan persembahan-persembahan mereka dengan selera rakyat tanpa mengeneipkan garispanduan dan lunas-lunas menuju cita-cita budaya negara ini walaupun terdapat di sana sini beberapa kelemahan dan beberapa persembahan yang menjolok mata yang mungkin

terpaksa dilakukan kerana ingin bersaing dengan kemajuan yang dicapai, sokongan dan perhatian diberikan kepada siaran TV3 yang dahulunya hanya di Lembah Kelang, tetapi sekarang sudah diperluaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh siaran ini terutamanya perkara yang menjadi kegemaran rakyat sekalian sama ada orang tua atau orang muda, kanak-kanak, ialah siaran hiburan. Siaran hiburan di TV3 yang bernama "The Rocksy" adalah merupakan satu persembahan hiburan berkebudayaan kuning. Tuan Yang di-Pertua sila lihat kalau saya bohong, di mana dipamerkan, dipersembahkan nyanyian-nyanyian bintang filem daripada Barat, bintang-bintang, penyanyi-penyanyi terkenal kerana rendah moralnya dari Barat dengan pakaiannya sukar hendak dikatakan sama ada pakaian Red Indian atau pakaian orang-orang yang tidak siuman atau barangkali mereka ingin kembali ke zaman jahiliah yang tidak punya material pakaian dan lain-lainnya, dengan lagu-lagu, dengan nyanyian-nyanyian yang kesemuanya rasa saya tidak sesuai sama sekali dengan budaya ketimuran kita dan tidak harus diberikan sebagai makanan jiwa walaupun hiburan kepada rakyat di negara kita ini yang dahulunya terkenal tradisinya adalah ketimuran dan mempunyai kebudayaan yang baik, bersih dan bernilai.

Ada lagi satu siri "Hearts, Lights, City", dengan izin, dan kemudian group-group yang didatangkan seperti "Iron Maiden", "Motley Crew" dan beberapa lagi kumpulan-kumpulan yang saya kurang arif, saya tengok kerana saya hendak menilai, bukan kerana saya suka, Bagi saya, saya melarang anak-anak saya menengok siaran ini. Pernah terjadi satu ketika di satu pertandingan yang dianjurkan oleh pihak media ini, iaitu kalau saya tidak silap, "Pertandingan Lagu-lagu ASEAN" di mana sepasang penyanyi. yang mengambil bahagian memakai

pakaian bikini disiarkan pada Hari Raya, Saya masih ingat itu menjadi satu isu kontroversi, masa itu bukan Menteri yang ada tetapi Menteri yang lalu dan apabila ulang tayang dibuat, maka pihak TV telah menggelapkan bahagian wanita yang memakai bikini yang terlalu 'bikin', ertinya terlalu sedikit Litupannya untuk bahagian bawah sedikit, tengah - maaf, dan di atas sedikit, maka terpaksa digelapkan filem itu tetapi ulang tayang dibuat juga walaupun masyarakat memberontak, di telefon, diberi surat, kami juga menghantar memoranda daripada wanita-wanita, tetapi disiarkan juga ulang tayangnya, digelapkan gambarnya. Harap ini tidak berulang lagi.

Kemudian pakaian-pakaian bintang-bintang filem kita yang diberi mengambil bahagian untuk siaran-siaran daya penarik, macam "Kuiz", "Keluarga Bahagia" dan lain-Lain lagi, mereka ini menjadi host kepada siri itu. Pakaiannya saya betul tidak faham apa jenis bentuk pakaian, di outer space atau pakaian di Bintang Marikh, saya tidak faham. Saya sangat sayang bintang dan penyanyi. yang saya sangat gemari - Sudirman, tetapi saya kesal bila beliau memakai pakaian yang saya tidak tahu hendak memaknanya; pakaian ala Chinese, pakaian ala Indian, pakaian ala Melayu, American, Red Indian atau lain-lain, saya tidak faham. Jadi inilah menunjukkan bahawa budaya kita telah dilacurkan dan ini satu perkara yang mesti kita bertindak segera.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya puji juga siaran TV3 ini bukan semua tak elok, ada juga yang baik, umpamanya Majalah TV 3, mereka nampaknya telah lebih berjaya daripada siaran nasional dalam memaparkan sesuatu isu. Perkara yang baik itu kita puji, yang buruk kita sekat sebab untuk rakyat dan untuk negara.

Kemudian lagi satu perkara yang saya ingin sentuh sebelum saya pergi kepada Rang Undang-undang ini ialah mengenai siaran untuk wanita, setelah undang-undang ini nanti diluluskan tolonglah beri perhatian berat kepada siaran ini. Wanita ada 50% dalam Malaysia ini, jadi siaran wanita yang terkenal sekali dalam RTM1 atau RTM2 Nona dan Kesuma. Nona saya puji banyak membawakan pameran dan persembahan serta mengutarakan beberapa pendapat dan isu yang baik, tetapi Kesuma itu tolong perbaiki sedikit. Selain daripada masakan kemudian hiasan rumah, kemewahan, menunjukkan perhiasan-perhiasan wanita yang bermewah-mewahan. Kita sepatutnya mengajarkan jimat-cermat dan penggunaan bahan-bahan tempatan dan juga mesti diliputi kepada kehidupan rakyat, wanita di pedalaman dan luar bandar sebab siaran kita bukan untuk orang dalam bandar sahaja tetapi juga untuk orang-orang di luar bandar.

Mengenai siaran radio saya puji dan saya mengucapkan tahniah, semua siarannya sudah mencapai tahap yang baik dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bawa ialah mengenai filem, pendubbingan - filam yang dialihsuarakan. Ini juga menimbulkan rungutan kepada orang ramai kerana filem-filem yang didubbingkan itu kebanyakannya filem baik-baik tetapi kualiti pendubbingan itu yang mendukacitakan. Sebenarnya, saya berpengalaman dalam perkara ini, bukan salah kepada pendubbingan, bukan tidak ada

pengalihsuara yang baik-baik. Masalahnya ialah dari segi penye-  
larasan, penapisan dan peruntukan kewangan. Sekarang pendubbingan  
alihsuara filem-filem ini telah diswastakan, lagi teruk.

Filem yang baik yang saya dapati ialah Oshin, cerita Jepun yang  
dialihsuarakan ini telah mendapat tempat daripada rakyat keseluruh-  
annya. Kemudian satu lagi. Marina, kalau saya tak silap, tetapi  
selepas daripada itu pendubbingan itu, lipsingnya ertinya kumat-  
kamit mulutnya telah langsung tidak sesuai dan lari. Kemudian  
suara-suara yang digunakan satu suara pakai 6 pelakon, 6 watak  
disuarakan oleh satu suara. Mungkin swasta hendak untung, sebab dia  
hendak untung banyak, dia tak mahu ambil pengalisuara yang ramai,  
maka digunakan 5 orang untuk satu filem satu jam. Satu suara guna-  
kan 4 watak, maka timbullah yang meneran-neran, yang suaranya  
dibuat-buat, yang tidak natural, selain daripada lipsingnya yang  
tidak pepat atau tepat. Silapnya adalah dari segi pengawasannya.  
Saya rasa perlu di jabatan ini meletakkan orang-orang yang sesuai  
dalam hal menapis kualiti ini, kerana kalau orang yang tak sesuai,  
asal tengok lurus, tidak mengambil perhatian yang serius, mutu-mutu  
begini tidak dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita hendak memaju dan meningkatkan  
lagi Cintailah Bahasa Malaysia, filem yang dialihsuarakan ini  
mengambil tempat yang utama kerana katalah filem Filipina dialih-  
suarakan, filem daripada Hongkong dialihkan, filem Arab dialihkan,  
tarikannya sangat baik, terutama di kalangan mereka yang bukan  
Melayu, tetapi kalau sudah kualitinya tidak memuaskan tentulah  
mereka itu tidak tertarik hendak menengok. Sari kata sukar hendak  
diikuti oleh mereka yang tidak mahir dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan qota 25% pendubbingan itu hendaklah segera dipenuhi. Saya tahu ada qota khas filem-filem yang hendak didubbingkan. Mengapakah kita takut hendak mendubbingkan filem-filem daripada Amerika dan British? Kenapa tidak filem-filem yang baik daripada Amerika kita alihsuarakan?

Dahulu terdapat seolah-olah sebagai satu ketetapan, kalau filem-filem itu filem-filem yang popular tidak boleh dialihsuarakan, kerana takut mutu ceritanya hilang tetapi. kalau kita tengok di negara-negara lain seperti Thailand, Filipina dan juga di Sri Lanka umpamanya, semua filem-filem tidak kira apa cerita, lebih-lebih lagi yang mutunya tinggi atau yang disukai ramai didub atau dialihsuarakan. Kenapakah kita mesti lagi memikirkan bahawa filem-filem popular itu tak layak dialihsuarakan kerana konon takut hilang mutunya, tak digemari, tak disukai, banyak orang membantah? Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian yang berkenaan tolong ambil perhatian perkara ini. Jangan lagi ada pendewaan kepada sesuatu kumpulan bahasa atau filem itu, jangan lagi kita rasa rendah dengan bahasa kita sendiri dan kita takut dengan tentangan dari kumpulan-kumpulan masyarakat yang masih, dengan izin, westernised fikirannya. Kalau kita ingin mewujudkan perpaduan dan mencintai bahasa negara kita ini perlu kita buat segera.

Saya sentuh sedikit lagi mengenai perkara film censor atau penapisan filem, didapati perkara ini juga berlaku berbagai-bagai kelemahan dan penyelewengan,

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin juga memberikan beberapa maklumat semoga diambil perhatian. Dahulu berlaku untuk membeli filem-filem di luar negeri itu diletakkan di

bawah satu bahagian dan tidak pernah diteliti filem itu sama ada sesuai atau tidak dengan negara kita Malaysia. Sebab itu kadang kala kedapatan filem-filem yang disiarkan sama sekali tidak ada kaitannya dengan budaya, kehidupan, pemifikiran dan suasana negara kita sendiri. Sebab yang pergi beli itu mungkin kira-kira borong, berapa filem hendak beli, ambil bawa balik kemudian disiarkan. Ini juga perlu diberi perhatian, tolong tengokkan sedikit Bahagian pengambilan filem ataupun pengimport filem-filem ini supaya ia sesuai dengan kehendak-kehendak negara kita.

Selain daripada itu, kita dapati ada beberapa perkara yang sekarang ini berlaku, mungkin akan diperbetulkan setelah undang-undang ini diluluskan ialah cerita, dengan izin, double standard.

Tuan Yang di-Pertua, di siaran RTM1 dan RTM2 censornya lain, eloklah kalau ada babak-babak yang menjolok mata, yang mungkin merangsangkan, yang lucu dipotong, tetapi di TV3 tidak dipotong. Maka ada pelarian kepada penonton-penonton, mana-mana yang syok dengan perkara begini dia tak mahu tengok RTM1 atau RTM2, dia buka TV3. Jadi, kalau ini terus berlaku, tentulah penyelarasan tak dapat dibuat.

Syukurlah, Kementerian, Menteri dan Kerajaan sedar perkara ini dan akan diperbaiki tetapi untuk memperbaikinya bukan sahaja dengan mengenakan beberapa perkara larangan kepada TV3, perlu juga diperbaiki dari segi pentadbiran, pengurusan dan persembahan, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh mengenai iklan. Mungkin ini juga perkara yang boleh menimbulkan masalah dari segi kita hendak mewujudkan apa yang disebutkan oleh Timbalan

Menteri berkenaan tadi iaitu nilai sosial-budaya negara iklan. Iklan-iklan simbolik terlalu banyak dalam rancangan-rancangan TV kita sekarang, umpamanya iklan-iklan rokok. Rokok tak boleh diiklankan, Tuan Yang di-Pertua, sudah diharamkan di TV, tetapi dengan izin, brand, dia punya pengeluaran, iaitu capnya katalah umpamanya Kent, Marlboro, Salem, Peter Stuyversant betulkah sebutan saya itu, saya tidak merokok, Tuan Yang di-Pertua -kemudian iklan Dunhill Matterhorn dan Camel.

Saya ingin membawakan Iklan Kent yang menyakitkan mata saya iaitu apabila iklan Kent itu dikeluarkan - Bercutilah dengan Kent - terdapat seorang wanita jelita, yang mempunyai potongan badan yang mengghairahkan, memakai pakaian yang sangat mengghairahkan, mulanya duduk, kemudian menyelam di dalam air, berlari-lari lalu menjatuhkan cermin mata hitam. Itu simbol seks. Kemudian yang lelaki, Tuan Yang di-Pertua, macam "Tarzan", hanya menutup bahagian pesaka emak-bapak sahaja, yang lain semua terdedah, berenang-renang di-fokuskan kameranya dari belakang, maaf saya kena kata begitu, daribelakang dengan tujuan untuk menimbulkan rangsangan pihak yang, menonton - kalau wanita kepada lelakinya, kalau lelaki kepada yang perempuannya. Maka yang disebutkan itu ialah "Bercutilah dengan Kent". Sesiapa yang menghisap Kent bukan dia hendak berhenti, Tuan Yang di-Pertua, dia akan beli satu karton lagi, kerana syok dengan iklan berkenaan.

Satu lagi iklan yang ingin saya sentuh ialah Peter Stuyversant, di mana berlaku beberapa peristiwa berunsur perkenalan lelaki dengan perempuan, itu perkara biasa, kemudian dengan tidak sengaja satu kotak diberikan di dalam kereta dengan satu kertas, kotak itu jelas kotak rokok, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kesannya, maka



terjadilah double-standard. Dahulu setelah dikeluarkan iklan tiga tahun dahulu dalam akhbar iaitu iklan rokok, apa-apa brand, Kent, Marlboro atau Salem dan lain-lain, maka habis sahaja iklan keluaran satu siaran - Merokok adalah dilarang oleh Kerajaan Malaysia. Tetapi sebelumnya iklan dikeluarkan. Jadi beginilah juga ceritanya. Walaupun ini bukan rokok, simbolnya jelas menunjukkan rokok Dunhill dan lain-lain.

Kita tahu ini sumber pendapatan tetapi oleh sedikit supaya ianya tidak sampai mengghairahkan dan mengingatkan penghisap-penghisap rokok kepada rokok yang dihisapnya, menarik perhatian kepada mereka yang tak merokok untuk merokok. Jadi kempen anti merokok tidak akan berjaya selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita lihat Malboro, lelaki gagah perkasa, bekerja keras sedang membetulkan kenderaan yang rosak di hutan belantara, diterkam oleh binatang buas, dia lawan, kalah - Malboro! Jadi, ertinya kalau menghisab Malboro, bukan kena kanser, Tuan Yang di-Pertua, sihat kuat, tampan gagah. Itu pengertiannya. Ini juga merupakan satu perkara yang double standard.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi lain yang saya tidak sebutkan, tidak pula saya membantah. Saya kata tadi sumber pendapatan kepada Kementerian berkenaan untuk memajukan lagi perkhidmatan. Tetapi ubahsuai sedikit cara mana, jangan ikut sangat di barat atau di luar negeri. Mereka itu sudah menjadi suatu perkara biasa di dalam kehidupannya. Kita jangan ceduk yang buruk, yang baik tidak apa, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit di sini iaitu mengenai kuasa Menteri. Syukurlah, Menteri kita akan mendapat kuasa banyak-banyak kuasa, Tuan Yang di-Pertua. Kuasa mengeluarkan lesen, kuasa untuk mengubahsuai perkara-perkara dalam lesen, kuasa untuk merampas, menggelidah; tetapi dia boleh delegatekan, dengan izin, dia boleh beri power ini atau kuasa ini kepada pegawainya.

Saya sentuh, kalau banyak-banyak sangat kuasa ini pun kena jugalah beri perhatian sedikit; jangan pula nanti menyalahgunakan kuasa. Dalam tujuan baik kita hendak membetulkan beberapa keadaan, kepincangan maka berlaku pula beberapa penyelewengan, sebab takkan Menteri hendak masuk ke rumah orang, takkan Menteri pula hendak

pergi memeriksa segala lesen, untuk menambah atau untuk hendak menarik atau untuk hendak membatalkan, dengan lain-lainnya mestilah melalui pegawai-pegawai.

Kita harap jangan ada penyalahgunaan kuasa dibuat. Kita kena lindungi juga hak-hak rakyat kita, terutama mereka yang barangkali berpendapatan rendah, yang barangkali membuat silap, salah dari segi perkara-perkara yang disebutkan di dalam Akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang saya ingin sentuh lagi ialah mengenai di sini menyebut Bahagian II Fasal 4 memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang menyiarkan bahan penyiaran tanpa lesen yang diberi oleh Menteri.

Alhamdulillah, tidak lama lagi pilihanraya, tidak lama lagi ada pemilihan parti-parti. Kalau ini telah dapat dijalankan tidaklah berlaku lagi tayangan-tayangan video haram, sama ada daripada parti-parti pembangkang yang bercorak pelampau agama atau daripada parti-parti pembangkang yang bercorak pelampau kaum. Mereka menggunakan video untuk menarik perhatian, meracuni fikiran dan juga untuk mendapatkan sokongan orang ramai kepada muslihat politik, muslihat

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai siaran radio. Siaran radio kita sekarang ini sebenarnya sudah 24 jam Syukur kepada Allah dan memang sudah saya katakan tadi patut diberi pujian setinggi-tingginya. Tetapi dalam segi persembahan dramanya, saya pernah membuat soalan kepada

Timbalan Menteri yang berkenaan yang lalu terdapat beberapa kecacatan kecil dari segi suara latar atau dari segi kesan bunyinya dan juga terdapat beberapa kepincangan untuk meninggikan mutu siaran kerana kekurangan alat-alat dan bahan-bahan di studio-studio radio kita yang ada, Tolonglah pak Menteri kita, Timbalan pak Menteri kita yang muda, jengok-jengok sedikit studio-studio ini. Studio-studio kita dekat sini kalau ada pelawat datang, malu kita, Tuan Yang di-Pertua.

Ini saya harap diberi perhatian. Perkakas kesan bunyi ini sangat penting. Begitti juga mengenai Bahagian Khutubkhanahnya atau Bahagian Kesan Bunyi dan juga mengenai lain-lain khutubkhanah atau rakam-khanah di Jabatan Penyiaran yang berkenaan. Tolong ambil perhatian kerana banyak penerbit-penerbit kita ingin hendak menerbitkan drama ataupun siaran-siaran yang bermutu tetapi cekop itu tidak kena, cekop ini tidak cukup. Hanya ibarat kain cokin, Tuan Yang di-Pertua, tarik ke atas di bawah terbuka, tarik ke bawah di atas terbuka. Jadi ini juga eloklah diberi perhatian kerana kalau tidak ada cukup bahan, alat kelengkapan bagaimana penerbit-penerbit ataupun pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hendak membuat siaran yang tinggi dan baik mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita haraplah undang-undang ini akan dapat mengawal pasti segala perkara-perkara yang sudahpun disedari dan disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi dengan bersungguh-sungguh dan dengan tegas. Biarlah kita berugi-rugi sedikit asalkan cita-cita kita tercapai dari kita bermewah-mewah tetapi menimbulkan budaya kucar-kacir, budaya rojak dan kita akan

dikutuk oleh keturunan kita pada masa yang akan datang, kerana 30 tahun merdeka pun kita tidak dapat menentukan asas budaya negara yang bersesuaian dengan selera dan iklim negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya, saya ingin menyentuh sedikit perkara-perkara am, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang saya ingin sentuh ini mungkin tidak ada kaitannya tetapi rasanya saya bawa dengan penuh rasa ikhlas, iaitu setelah kami berbincang, bercakap, mengeluarkan hujah-hujah, berpeluh-peluh; kalau Tuan Haji Shaharom bercakap berjam-jam maka akan dijawab oleh Menteri-menteri yang berkenaan. Saya puji kebanyakan daripada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ini menjawab dengan baik, menjawab dengan rasa kesedaran, dengan liberal dan dengan sederhana dan dengan rasa terbuka. Tetapi ada juga yang menjawab dengau rasa tertutup fikiran, tidak mahu menerima teguran-teguran dengan ikhlas. Apabila ada sentuhan, terdapat sedikit emosi di pihak sebelah sana, semacam yang berlaku semalam, umpamanya. Dan kecenderungan lagi satu ialah menjawab soalan secara am, secara membungkus, Tuan Yang di-Pertua. Bungkus, masuk dalam bungkus, ikat, simpan. Iaitu begini "sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak disentuh dalam jawapan saya ini maka pihak Kementerian saya akan memberikan perhatian yang wajar, sekiranya perlu" dan lain-lain perkataan seumpama dengannya.

Kami kadang-kadang dengar perkataan itu rasa hendak tutup telinga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sudah dijawab detail, memang tadi seperti Menteri Sains, 'Teknologi dan Alam Sekitar menjawab

begitu detail. Syukurlah kita, walaupun beliau ada perkataan-perkataan yang mungkin tidak begitu fasih sebutannya tetapi jawapannya secara detail. Begitulah hendaknya. Sebab kami yang bercakap ini bukan sekadar bercakap melepaskan batuk ditangga. Kami mendapat mandat, kami menyiasat dan kami diberikan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya rasa ingin memberikan teguran-teguran ikhlas ialah kepada Menteri atau Timbalan Menteri yang mungkin belum begitu fasih menguasai bahasa Malaysia. Kerana bila dia menjawab atau membaca jawapan perkataan-perkataan yang sebutannya tidak jelas dan kadang-kadang tidak betul, umpamanya "kera dipanggil kira", "membiak dipanggil membier". Lepas itu sebentar tadi secara tidak langsung "kemaluan kerbau" pun disebut. Mungkin barangkali salah bacaan dan sebagainya. Sempena dengan kempen "Cintailah Bahasa Kita" kita harap pihak-pihak sahabat kita, Menteri-menteri dapat mempertingkatkan bahasa mereka dan sebelum menjawab itu eloklah membuat dulu homework, rehearsal dibaca berkali-kali supaya di sini tidak ada kesilapan besar dilakukan. kerana kalau "ladang jadi lalang" lain ertinya. "Memborong jadi memborang" tentu lain maknanya. Jadi itulah teguran sihat saya dan kita harap ianya diterima dengan ikhlas.

Selain daripada itu, ada juga pihak-pihak Kementerian yang menghantar Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang menjawab, membaca dengan terlalu laju seolah-olah seperti dikejar keretapi atau dikejar lembu, bukan main laju. Kami sendiri yang fasih, yang mahir di dalam bahasa ini pun susah hendak

menangkap jawapan itu. Apatah lagi rakan-rakan kita yang belum begitu mahir atau fasih dalam bahasa. Oleh- kerana kita kurang mahir atau kurang fasih dalam bahasa ini, kadang-kadang menimbulkan jurang pertelagahan. Salah ambil, salah faham, lain yang kita tanya, lain yang dia maksudkan, lain pula yang dijawab.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini teguran yang membina dan kita harap perkara ini akan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh sukacita dan ucapan tahniah dan dengan harapan yang menggunung tinggi, saya menyokong Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat ahli baru, Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff.

**4.30 ptg.**

**Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff:** Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, selaku ahli baru di dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon izin untuk menyampaikan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memperkenan melantik saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Di samping itu, saya juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih khususnya kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah memberikan kepercayaan kepada saya dilantik sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Di atas kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan kepada saya ini, saya akan menjalankan tanggungjawab ini dengan mengikut kemampuan yang adapadasaya.

Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Rang Undang-undang Penyiaran 1987, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah dapat menyediakan Rang Undang-undang tersebut dengan hasrat dan tujuan untuk mengawal serta mengawasi perkhidmatan penyiaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dalam menggubal undang-undang, Kerajaan telah mengkaji dan meneliti dari berbagai aspek penyiaran. Sepertimana yang saya telah difahamkan bahawa di masa kini terdapat banyak stesen-stesen penyiaran haram khususnya di bandar-bandar besar seperti bandaraya Kuala Lumpur ini yang menyiarkan perkara-perkara yang melibatkan perjudian ekor dan lumba kuda serta perkara-perkara yang lain. Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini dikemukakan, saya percaya dan yakin bahawa perkara-perkara yang seumpama ini



tidak akan lagi timbul di kalangan masyarakat kita. Untuk menentukan supaya perkara-perkara yang disebutkan tidak akan berlaku lagi, maka di dalam Rang Undang-undang ini Kerajaan bercadang untuk melesenkan semua pengusaha-pengusaha penyiaran di samping dikemukakan syarat-syarat yang tertentu bagi mengawal serta menjaga daripada gejala-gejala yang tidak sihat, yang tidak akan disiarkan di dalam penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 7 Rang Undang-undang ini, nyata dijelaskan bahawa tempoh kesahihan lesen-lesen yang dikeluarkan dihadkan kepada 12 bulan atau boleh dikurangkan mengikut budi-bicara pihak Menteri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, suka saya mengesyorkan sebelum lesen-lesen ini diperbaharui supaya pengusaha sesebuah syarikat penyiaran itu mengemukakan laporan kewangan tahunannya untuk menentukan bahawa syarikat tersebut masih viable, dengan izin. . Di samping itu, Kerajaan dapat meneliti tentang arah-aliran sesebuah syarikat penyiaran tersebut. Maksudnya ialah supaya dapat mengesan syarikat-syarikat yang berkenaan tidak mendapat bantuan daripada pihak-pihak luar. Adalah juga diharapkan supaya pihak Kementerian menentukan garis panduan supaya tidak tercetus di mana sesuatu penyiaran itu akan bercanggah dengan peraturan dan kaedah-kaedah yang akan ditentukan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai iklan pula, perkara ini telahpun disentuh oleh rakan saya tadi. Walau bagaimanapun, terdapat syarikat-syarikat penyiaran yang mengambil kesempatan menggunakan gadis atau kanak-kanak sebagai bahan iklan mereka demi untuk menarik minat penonton-penonton. Adalah diharapkan supaya perkara ini tidak akan berlaku dan pengusaha-pengusaha ini telah menggunakan dan menyalahi ataupun bertentangan daripada penerapan nilai-nilai

Islam. Oleh yang demikian, jika perkara ini disiarkan tanpa sebarang kawalan, akan wujud sifat manipulasi demi kepentingan sesuatu pihak pengiklan. Dalam hal ini, saya menyokong tindakan Kerajaan mengadakan Fasal 21(-2) yang memberi kuasa kepada Menteri mengadakan sekatan terhadap sebarang iklan yang dipamerkan melalui stesen-stesen Kerajaan ataupun swasta. Untuk menentukan supaya perkara ini dapat dijalankan, saya ingin mencadangkan sebuah jawatan-kuasa ditubuhkan untuk menentukan baik buruknya sesuatu syarat atau peraturan yang akan diadakan kelak. Dalam hal ini pandangan daripada orang ramai dan juga pihak yang terlibat dengan membuat iklan itu hendaklah diminta supaya tidak timbul sebarang percanggahan di kemudian hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca dalam Rang Undang-undang Penyiaran 1987 sepertimana yang telah diterangkan oleh rakan-rakan saya tadi terdapat banyak kuasa yang diberi kepada Menteri yang berkenaan. Apa yang saya harapkan semoga kuasa ini dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua walau apa pun undang-undang yang dibuat kalau tidak ada penguatkuasaan yang secukupnya dijalankan untuk mengawasi serta mengawal undang-undang tersebut, saya percaya dan yakin undang-undang yang bentangkan pada hari ini tidak akan memberi manfaat serta kita akan menuju kepada hasrat yang dimaksudkan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya pasukan penguatkuasa untuk menentukan Rang Undang-undang ini dapat dijalankan dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

**5.38 ptg.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi pendapat saya mengenai beberapa perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dalam zaman sains dan teknologi yang serba moden ini, hubungan kita dengan alat-alat penyiaran seperti radio dan TV boleh diibaratkan umpama isi dengan kuku. Dalam konteks pembangunan negara, peranan TV dan Radio adalah seimbang dengan alat-alat sebaran lain iaitu membentuk satu rupa bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Usaha-usaha perlu dilakukan untuk mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan yang dapat diterima oleh semua kaum di negara kita dengan menggalakkan seni tempatan, drama-drama dan filem-filem tempatan yang beraneka ragam yang dapat memperkenalkan latar belakang kebudayaan, kepercayaan agama dan bahasa pelbagai kaum dengan tujuan memupuk semangat perpaduan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, siaran radio dan televisyen juga memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat-maklumat: Kerajaan yang sebenar serta menerangkan kedudukan politik dan ekonomi negara supaya rakyat jelata mengetahui mengenai dasar-dasar dan projek-projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Semua hasrat dan cita-cita negara juga dapat ditanam dalam fahaman kita dan segala perasaan wasangka yang sedia ada terhadap pihak Kerajaan itu akan terus terbenam. Secara tidak langsung ini akan dapat mendorong kita mencapai tahap kemajuan dan kemakmuran yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai alat perantaraan, ia juga membolehkan kita mengikuti perkembangan dalam bidang politik, sosial, ekonomi, sains dan lain-lain hal ehwal dunia di samping memainkan peranannya sebagai alat hiburan bagi orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, jadi demi menjaga kepentingan awam serta negara supaya rancangan-rancangannya lebih merupakan rancangan pendidikan, moral, memupuk persefahaman antara kaum dan memahami dasar-dasar negara yang sebenar serta lain-lain nilai murni ketimuran, kawalan yang ketat adalah diperlukan dan saya yakin Kerajaan Barisan Nasional yang merupakan Kerajaan rakyat, yang dipilih oleh rakyat tidak akan menggunakan kuasa yang diberikan di bawah pindaan ini dengan sewenang-wenangnya. Sebaliknya, dengan adanya pindaan

tersebut semua pihak akan lebih bersifat bertanggungjawab supaya aspirasi dan falsafah negara akan tercapai dengan lebih kemas dan teratur.

Sekian ucapan saya dan saya menyatakan sokongan ke atas Rang Undang-undang Penyiaran, 1987. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

#### **5.44 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang yang baru sahaja diperkenalkan oleh Yang terhormat Timbalan Menteri Penerangan tadi iaitu Rang Undang-undang Penyiaran, 1987,

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah ketikanya bahawa undang-undang khusus untuk Jabatan Penyiaran ini dibentuk dan diluluskan bagi menyempurnakan apa juga yang terkandung di dalamnya tadi. Saya ingin menyentuh satu dua perkara sahaja iaitu masalah siaran yang berbentuk pendidikan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Penerangan khususnya Yang Berhormat Menteri, Dato' Mohamed Rahmat di mana beliau telah melancarkan Kempen Setia dan kempen ini terus disiarkan oleh TV atau pihak RTM kita dengan begitu jelas dan siaran ini benar-benar memberi pendidikan yang khusus bukan sahaja kepada rakyat di negara ini malahan kepada anak-anak yang sedang meningkat. Bentuk siaran yang seumpama inilah yang seharusnya kita kekalkan dan hari ini lagu Setia itu telah menjadi lagu yang menjadi ingatan kepada anak-anak kita dan orang ramai. Daripada segi itu melahirkan perpaduan, kesetiaan bagi seluruh rakyat di negara ini. Kempen itu juga menampakkan semua kakitangan Kementerian Penerangan memakai lencana "Setia", Jadi, kalau kita nampak orang-orang yang memakai lencana ini, sudah tentu daripada Kementerian Penerangan.

Saya ingin membuat syor kalau dapat biarlah lencana ini dipakai oleh semua khususnya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kerana dengan adanya lencana ini, saya rasa menampakkan satu semangat kerana dasar kita "Kepimpinan Melalui Teladan". Contoh yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini sangat baik dan harus disanjung. Saya harap siaran lagu ini dan menaikkan bendera ini terus dikekalkan setiap kali siaran XV dibuat kerana unsur-unsur pendidikan kepada rakyat ini seharusnya dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh soal iklan. Iklan tidak pada bentuk yang saya katakan tetapi pada masa siaran, kenapakah siaran iklan ini kerap sangat dibuat. Kalau satu cerita yang hendak ditayangkan itu, kalau kita kira iklannya hampir 20 kali. Jadi setengah penonton bosan, tidak hendak menonton cerita ini kerana terlalu lama, selepas itu disekat pula dengan Berita untuk ditangguhkan beberapa masa. Apakah tidak boleh dibuat satu masa khas untuk siaran iklan sahaja? Menyentuh juga filem-filem barat yang banyak sangat menayangkan gambar-gambar yang tidak sesuai umpamanya babak-babak bersalam mulut, kita bersalam tangan - ini banyak sangat dibuat yang juga menjadi rungutan orang ramai terhadap siaran-siaran yang seumpama ini.

Saya mengesyorkan juga supaya siaran-siaran berunsur agama ini dilebih dan ditayangkan pada masa yang agak sesuai. Kalau tayangan-tayangan yang berbentuk agama ini dibuat pada waktu Maghrib umpamanya tentulah orang-orang yang hendak menonton itu terpaksa meninggalkan kerana menunaikan fardu Maghrib. Jadi sesuaikan masa tayangan ini dan dilebihkan masanya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak menyentuh ialah saya mendengar ada rungutan daripada artis-artis kita yang mengambil bahagian kerana kononnya lambat dibayar ganjaran mereka. Apakah ini benar dan saya harap kalau ini benar, harus diperbaiki supaya mereka nanti tidak "jual mahal" ataupun tidak hendak mengambil bahagian di dalam siaran TV kita.

Seperkara lagi ialah menayangkan tayangan hiburan yang berbentuk 'rock', kadang-kadang kita ada satu siaran langsung pula. Apakah ini sesuai dan saya harap juga ini dikaji demi memupuk budaya kita kepada yang sebenar-benar mengikut landasan yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita banyak lagi Bil, saya mohon sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat baru. Silakan Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya sebagai orang baru untuk menjalankan ujian percubaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan beberapa isu yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Yang pertama sekali, kita mesti tahu bahawa zaman ini adalah zaman teknologi dan komunikasi tetapi kita mesti pastikan bahawa maklumat dan bahan penyiaran yang betul dan sesuai disampaikan kepada rakyat di negara kita ini. Saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini yang mempunyai fungsi utama untuk mengawal kualiti bahan-bahan penyiaran.

Kita sudah dapati bahawa dalam negara kita ini kita sangat bertuah, kita ada kemudahan-kemudahan stesen-stesen penyiaran radio dan televisyen dan juga ada daripada sektor swasta. Tetapi kita mesti tahu bukan semua bahan-bahan penyiaran yang disampaikan itu adalah berfaedah kepada golongan masyarakat kita di sini. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian terhadap elemen-elemen yang membayangkan keganasan, kezaliman, kekejaman dan sebagainya di dalam siri kartun bagi kanak-kanak. Kita ketahui bahawa kattak-kanak itu adalah sangat senang dipengaruhi oleh apa yang mereka dengar, oleh apa yang mereka lihat di dalam media-media massa. Oleh kerana itu, adalah lebih penting kalau kita boleh memberi kawalan yang lebih ketat terhadap pilihan program-program untuk kanak-kanak kita.

Bagi golongan remaja, kita mesti cuba memberikan garis panduan yang wajar supaya mereka boleh memilih mendengar ataupun melihat program-program yang sesuai dan oleh kerana kita mempunyai tujuan



ini, saya mencadangkan kalau boleh, kita mengelaskan bahan-bahan penyiaran yang kita dapati dalam TV atau radio supaya ada berbagai label yang boleh digunakan kepada bahan-bahan itu. Contohnya, kita boleh pakai huruf "K" untuk kanak-kanak. Bahan-bahan yang dianggapkan oleh pakar-pakar sebagai sesuai untuk kanak-kanak boleh diberikan satu label "K". Untuk dewasa yang lebih suka wayang gambar dan sebagainya yang lebih bercorak kehidupan orang dewasa, barangkali kita boleh memberikan label "A." bagi orang dewasa.

Pengkelasan ini boleh dilanjutkan kepada siri dokumen, warta berita dan sebagainya supaya ini boleh dianggap sebagai satu garis panduan kepada ibubapa yang cuba mendorong anak-anak mereka untuk memilih apakah program-program yang agak boleh memberi faedah kepada mereka dari segi perkembangan akhlak. dari segi penambahan pengetahuan dan sebagainya. Saya rasa ini boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Penerangan apabila melaksanakan Rang Undang-undang ini dari segi kawalan.

Pada masa ini saya rasa iklan-iklan sudah banyak disebutkan oleh kawan-kawan kita, saya rasa tidak payah saya ulang lagi di sini, tetapi pada masa ini saya ingin menarik perhatian kepada satu perkara yang kita di sini belum mengamalkan banyak lagi, iaitu perbincangan-perbincangan, soal jawab dan sebagainya dalam Dewan yang mulia seperti ini dan Dewan Rakyat barangkali boleh diliputi dengan lebih masa yang diberikan. Selain daripada Laporan Parlimen dan sebagainya, kita boleh menunjukkan kepada rakyat kita bagaimana Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat menjalankan tugas mereka, membincang, memberi pandangan mereka terhadap isu-isu negara. Saya rasa dengan cara ini kita boleh memberikan galakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini supaya berlatih lagi, macam

tadi, ada seorang Puan Yang Berhormat katakan berlatih-latih lagi dengan Bahasa Malaysia yang digunakan oleh mereka itu. Dengan cara itu kita boleh meningkatkan lagi prestasi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini semasa mereka membincangkan perkara-perkara yang penting, kita boleh melatih supaya mereka boleh menyampaikan apa yang ingin disampaikan secara teratur dan secara melalui bahasa yang lebih betul.

Saya sokonglah dengan sepenuhnya ketika boleh kita menggunakan sedikit masa siaran daripada RTM 1 atau RTM 2 untuk menunjukkan kebolehan Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada Laporan Parlimen.

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan satu perkara iaitu Drama Mingguan dan sebagainya. Ciptaan program tempatan memang meningkat dalam kualitinya dengan perlahan-lahan. Tetapi dalam satu perkara yang kita mesti memberi perhatian ialah mengapa Drama Mingguan dan sebagainya selalunya membayangkan kebudayaan dan corak hidup sesuatu kaum sahaja dan bukan memberikan bayangan kebudayaan beberapa kaum dalam negara kita ini. Saya rasa pada masa hadapan barangkali pencipta, producer Drama Mingguan boleh memasukkan sedikit unsur-unsur kebudayaan dari berbagai-bagai kaum supaya kita boleh menunjukkan kepada rakyat kita semua bahawa kebudayaan negara kita adalah berasaskan kebudayaan beberapa kaum yang menjadi rakyat negara kita ini. Dengan itu saya haraplah Kementerian Penerangan boleh memberikan perhatian yang sewajarnya kepada perkara yang saya bangkitkan tadi.

Berkenaan dengan perlesenan stesen penyiaran dan sebagainya, saya rasa walaupun kita mesti memberi kuasa yang penuh kepada Menteri kita supaya ada kuasa memberikan atau meluluskan lesen dan ada kuasa menarik balik atau membatalkan lesen, kita mesti membuat semua itu dengan teliti, dengan pertimbangan kebolehan stesen itu. Walau bagaimanapun, kita mesti selalu berhati-hati mengelakkan situasi monopoly, dengan izin, oleh sesuatu stesen yang boleh menyiarkan bahan- bahan sahaja dan yang lain tidak boleh oleh kerana pihak Kerajaan memberi peluang kepada mereka walaupun syarikat swasta itu mempunyai kepakaran, kebolehan kewangan dan sebagainya.

Saya harap dari segi perlesenan ini, Kementerian Penerangan tidak akan menggunakan Rang Undang-undang ini untuk mewujudkan satu situasi monopoly, dengan izin, dalam dunia penyiaran, Dengan itu saya rasa saya mesti habiskan ucapan saya. Saya menyokong Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini. Terima kasih.

**Tinbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

**5.59 ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Akta Penyiaran 1987. Saya tidak akan mengambil masa panjang, hanya dalam Fasal 3(a) "menyiarkan bahan penyiaran di Malaysia".

Saya mengambil kesempatan di sini mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan dengan adanya Akta ini perlulah penerapan nilai-nilai Islam ditekankan iaitu cadangan saya biarlah rancangan yang dimulakan sama ada di RTM atau di TV 3 dengan doa ringkas atau doa pendek. Memadai dengan dua ayat sekalipun asalkan ianya doa. Janganlah doa itu berjela-jela panjang, asalkan dia dimulakan dengan doa seperti mana kita ada doa penutup.

Kemudian ada baiknya juga dalam siaran, program atau rancangan yang baik itu apakala kita ada selingan macam 'Iklan Rokok', iklan-iklan yang lain kita juga ada selingan 2-3 ayat nasihat menyentuh tentang "Fardhu Ain", "Fardhu Kifayah" atau satu potong Hadis yang kecil, yang ringkas dengan terjemahannya. Ini sebagai nasihat ataupun ayat Firman Tuhan dari Quranul Karim, Firman Allah, ayat-ayat yang pendek dan ada maksudnya yang mendalam. Kalau sekiranya satu dua perkataan pun memadai seperti petikan "Walasri" contohnya "Demi masa Tuhan .....", kita cuma beri nasihat 'masa itu adalah penting'. Jadi satu pelajaran sebagai selingan sahaja, ringkas, supaya program yang biasanya sama ada kanak-kanak atau orang dewasa atau orang bukan Islam sekalipun, dia akan mengerti itu adalah satu nasihat. Kemudian kata pujangga: Saat itu adalah pedang, apakala kamu tidak memotongnya ataupun menggunakannya dengan bijak, dia akan membunuh kamu. Jadi sekurang-kurangnya nasihat yang ringkas-ringkas disulamkan sama sebagai selingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih kadang-kadang apakala saya lihat ayat-ayat Quran, doa-doa itu dipaparkan di Televisyen. Misalnya 'harakah' tidak ada, kalau "Khatureka'ah" 'sin' itu bergigi, kadang-kadang tidak bergigi, jadi ini kita kena faham,

Yang kedua, 'noktah' hilang, jadi sekiranya anak-anak orang Islam kita ini, orang Islam hendak lihat ayat itu dia hendak membaca, dia tidak terbaca hatta kita ini, kalau sekiranya yang ada back-ground, yang ada base, yang ada asas pelajaran itupun kadang-kadang kita berasa keliru. Apahal dengan orang yang mula belajar.

Walaupun maksud ayat itu diberi, tetapi ayat-ayat itu perlulah diteliti baik-baik, betulkan ayat-ayat itu baik-baik supaya bacaan itu dengan cukup 'harakatnya', jangan ada surah-surah ataupun Hadis tanpa 'noktah' yang tertentu- kerana akan membawa satu makna yang lain. Ini saya perlu tekankan.

Dalam hal rokok, RTM memang hendak mencari ramai orang melalui iklan, sulamalah sama nasihat kita yang selalu diberi itu dengan perkataan yang besar-besar, iaitu "Rokok Itu Merbahaya" minta orang ramai menerima, orang ramai tentu akan menerima kalau kita gunakan ayat itu "Rokok Itu Merbahaya Kepada Kesihatan, Mudarat Kepada Kesihatan", ini juga sulamkan,

Selain daripada itu saya juga sentuh mengenai Siaran Agama, tetapi 'Pelajaran Tawhid' itu perlulah diadakan satu program atau rancangan yang tidak memakan masa lama sekurang-kurangnya 5 minit satu perkara, kalau kita hendak siarkan misalnya "Sifat 20" ini satu sahaja, apakah benda itu, apakah "Sifat" itu? Jadi secara ringkasnya diberi, mungkin ini juga memberi satu didikan, mungkin kanak-kanak belajar di sekolah, tetapi dalam program TV ini pun RTM perlu juga ada didikan. ini iaitu mengenai 'Pelajaran Tawhid'.

Saya tidak ingin hendak menyentuh dalam hal lain, banyak lagi perkara-perkara yang melibatkan ajaran-ajaran agama yang memberi bukan sahaja faedah kepada anak-anak Islam sahaja, tetapi ia akan memberi faedah kepada anak-anak bukan Islam, diharap kita juga tegur TV3 kerana kurang sungguh rancangan yang boleh menerapkan nilai-nilai Islam. Ini kecara sekali. Kita membenarkan, tetapi biarlah kita memberi amaran dan kita menasihatkannya supaya banyak juga

rancangan seperti 'Forum Agama' dan lain-lain dimasukkan.

Saya ingat memadailah setakat ini oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka saya menyokong bersama-sama dengan rakan-rakan saya iaitu Akta Penyiaran 1987. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

**6.08 ptg.**

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh Rang Undang-undang Penyiaran 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini yang pada masa dahulu kuasa pengeluaran lesen ini diberikan kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, cuma Rang Undang-undang ini pada pandangan saya, ikatkan kelonggaran-kelonggaran di dalam Akta ataupun kuasa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Seperti kita sedia maklum beberapa perkhidmatan Kerajaan telah-pun diswastakan, kemungkinan pada satu hari nanti RTM diwarta supaya diswastakan, masa itu kita tidak ada undang-undang untuk menyekat penyiaran, maka kita akan menghadapi satu masalah yang besar. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri Penerangan dapat membentangkan satu Rang Undang-undang yang pada masa sekarang patut disokong dan saya ucapkan syabas kepada Menteri Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa masalah di dalam RTM pada masa sekarang. Saya merayu kepada RTM supaya menyiarkan lagu-lagu patriotik di dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Kadazan dan semua bahasa yang diperbualkan oleh masyarakat di dalam tanahair kita kerana kita

ingin mewujudkan satu perasaan kecintaan kepada generasi yang akan datang, generasi yang ada pada masa sekarang mungkin sudahpun hilang taat setia atau tidak berapa faham apa maksud patriotism, oleh sebab itu sampailah masanya kita mesti menanamkan kecintaan kepada tanah-air kita di kalangan generasi muda kita ini.

Saya merayu sekali lagi RTM kerana kita hendak sampaikan mesej atau pesanan dan ia mesti disampaikan kepada orang-orang yang tertentu, kalau mereka itu tidak dapat faham lagu-lagu patriotik di dalam Bahasa Malaysia, buat masa sekarang belum sampai 100 tahun mungkin apabila sampai masa yang perlu, kita menyiarkan lagu-lagu itu di dalam bahasa ibunda, kalau boleh selepas Warta Berita di dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil di mana mereka dapat dengar lagu-lagu patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Drama Minggu ini di dalam Dewan yang mulia ini saya telahpun bangkitkan perkara ini, Drama Minggu Ini telahpun dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan baru-baru ini Menteri pun telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa Drama Minggu Ini akan disiarkan dari 1hb November ini. Apa sudah jadi dengan janji Yang Berhormat Menteri Penerangan ini? Ini akan mengecewakan yang terima kenyataan ini di dalam akhbar mereka akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan kita kerana janji masih dijanjikan.

Saya sedar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan katakan bahawa pihak swasta daripada kaum India tidak memberi sokongan yang kuat untuk menyiarkan drama swasta ini. Walau bagaimanapun sebagai Ahli Dewan yang mulia ini saya dan juga RTM haruslah memberi dorongan kepada pertubuhan-pertubuhan kaum India dan pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan-dewan Perniagaan India supaya mereka memberi sokongan di dalam mengadakan drama-drama Tamil di dalam RTM.

Saya di sini menyentuh banyak perkara mengenai drama ini kerana gambar-gambar, filem-filem sekarang ini apabila kanak-kanak kita, generasi-generasi muda kita bersama-sama ibubapanya tidak boleh ditonton kerana ciri-cirinya kurang baik, adanya ciri-ciri seks, banyak perogolan, rompak-merompak, keganasan dan sebagainya. Ciri-ciri ini tidak baik dan kerana itulah berlaku beberapa kes-kes di sebelah malam yang terlibat pemuda-pemuda kita.



Baru-baru ini saya baca di akhbar-akhbar bahawa di Dayabumi pun ada berlaku. Ini adalah akibat dari filem-filem yang ditunjukkan bukan sahaja oleh RTM tetapi TV3 pun dan juga filem-filem swasta di panggung-panggung wayang. Saya amat kecewa kerana pemuda-pemuda kita akan dipengaruhi oleh filem-filem ini. Sebab itulah kalau boleh kita adakan drama-drama supaya ciri-ciri kecintaan negara, cintakan kepada bahasa kita dan menerangkan tujuan murni Kementerian Kerjaraya yang ingin mengadakan tol-tol iaitu keuntungan dari tol itu akan memberi faedah kepada rakyat dan menerangkan juga apakah Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan-rancangan Malaysia. Kalau kita tanya mereka, apakah Rancangan Malaysia itu, mereka tidak tahu. Mereka tidak tahu macam mana satu-satu projek dapat dijalankan mengikut Rancangan-rancangan Malaysia. Ciri-ciri ini boleh dicantumkan dalam drama Tamil di mana golongan-golongan tua ataupun golongan-golongan muda akan menerima ciri-ciri ini.

Saya harap apabila mengimport filem-filem daripada luar negeri, pihak RTM sentiasa mengawasinya supaya jangan mengimport filem-filem yang mengandungi ciri-ciri keganasan, perogolan dan lain-lain. Kalau boleh import drama, atau filem dalam bahasa apa pun, iaitu Bahasa Indonesia, Bahasa Tamil, Bahasa Cina di mana filem-filem yang mengandungi ciri-ciri agama yang baik supaya ianya akan jadi satu teladan kepada kanak-kanak yang akan jadi tiang negara, akan jadi pemimpin negara, akan jadi satu harapan bangsa, nusa dan negara. Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri Penerangan dan pihak RTM akan mengambil berat rayuan saya supaya amalannya di masa akan datang, sebab dalam 12 tahun kita akan sampai ke satu tahap baru. Oleh sebab itu bila kita mengimport filem-filem daripada luar negeri kita harus importkan filem yang mempunyai ciri-ciri keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh mengenai Berita Bahasa Tamil. Hampir 90% penonton-penonton kaum India mengatakan Warta Berita pada pukul 5.45 tidak sesuai. Pada masa dahulu pukul 7.00 malam, maklumlah orang itu masih bekerja ataupun masih di dalam padang main bolasepak.

Kalau kita menyiarkan Warta Berita dan orang tidak dapatmenonton, apa sebab kita hendak adakan satu warta berita. RTM kata dia mengadakan satu kajian yang tidak berkontroversi tetapi saya pun berulang alik di tanahair ini, saya pun bertanya beberapa orang, saya telahpun interview dengan mereka, mereka kata masa siaran pada 5.45 tidak sesuai. Warta Berita ini mustahak, kerana kita hendak dirikan satu golongan yang berpenerangan atau, dengan izin, informed society. Oleh sebab itu kalau boleh RTM menukarkan Berita Tamil kepada 7.00 malam, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, ini adalah satu golongan kaum India di estet-estet dan kawasan pendalaman. Mereka mesti didikkan dengan warta berita itu. Kalau satu warta berita selama 25 minit yang kita tayangkan tidak dapat ditonton oleh mereka, kita haruslah tukarkan. Kita adalah satu Kerajaan bagi rakyat, oleh rakyat. Apa salahnya kalau mereka kata masa itu tidak sesuai, kita dengar pandangan mereka dan dapat tukar masanya daripada pukul 5.45 kepada masa yang sesuai, kalau boleh kepada pukul 7.00 malam,

Oleh sebab kawan-kawan saya pun telah menyentuh banyak perkara, saya tidak mahu ulangi lagi. Cuma satu dua perkara sahaja saya ingin menyentuh di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada pandangan saya RTM telahpun mengembang, Bangunan Angkasapuri tidak cukup. Kalau boleh kita dapatkan satu lagi bangunan. Saya sedia maklum akan ekonomi negara kita, bukan negara

kita sahaja tetapi seluruh dunia pun. Tetapi maklumlah pada masa dahulu sebelum jadi Ahli Dewan yang mulia ini, sebagai bekas anggota keluarga penerangan, saya sedia maklum Angkasapuri ialah sangat kecil. Oleh sebab itu haruslah kita adakan satu bangunan yang lain supaya kakitangan di tempat itu bekerja dengan baik dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan ini, saya dengan sukacitanya menyokong penuh Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, dipersilakan.

**6.20 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya juga menyokong penuh Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Saya tidak akan memperkatakan banyak perkara kerana telah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya menyentuh satu dua perkara sahaja yang tidak disentuh oleh rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini ada 5 Bahagian, 23 Fasal, saya rasa sudah begitu kemas untuk kita bincangkan tetapi tentang undang-undang ini kemas yang kita bincangkan pelaksanaannya pada masa akan datang, maka itulah saya ingin mengambil kesempatan ini. Saya juga sebagaimana rakan yang baru lepas berucap tadi, Kementerian Penerangan ini adalah universiti saya, sebab saya di dalamnya 14 tahun. Itulah sebabnya pada ucapan saya yang dahulu, saya telah nyatakan Kementerian yang sangat saya kasihi. Apabila kita kasih, apabila kita sayang maka kita akan menegur perkara-perkara yang tidak kita ingini, orang lain menegur.

Umpamanya, kalau kita cubit peha kiri, peha kanan rasa sakit, begitulah keadaannya, itulah sebabnya saya ingin memperkatakan sesuatu.

Kita telah merdeka selama 30 tahun saya rasa perkembangan dalam penyiaran ini kurang meresap ke hati rakyat kerana kita selalu berubah, menteri-menteri pun selalu berubah, jadi mungkin agaknya sedemikian rupa. Siaran-siaran yang dituntun oleh rakyat, siaran-siaran yang digemari oleh orang muda atau orang tua iaitu siaran hujung minggu, umpamanya di malam Sabtu yakni hari Sabtu malam Ahad. Ini juga sangat menyendihkan pandangan kerana kita tahu di masa inilah yang banyak penuntun untuk hendak lihat satu-satu

siaran, siarannya lama, satu jam kalau tidak silap saya yang dikelolakan oleh seorang seniwati atau seniman menjadi host, yang menyedihkan pakaian. Pakalan-pakaian wanitanya berlainan dengan nyanyian. Ada kalanya dia menyanyi lagu asli, pakai seluar panjang, pakai baju bandung, bukan sahaja rosak kepada pemandangan, rosak kepada lagu, merusakkan pakalan itu sendiri - kebudayaan termasuk kepada pakaian wanita di Malaysia ini. Ini patutlah kita pertimbangkan.

Saya telah bercakap di luar-luar Dewan ini berkaitan dengan ini, kalau ada majlis-majlis dialog di kampung-kampung yang didatangi oleh Kementerian Penerangankah, jawapannya amat senang. Kita bukan boleh hendak kawai artis-artis ini tentang pakaiannya, sebab dia hendak pakai macam itu, kita terpaksa ikutlah. Ini satu jawapan yang tidak elok. Kita mesti dengan kuatkuasa Undang-undang yang kita gubal ini kita mesti beri tahu kepada mereka kuasa kita, pakaian macam ini boleh kita terima tetapi kalau pakai sesuka hati dia, tidak usah beri dia mengambil bahagian. Dengan ada satu dua perkara yang kita buat sedemikian maka barulah mereka ini mengikut undang-undang yang kita bincangkan, yang kita luluskan tidak berapa lama lagi. Kalau kita ikut kehendak hati dia memang tidak memuaskan rakyat, menyolok mata. Dia pakai seluar kecil, dia pakai baju kurung hendak kata orang Pakistan bukan, hendak katakan orang Melayu bukan, hendak katakan orang Cina pakai seluar bukan, nyanyi lagu Melayu, sekejap lagi nyanyi lagu orang Putih, ini semua merusakkan. Jadi, perkara ini agaknye rasa, kita kecil tetapi akibatnya kepada rakyat kurang menyenangkan- maka kita patutlah ubah, suara-suara yang sedemikian patutlah kita dengar untuk memperbaiki bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, saya akan membawa satu

perkara lagi iaitu berkaitan dengan pelajaran kanak-kanak, terutama sekali Mukaddam. Mukaddam ini sangat baik pelajarannya, mengajar dengan begitu baik sekali, masanya pun elok tetapi terlampau singkat, patutlah ditambahkan, potonglah daripada bahagian-bahagian yang rancak-rancak, rock itu bubuhkan kepada agama maka lebih baiklah. Sebab ini bukan sahaja diikuti oleh kanak-kanak kita yang belajar Mukaddam tetapi orang dewasa dapat membetulkan pembacaan Al-Quran-nulkarim.

Jadi, saya rasa dua perkara itulah yang saya hendak sampaikan kerana banyak telah disentuh oleh rakan-rakan saya, masa juga mungkin tidak mengizinkan. Dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

**6.18 ptg.**

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada para Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian dengan penuh minat di dalam membahaskan Rang Undang-undang Penyiaran 1987 iaitu yang merupakan satu Rang Undang-undang yang baru sekali yang akan memberi kuasa kepada Kementerian Penerangan berkenaan aengan pengawalan hal ehwal penyiaran yang ada di negara kita pada masa ini.

Dt sini sebelum saya memberi jawapan kepada perkara-perkara yang telah ditimbul.licin oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, sukalah saya memberikan sedikit falsafah ataupun keterangan pendirian Kementerian berkenaan atau berkaitan dengan perkara-perkara

yang telah disebutkan sebentar tadi. Di mana saya mengakui bahawa memang kami di Jabatan Penyiaran tidak akan dapat memuaskan hati semua pihak untuk memberikan segala apa yang dimahukan oleh rakyat Malaysia menurut fikiran masing-masing. Namun demikian, usaha kami di Kementerian sentiasa berpandukan kehendak-kehendak Kerajaan iaitu yang memimpin dan membawa rakyat kepada jalan yang benar melalui penyiaran berita-berita dan penyiaran yang benar dan tidak menyelewengkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Senator sebentar tadi, khasnya beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon-Ariffin berkenaan dengan pakaian artis dan juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid, kita memang sedar perkara-perkara yang tidak disenangi oleh rakyat Malaysia berkenaan perkara-perkara **ini**. Maka itu saya katakan tadi bahawa soal puas atau tidak puas berkenaan rancangan-rancangan ataupun keadaan-keadaan bukanlah soal kami, ini adalah soal rakyat. Kami hanya membetulkan perkara yang disuarakan oleh rakyat tetapi dengan usaha membetulkan ini kita terpaksa berpandukan kepada garis panduan-garis panduan yang telah ditentukan oleh Kementerian dan dipersetujui oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan pakaian-pakaian yang telah disebutkan tadi yang menjolok mata ataupun iklan-iklan yang begitu mengghairahkan dan sebagainya yang telah disebutkan tadi, perkara-perkara yang dibuat telahpun difikirkan dan didapati bahawa ianya sesuai untuk ditayangkan yang merupakan bahan tayangan tajaan dalam 'advertisement' atau tajaan dapat diterima. Seperti saya katakan tadi memang perkara-perkara ini akan tertakluk kepada kritikan-kritikan daripada luar yang mana kami akan memberi kajian daripada masa ke masa dengan berpandukan kod iklan-iklan yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Penerangan.

Begitu juga berkenaan dengan pakaian-pakaian yang telah ditimbulkan sebentar tadi, segala pakaian-pakaian artis umpamanya yang telah ditayangkan atau dimainkan di televisyen melalui berbagai rancangan nyanyian dan program-program yang lain telah dibuat



melalui garis panduan pakaian yang telah diluluskan di dalam Kementerian. Memang ada berlaku pada masa-masa yang sudah-sudah di mana artis-artis mempunyai pakaian yang ketat dan di mana tindakan-tindakan dan teguran-teguran yang sewajarnya telahpun diberikan kepada artis-artis yang berkenaan di mana jika sekiranya mereka tidak mematuhi panduan-panduan yang telah diberikan oleh Kementerian, mereka tidak akan diberikan peluang untuk mengambil bahagian di sebarang rancangan Televisyen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Law tadi untuk memberi pendidikan penerangan dan hiburan adalah menjadi peranan utama yang dimainkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia. Matlamat Jabatan Penyiaran adalah bersesuaian dengan apa yang dinyatakan oleh Senator tersebut. Jadi saya percaya perkara ini telahpun sedia difahami dalam usaha kita untuk menimbulkan satu masyarakat yang berpengetahuan dan berpengalaman melalui Televisyen dan radio.

Berkenaan dengan satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid berkenaan "Kempen Setia" yang telah dimulakan oleh Menteri Penerangan di mana setiap kakitangan Kementerian dan juga Menteri, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen dimestikan pakai lencana setia, yang sebenarnya tujuan kita perkara ini bukan sahaja dihadkan kepada Kementerian Penerangan sahaja, malah pada akhirnya kita mengharapkan semua Jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian akan memakai lambaag setia sebagai menunjukkan contoh kesetiaan kepada Raja, Negara dan Kepimpinan. Pada akhirnya berkenaan tujuan Kempen Setia ini ialah bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan, malah rakyat jelata pada umumnya akan

mengamanatkan Lagu Setia yang dimainkan di televisyen setiap malam. Saya percaya perkara ini dan saya bersetuju dengan Senator Tuan Haji Abdul Majid yang menyatakan bahawa perkara ini telahpun meresap ke seluruh negara, terutama sekali di kalangan kanak-kanak. Jadi ini kenalah pada tempatnya di mana masyarakat harus dibimbing dan dipujuk supaya lebih taat kepada Raja dan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hal-hal perkhidmatan artis-artis RTM sentiasa diberikan perhatian sama ada daripada segi syarat-syarat kontrak kerja atau dari segi suasana kerja, sistem bayaran artis sudah diperbaiki dan akan diperbaiki lagi jika perlu. Jika Yang Berhormat ada nama-nama artis yang menghadapi masalah bayaran, saya minta Yang Berhormat memberikan nama-nama mereka supaya dapat kita buat siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin telah menyebutkan berkenaan dengan wujudnya TV3 telah meletakkan RTM sebagai satu saluran yang bersaing dengan TV3. Yang sebenarnya RTM tidak pernah bersaing dengan TV3. Di sini suka saya menerangkan bahawa dengan wujudnya TV3 memang banyak rancangan-rancangan yang diterbitkan melalui TV3, bukanlah rancangan-rancangan yang di bawah kawalan RTM atau di bawah kawalan Kementerian. Dengan ini kita mengharapkan bahawa apabila Undang-undang Penyiaran 1987 ini telah diluluskan kita akan dapat sebanyak sedikit memberikan teguran dan pandangan selain daripada memberikan panduan kepada TV3 supaya lebih bertanggungjawab di dalam menyiarkan bahan-bahan siaran yang tidak menyalahi daripada garis panduan dan budaya kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby berkenaan dengan pembacaan ayat-ayat suci al-Quran ini di RTM sentiasa diambil berat. RTM dalam hal ini sentiasa daripada masa ke masa merujuk perkara-perkara yang berkenaan kepada Pusat Islam di Jabatan Perdana Menteri dan minta nasihat di mana yang berkenaan. Pada masa ini siaran pada hari Jumaat adalah disesuaikan dengan rancangan-rancangan agama yang bersesuaian dengan hari tersebut, baik di Rangkaian 1 mahupun di Rangkaian 2.

Begitu juga berkenaan dengan teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator yang sama, iaitu berkenaan dengan setiap program harus dimulakan dengan sedikit bacaan doa. Pada masa ini kita dapati memang apa yang telah kita buat telahpun disesuaikan seperti yang telah saya katakan tadi. Walaupun jika tiada yang sesuai kita sentiasa merujuk kepada pihak yang berkenaan, iaitu pihak Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan cadangan atau teguran Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah berkenaan dengan Rancangan Mukaddam yang terlalu pendek, yang sebenarnya masa yang disesuaikan adalah didapati sesuai berkenaan pada masa kini iaitu masa sebelum waktu Maghrib diadakan. Saya percaya di sini kita lebih bernasib baik kerana mendapat Rancangan Mukaddam sebelum waktu Maghrib kerana di Sabah dan Sarawak Rancangan Mukaddam adalah bertindih dengan waktu Maghrib. Jadi, pada masa kini kita dapati masa yang panjang bagi mukaddam adalah sesuai dan walau macam mana pun kita sentiasa akan mengkaji daripada kesesuaian waktu berkenaan dengan Rancangan Mukaddam itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator C. Krishnan memohon supaya rancangan Berita Tamil ditukar daripada jam 5.00 kepada jam 7.00 malam dan juga berkenaan rancangan Drama Mingguan supaya diadakan, yang sebenarnya berkenaan berita-berita Tamil yang telah dicadangkan itu bukanlah merupakan satu perkara baru kerana pada masa kini kita mendapati bahawa lebih banyak pendengar-pendengar TV ataupun rancangan Tamil adalah terdiri daripada pekerja-pekerja di estet-estet, di mana di estet-estet kebanyakan hanya mempunyai bekalan api letrik daripada pukul 5.00 sehingga pukul 7.00 ataupun dalam keadaan yang lebih kurang. Jadi buat masa ini kenalah kita sesuaikan pada masa di mana rakyat Malaysia keturunan Tamil dapat melihat siaran TV pada waktu yang tepat dengan adanya kuasa letrik di tempat masing-masing.

Insyallah, saya rasa pada satu masa jika sekiranya keadaan di tempat-tempat yang berkenaan bertambah baik dan bekalan letrik bertambah, saya percaya keadaan yang dicadangkan oleh Senator Krishnan tadi dapat diubahsuaikan menurut kesesuaian yang dikehendaki oleh masyarakat Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang disentuh oleh Senator Law sebentar tadi yang menyentuh berkenaan dengan perhatian harus diberi berkenaan jenis-jenis bahan yang sesuai dimuatkan dalam semua rancangan penerbitan, ini memang sentiasa diambil perhatian dan saya percaya apa yang dilaksanakan oleh RTM sekarang adalah berhaluan ke atas perkara Ini yang mana telah diberikan penekanan supaya ia dapat diterima sebagai satu contoh yang baik kepada penonton-penonton khususnya yang berketurunan Tionghua.

Berhubung dengan Drama Mingguan, penyertaan semua rakyat Malaysia adalah juga menjadi keutamaan dalam penerbitan untuk mencapai integrasi nasional di dalam rakyat yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahaja yang dapat saya ulas sebagai jawapan kepada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh para Ahli Yang Berhormat Senator sebentar tadi dan saya rasa memang saya tidak dapat menjawab dengan sebaiknya seperti apa yang diharapkan oleh para Senator di dalam Dewan yang mulia ini kerana maklum sahajalah cara penyediaan kita Ini memang keputusan on the spot, dengan izin. Jadi walau sebarang apa yang saya tidak sebut tadi, saya memohon maaf dan sebarang perkara yang ditimbulkan akan diambil perhatian berkaitan dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidaag sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 23** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)**

##### **Bacaan Kali yang Kedua dan Retiga**

##### **6.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan bahagian-bahagian penting yang dipinda di dalam Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987, antara lain ialah seperti berikut:

- (i) "Persatuan Nelayan" bermakna Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan nelayan Negeri atau Persatuan Nelayan Kebangsaan. Tafsiran yang jelas bagi tiga peringkat Persatuan Nelayan ini dapat mengurangkan pertindihan fungsi, aktiviti atau projek.
- (ii) Rang Undang-undang ini juga membenarkan Persatuan Nelayan menjalankaa aktiviti-aktiviti ekonomi tanpa memerlukan penglibatan secara langsung ahli-ahlinya. Namun demikian ahli-ahli masih mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- (iii) Persatuan 'Nelayan dibenarkan, tanpa ragu-ragu, menubuhkan syarikat, memiliki ekuiti dan mengadakan

usahasama yang boleh mendatangkan keuntungan dan memberi lebih manfaat kepada ahli. Perluasan skop kegiatan Persatuan Nelayan akan mendorong mempergiatkan usaha ke arah mencapai matlamat dasar Kerajaan untuk memajukan sosio-ekonomi nelayan dan industri perikanan.

- (iv) Walaupun kuasa yang luas diberi kepada Pesatuan Nelayan menubuhkan syarikat, membuat usahasama dan memiliki ekuiti, ianya perlu memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu. Di antara syarat-syaratnya ialah Persatuan Nelayan perlu mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu dari Pendaftar dan Pendaftar berkuasa untuk mengenakan apa-apa syarat yang wajar dalam memberikan kebenaran itu. Antara syarat-syarat yang dicadangkan ialah hanya Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) atau Persatuan nelayan Negeri sahaja boleh menubuhkan anak syarikat dan mestilah memiliki modal berbayar tidak kurang daripada \$500,000. Persatuan Nelayan Kawasan tidak dibenarkan menubuhkan anak syarikat kecuali mendapat kebenaran khas Menteri tetapi boleh memiliki saham dalam anak syarikat. Syarat-syarat ini dicadangkan supaya penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti oleh Persatuan Nelayan dapat dikawal dan lebih berhati-hati.
- (v) Kuasa tambahan juga diberi kepada Pendaftar untuk menghad dan mengawalselia aktiviti-aktiviti Persatuan Nelayan bagi memastikan tidak berlakunya

penyelewengan dan persaingan perniagaan yang tidak sihat di kalangan Persatuan Nelayan.

- (vi) Peluang membuat rayuan diberi pada mana-mana Persatuan Nelayan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar di bawah Perkara 5(2) atau 5(3) iaitu kelulusan penubuhan syarikat atau pemilikan ekuiti serta syarat-syarat bagi mengawalselia. Rayuan hendaklah dibuat kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu dan apa-apa keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.
- (vii) Satu peruntukan baru iaitu seksyen 11(7) dimasukkan bagi mengecualikan seorang nelayan supaya ia boleh menganggotai dua pertubuhan nelayan iaitu Persatuan Nelayan Kawasan dan Syarikat Kerjasama Nelayan dalam masa yang sama.



(viii) Seksyen baru 11A dimasukkan bagi membolehkan sesuatu daftar atau senarai anggota sesebuah Persatuan Nelayan dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan *prima facie* jika perlu.

(ix) Kuasa Persatuan Nelayan memberi pinjaman diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 bagi mengelakkan kemungkinan Perlembagaan Persatuan Nelayan terkeluar dari kuasa yang diberikan oleh Akta ini dengan izin, *ultra virus*.

(x) Kuasa juga diberi kepada Persatuan Nelayan untuk melabur kumpulan wangnya dalam mana-mana badan atau institusi, Peruntukan ini mempastikau pelaburan wau yang dibuat adalah terjamin dan sah dari segi undang-undang.

(xi) Seksyen 25A baru memberi kuasa tambahan kepada Pendaftar bagi membuat perintah mana-mana orang yang terlibat memberi keterangan ke atas akaun sesuatu Persatuaa Nelayan. Ini bertujuan untuk membolehkan tindakan diambil ke atas mereka yang melakukan penyelewengan dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah Persatuan Nelayan. Pendaftar juga boleh mengenakan perintah segala wang atau harta-harta yang disimpan secara tidak jujur atau yang telah disalahgunakan dikembalikan.

(xii) Seksyen 32A baru dimasukkan bagi membolehkan catatan-catatan dalam buku-buku Persatuan Nelayan diterima dalam mana-mana prosedur undang-undang sebagai keterangan *prima facie* yang menjadi bukti terhadap kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh sesiapa juga yang berkaitan di dalam perbicaraan mahkamah. Keluasan seksyen ini bertujuan melicinkan proses perbicaraan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 dapat meluaskan lagi aktiviti Persatuan Nelayan terutama dalam bidang ekonomi sesuai dengan perkembangan semasa. Walaupun kuasa bagi Persatuan Nelayan bergiat dalam bidang perniagaan dan perdagangan diperluaskan dan undang-undang pindaan ini juga memperuntukkan kuasa yang secukupnya kepada Pendaftar Persatuan Nelayan untuk mengawal kegiatan tersebut dan mengambil tindakan yang perlu terhadap apa-apa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di bawah Akta ini.

Kementerian Pertanian mengambil berat tentang semua perkara Ini dan berharap dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini matlamat bagi membangun sosio-ekonomi nelayan dan industri perikanan keseluruhannya boleh dicapai.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**6.54 ptg.**

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

Dengan pelaksanaan Rang Undang-undang Ini dapatlah membela nasib kaum nelayan yang menggadai nyawa mereka mengharung lautan yang luas untuk mencari rezeki yang halal. Nasib mereka yang dibela melalui Persatuan-persatuan Nelayan yang mereka menjadi ahli tidak seperti dulu mereka bergerak sendirian tanpa ada kesatuan. Saya yakin Kerajaan telahpun mengadakan peruntukan yang sepatutnya agar Persatuan-persatuan Nelayan tidak akau disalah tadbirkan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh Fasal 6A(1) dan Fasal 6A(3) bertujuan meminda perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 2 Akta untuk menjadikan jelas bahawa peluang untuk menjadi anggota **Per-**satuan Nelayan juga diberikan kepada mana-mana orang yang memperoleh 60% atau lebih jumlah pendapatannya daripada perusahaan perikanan.

Pihak Pendaftar atau pentadbir sesuatu Persatuan Nelayan hendaklah mengambil perhatian yang teliti dalam hal ini walaupun ia nampak perkara yang biasanya sahaja tetapi kita hendaklah berwaspada pada mereka yang mengambil peluang di atas segala kemudahan yang dapat diperolehi daripada menjadi ahli Persatuan Nelayan.

Di tempat saya ada kejadian seorang yang tidak sepatutnya mendapat lesen bot ikan tetapi telah mendapat lesen tersebut semata-mata kerana pandai mengurus bagi mendapat lesen tersebut atau mungkin beliau kenal dengan ahli-ahli politik tertentu, pada hal beliau sendiri tidak mempunyai pengalaman yang cukup untuk layak mendapat sebuah bot lesen ikan. Timbullah masalah bila ada nelayan-nelayan yang bergantung hidup dangnn menangkap ikan iaitu menjadi nelayan tetapi tidak mendapat lesen bot.

Saya yakin Persatuan Nelayan dapat menggabungkan tenaga dan usaha ahli-ahlinya untuk mendapat lesen beberapa buah bot bagi kepentingan dan faedah masyarakat kaum nelayan dan berwaspada kepada mereka yang menjadi ahli Persatuan Nelayan semata-mata dengan tujuan untuk mendapat kepentingan diri sendiri. Dari itu saya berharap sebelum dapat menerima seseorang ahli menjadi ahli-ahli Persatuan Nelayan hendaklah dikaji akan kesahihan pekerjaan beliau, takut ada yang mengambil peluang untuk mendapatkan pinjaman dan peruntukan yang lain-lain lalu menjadi ahli Persatuan Nelayan.

Fasal 3B bertujuan untuk membuat pindaan bagi membolehkan Persatuan-persatuan Nelayan bergiat dalam usaha-usaha perniagaan dan perusahaan yang lebih besar dan bersaing dengan syarikat-syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekaraag kita lihat kilang-kilang keropok, kilang memproses belacan, kilang baja ikan, kilang ikan kering, kilang udang dan sebagainya dipunyai oleh syarikat-syarikat individu yang kadangkala tidak ada kaitan langsung dengan Persatuan Nelayan. Mereka mengaut keuntungan dari hasil titik peluh para nelayan. Kita berasa sedih melihat penindasan yang dilakukan oleh pihak orang tengah terhadap kaum nelayan.

Saya mengucapkan syabas kerana pindaan Fasal 3A membolehkan Persatuan Nelayan berniaga dalam perusahaan yang besar dan bersaing dengan syarikat-syarikat swasta supaya segala faedah perusahaan atau syarikat dapat patah balik kepada para nelayan dan keluarga mereka.

Pada masa sekarang keluarga nelayan bekerja dengan syarikat atau kilang-kilang kaya dan dengan penat jerih nelayan tetapi pendapatan mereka amat kecil sekali. Jadi faedahnya atau keuntungannya tidak sampai balik kepada kaum nelayan yang sepatutnya.

Kita mahu Persatuan Nelayan dapat menjalankan tanggungjawab dengan kerjasama dan bantuan dari MARDI, Bank Pertanian dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain menggunakan hasil-hasil nelayan dipelbagaikan kegunaannya seperti menjalankan perusahaan dan memasarkan penghasilan seperti cincaluk, budu, belacan, baja daripada ikan, eksport udang basah, perusahaan ikan bilis, perusahaan ikan sardin dalam tin, perusahaan ikan kering dan sebagainya dan diusahakan oleh kaum nelayan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, usaha juga hendaklah diberi kepada dipelbagaikan hasil lain seperti siput, batu karang dan sebagainya untuk dijadikan hasil kerja tangan dengan alasan yang lebih sophisticated supaya dapat menarik minat pelancong-pelancong seperti yang terdapat di Pulau Langkawi.

Perusahaan sedemikian bukan sahaja dapat memberi pekerjaan kepada anak-anak dan keluarga nelayan, tetapi dapat pula memajukan Persatuan Nelayan yang mana faedahnya dapat balik kepada kaum nelayan.

Saya berharap persatuan Nelayan dapat menghantar anak-anak nelayan yang mempunyai minat atau kebolehan dalam bidang tertentu taraf hidup sosio ekonomi kaum nelayan. Kita mahu anak-anak nelayan berasa bangga dengan pekerjaan yang dijalankan oleh keluarga mereka yang mana boleh menambahkan minat kepada mereka untuk meneruskan pekerjaan ini dengan mutu kemahiran

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen baru 13D bertujuan menyatakan cara-cara bagaimana sesuatu Persatuan Nelayan boleh melabur atau mendepositkan wangnya. Kita harap kaum nelayan dapat pula menggabungkan wang ringgit mereka bagi dilabur atau didepositkan untuk keuntungan yang besar seterusnya dapat mengubah nasib hidup kaum nelayan. Tetapi pentadbir Persatuan Nelayan hendaklah mendapat bimbingan yang lengkap dan persetujuan ahli-ahli terlebih dahulu, kalau perlu adakan kempen kefahaman apa yang dikatakan melabur atau mendepositkan wang agar tidak disalahfahamkan oleh ahli-ahli persatuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat ditakuti oleh kaum nelayan ialah di musim tengkujuh atau di musim hujan di mana mereka tidak boleh turun ke laut. Berertinya mereka tidak dapat wang untuk perbelanjaan. Tetapi dengan kewujudan Persatuan Nelayan ini, dapatlah mereka menggantungkan nasib mereka atau lebih jelas lagi dapat pertolongan daripada Persatuan Nelayan, tidak lagi mereka bergantung kepada taukeh-taukeh dan orang tertentu yang mana akhirnya mereka terpaksa berhutang kepada jerung-jerung ini seumur hidup mereka. Saya mengambil kesempatan merayu kepada kaum nelayan mendaftarkan diri menjadi ahli Persatuan Nelayan mahupun Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri atau Kebangsaan supaya dapat memaju dan mengukuhkan lagi persatuan mereka dan dengan ini dapat membantu kaum nelayan semasa mereka sangat-sangat memerlukan bantuan iaitu semasa musim hujan atau musim tengkujuh.

Persatuan Nelayan sepatutnya adakan satu rancangan yang lengkap untuk para nelayan serta keluarga mereka semasa mereka tidak boleh turun ke laut. Jangan biar masa mereka dihabiskan begitu sahaja tanpa membuat sesuatu kerja yang berfaedah. Persatuan Nelayan juga boleh mengatur program untuk menambah pengetahuan kemahiran atau pengetahuan lain ataupun atur rancangan atau lawatan sambil belajar untuk meluaskan pandangan kaum nelayan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak dan isteri kaum nelayan hendaklah juga diberi perhatian, oleh kerana bapa mereka sentiasa menghabiskan masa di tengah laut dan kurang dapat masa untuk mengawasi anak-anak mereka. Ada kes-kes anak-anak kaum nelayan terlibat dengan najis dadah.





**[Persidangan disambung semula pada pukul 7.36 malam]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)**

**Perbahasan disambung semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin menyambung perbahasan, dipersilakan.

**7.37 min.**

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbahasan Satu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

Kerajaan hendaklah bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kawasan mengadakan langkah-langkah pencegahan dan pengawasan serta kaunseling. Lazimnya nelayan-nelayan dari negara lain yang datang atau kadang-kadang tersadai di negara kita menjadi punca penglibatan sebahagian nelayan-nelayan kita dengan najis dadah.

Saya menyeru kepada Kerajaan mengadakan, pengawasan yang lebih teliti kepada bot-bot yang ditinggalkan di pantai-pantai pada waktu mereka tidak keluar menangkap ikan, kerana ada kegiatan yang tidak sihat dijalankan pada waktu malam. Kita tidak mahu kaum nelayan kita menjadi lemah yang mana boleh menjejaskan prestasi dan produktiviti mereka.

Kita berharap satu hari nanti pekerjaan menangkap ikan akan diminati oleh bukan sahaja dari anak-anak kaum nelayan, bahkan dari belia-belia yang menganggur, yang berkelulusan tinggi melalui

Persatuan Nelayan boleh dijadikan pekerjaan nelayan ini satu pekerjaan yang diminati dan dihormati oleh segenap lapisan rakyat serta memberi pendapatan yang lumayan.

Tuan yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

### **7.39 mlm.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rnengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kaum nelayan telah rnemberi sumbangan yang besar kepada negara dan bangsa dengan membekalkan ikan-ikan untuk makanan orang ramai. Narnun demikian selama ini kehidupan kaum nelayan boleh dikatakan pada keseluruhannya masih menderita, taraf hidup mereka masih jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan bidang-bidang yang lain di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, banyak faktor yang menyebabkan kesempitan hidup kaum nelayan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum kebanyakan nelayan amatlah miskin dan papa.

Justeru itu mereka cuba menggunakan perahu dan cara-cara lama dan menjalankan pekerjaan di laut. Mereka tidak mampu membeli motobot serta menjalankan kegiatan menangkap di laut dalam, tambahan pula berbagai masalah pengangkutan dan pemasaran menyebabkan mereka ditindas oleh orang-orang tengah yang mengambil peluang membeli hasil tangkapan mereka dengan harga yang murah.

Di samping itu cuaca buruk seperti musim tengkujuh yang berlanjutan juga membawa kerugian kepada kaum nelayan kerana mereka tidak dapat keluar ke laut,

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan nasib nelayan yang malang Persatuan Nelayan dengan bantuan Kerajaan harus berusaha dengan lebih giat lagi mencari ikhtiar membaiki serta mempertingkatkan taraf hidup kaum nelayan. Ini boleh dilakukan dengan cara-cara berikut:-

- (i) Memberikan pinjaman kewangan kepada kaum nelayan untuk membeli alat-alat penangkapan ikan yang moden.
- (ii) Mendirikan sebuah sekolah latihan perikanan bagi melatih serta memberi bantuan teknik serta nasihat yang diperlukan kepada kaum-kaum nelayan.
- (iii) Menggalakkan lebih ramai kaum nelayan menyertai projek penangkapan ikan laut dalam dan bukan sahaja ditumpukan di sekitar perairan yang berhampiran pantai sahaja.
- (iv) Menyediakan sistem pemasaran sendiri bagi mengelakkan penindasan orang tengah yang sering dipanggil penghisap darah.

- (v) Nelayan juga digalakkan menjalankan kerja-kerja sambilan seperti tanaman sayur-sayuran, memelihara ikan air tawar atau menjalankan seni pertukangan. Untuk tujuan ini Persatuan Nelayan dapat memberikan sumbangan dengan menyediakan berbagai kemudahan-kemudahan yang diperlukan.
- (vi) Untuk menjaga kepentingan kaum nelayan pihak Kerajaan juga patut memperketatkan rondaan di laut dan menghapuskan kegiatan lanun serta pencerobohan kapal nelayan-nelayan asing atau keselamatan dan rezeki kaum nelayan tidak terancam.
- (vii) Skim Insuran Khas bagi kaum nelayan harus juga disediakan dan diwajibkan supaya kehidupan kaum nelayan serta keluarga mereka lebih terjamin dan dilindungi.
- (viii) Kemudahan-kemudahan yang lain seperti memudahkan proses permohonan lesen-lesen juga harus disediakan. Banyak usaha-usaha telah dilakukan moga-moga dengan langkah-langkah yang telah dijalankan atau akan dijalankan kehidupan kaum nelayan akan bertambah baik dan sama-sama dapat menikmati kemajuan dan kemakmuran negara kita.

Sekian ucapan saya dan saya menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak.

**7.45 mlm.**

**Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

Berita yang mengatakan bahawa Persatuan Nelayan akan dibenarkan menggiat dan menceburkan diri dalam dunia perniagaan adalah merupakan satu tarikan baru kepada kaum nelayan supaya bergiat cergas dalam usaha-usaha perniagaan dan perusahaan yang lebih besar dan dapat bersaing hebat dengari syarikat-syarikat swasta terutamanya dalam usaha-usaha menangkap ikan laut dalam yang sekarang ini mula mendapat perhatian dan keutamaan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan Akta ini bolehlah dianggap sebagai peransang dan dorongan bagi kaum nelayan yang ingin bekerja keras dan ingin maju. Mereka nanti tidak lagi semata-mata bergantung harap dengan kegiatan-kegiatan tradisi yang kurang menguntungkan dan terkadang-kaaang membebankan.

Walau bagaimana sekalipun dengan peningkatan fungsi-fungsi Persatuan Nelayan yang semata-mata menjaga kepentingan yang bukan bercorak perniagaan kepada Persatuan yang bercorak syarikat maka ini adalah merasakan banyak manfaat yang boleh diperolehi baik dari segi kaum nelayan. sendiri mahu pun dari segi orang ramai dan juga Kerajaan.

Dengan bertambahnya syarikat-syarikat nelayan yang cergas maka sudah pastilah ianya akan berkeupayaan serta mampu menjalankan kegiatan menangkap ikan dengan lebih sempurna lagi tanpa banyak menimbulkan masalah-masalah. Dari segi modal, menyediakan peralatan yang sukar diperolehi secara perseorangan dan dengan peningkatan dan penambahan kerja-kerja penangkapan ikan ini maka secara tidak langsung akan mewujudkan pendapatan ikan di negara dan mengurangkan import ikan yang membabitkan pengaliran keluar wang negara setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, harapan dan cita-cita murni pihak Kerajaan untuk melihat masyarakat nelayan bangun dengan megah amatlah besar sekali. Untuk ingin mengubah nasib nelayan amat sukar tanpa bantuan dan sokongan yang berterusan daripada pihak Kerajaan. Kita tidak lagi mahu melihat tradisi yang mengikut kaum nelayan dengan kepercayaan bahawa musim tengkujuh adalah musim berehat dan ketika itu perairan kita terutamanya di sebelah pantai timur dipenuhi oleh nelayan-nelayan asing, dengan kapal yang besar, dengan peralatan yang besar dan moden.

Justeru itu dengan pindaan Akta Persatuan Nelayan ini sedikit sebanyak akan menyebabkan sikap para nelayan kita berubah di mana musim tengkujuh adalah merupakan musim yang boleh memberi rezeki yang bernilai kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semua apa yang telah saya perkatakan sebentar tadi adalah merupakan cita-cita dan hasrat murni yang dirancang oleh pihak Kerajaan untuk melihat peningkatan taraf hidup

kaum nelayan setanding dengan masyarakat di sektor yang lain. Perancangan yang baik kalau tidak disertai dengan penyelesaian beberapa masalah yang perlu diberikan perhatian dan tindakan tidak akan mendatangkan apa-apa kekesanan kepada matlamat dan hasrat-hasrat Kerajaan untuk membawa kaum nelayan ke arah kebahagiaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3(a) pindaan kepada Akta ini telah menyebut dan memberi kebenaran kepada Persatuan Nelayan bergiat dalam usaha-usaha perniagaan dan perusahaan yang lebih besar dan dapat bersaing hebat dengan syarikat-syarikat swasta.

Pindaan ini sungguh membawa erti yang besar kepada Persatuan Nelayan daripada ianya sebelum ini berfungsi menjaga kepentingan dan kebajikan serta khidmat-khidmat masyarakat kepada berniaga untuk kepentingan ekonomi masyarakat nelayan dan juga negara.

Saya yakin dan percaya tujuan besar pihak Kerajaan memperkenalkan Fasal 3(a) ini adalah bermaksud untuk membenarkan Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan Nelayan Negeri sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk menceburkan diri di dalam perikanan laut dalam.

Walaupun telah wujud kerjasama sebagaimana yang telah kita ditahamkan di antara pihak swasta tempatan dan pihak Thailand dan kita telahpun ketahui bahawa pihak NIKMAT ataupun Persatuan Nelayan Kebangsaan sedikit sebanyak ada memainkan peranan menceburkan diri dalam membekalkan minyak, air batu dan sebagainya. Tetapi saya rasa penglibatan NIKMAT atau Persatuan Nelayan Kebangsaan yang mewakili nelayan-nelayan diseluruh negara dirasakan tidak cukup setakat itu sahaja .

Penyertaan NIKMAT perlu lebih luas lagi dengan mengadakan usaha-usaha sendiri untuk terus turun ke laut bersama-sama dengan pihak-pihak swasta yang lain yang mempunyai minat yang sama. Gabungan usaha ini mungkin membolehkan penerokaan laut dalam dengan lebih berkesan lagi. Hasil yang telah pun kita ketahui sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh KNT Sendirian Berhad telah pun memulakan usaha awal dengan kerjasama swasta dari Thailand.



Alasan tidak ada modal atau kepakaran yang cukup tidak boleh diterima. Ini adalah kerana pelbagai kemudahan dan galakan telah diberikan oleh pihak Kerajaan bagi mendorong mereka ini memasuki bidang perusahaan perikanan laut dalam. Apa yang saya telah difahamkan daripada penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam soal jawab mulut bahawa Jabatan Perikanan telahpun mengeluarkan Lesen sejumlah 356 Permit Perikanan Laut Dalam dan daripada jumlah itu 187 telah dikeluarkan kepada nelayan perseorangan dan 99 kepada Persatuan Nelayan ataupun Syarikat Kerjasama Nelayan. Dengan harapan ini saya berharap pihak Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk mengeluarkan lesen-lesen terutamanya memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat ataupun Persatuan Nelayan ataupun syarikat yang ada kepentingan Persatuan Nelayan. Semuanya ini membuktikan kepada kita bahawa pihak Kerajaan adalah begitu serius dalam memberikan galakan perikanan laut dalam kerana ianya begitu penting pada perkembangan ekonomi negara, kepentingan industri adalah dapat dilihat dari segi punca-punca utama bekalan makanan berprotein, pengwujudan peluang-peluang pekerjaan dan pertambahan kepada pertukaran asing,

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengenalan dan pembaharuan Akta Persatuan Nelayan ini saya suka menegaskan supaya pihak Kerajaan sekali lagi dalam usaha-usaha menggalakkan penerokaan perikanan laut dalam ini supaya tidak lagi ataupun mengurangkan lesen-lesen dikeluarkan atau diberikan kepada syarikat-syarikat yang tidak mengadakan usahasama dengan Persatuan Nelayan ataupun Syarikat

Kerjasama Nelayan ataupun tidak langsung memberikan lesen ini kepada nelayan-nelayan asing yang ingin mengaup keuntungan daripada perairan kita.

Tuan Yang di-Pertua, menganalisa, mengkaji dan menghalusi prestasi dan perkembangan latarbelakang Persatuan-persatuan Nelayan, Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan di seluruh negara saya boleh merumuskan kepada tiga kategori. Di negara kita ini kita ada mempunyai 61 Persatuan Nelayan Kawasan dan kita ada 40 Syarikat Kerjasama Nelayan dan kita ada 11 Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan Kebangsaan yang mana kesemuanya berjumlah 103 buah. Daripada kesemua organisasi nelayan ini kita dapat mengklasikan ataupun merumuskan kepada kategori di mana apa yang saya telah difahamkan bahawa terdapat hanya 4 buah sahaja Persatuan Nelayan ataupun Syarikat Kerjasama Nelayan yang aktif ataupun maju dan boleh mengeluarkan dividen-dividen kepada ahli-ahlinya.

Yang kedua, Persatuan Nelayan ataupun Syarikat Kerjasama Nelayan yang maju dan boleh berdikari di atas kaki sendiri yang berjumlah 23 buah dan kategori yang terakhir sekali ialah Persatuan Nelayan ataupun Syarikat Kerjasama Nelayan yang daif di mana pendapatannya adalah berjumlah ke bawah daripada \$1,000 sebulan yang berjumlah 34 buah kesemuanya. Sehubungan dengan ini, dari 61 buah Persatuan Nelayan ataupun Syarikat Kerjasama Nelayan yang ada cuma 27 buah sahaja yang boleh berdikari dan boleh bergerak dengan sendiri dan 34 buah lagi perlu mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan. Dan dengan keadaan yang demikian itu kepada Persatuan Nelayan yang aktif berdaya maju dengan kedudukan ekonomi yang stabil maka membolehkan ianya meluaskan aktiviti-aktiviti di bidang perniagaan sebagaimana yang dikehendaki hasrat dalam Akta yang akan kita luluskan ini. Dan untuk itu, satu penyelarasan perlu dibuat kepada semua

Persatuan Nelayan, kepada semua Syarikat Kerjasama Nelayan supaya ianya dapat pihak Kerajaan merangka dan membetulkan keadaan Persatuan itu sendiri sebelum membolehkan asas-asas diletakkan bagi membolehkan mereka bergiat dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan apa yang dapat saya lihat pihak Kerajaan dalam usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup nelayan adalah perlu memberikan perhatian dari segi yang pertama, memperbaiki kedudukan dan prestasi seluruh Persatuan Nelayan dari segi pengukuhan pengurusan perniagaan, modal untuk membolehkan dan memberikan harapan kepada nelayan bergantung harap tanpa kepercayaan yang jitu atau sokongan dari seluruh kaum nelayan, mana-mana Persatuan Nelayan tidak akan berjaya sebagaimana yang kita harapkan.

Pertambahan modal saham oleh nelayan hanya akan dapat dibuat jikalau organisasi itu terurus dan boleh memberikan harapan keuntungan. Kita tidak mahu berlakunya penyakit "AIDS" di dalam Persatuan Nelayan sepertimana yang telah berlaku wabak penyakit itu dalam koperasi-koperasi KPD di negara kita. Oleh kerana kurangnya amanah dan rasa tidak bertanggungjawab maka lahirlah "AIDS". "AIDS" yang saya maksudkan itu ialah "Ahli Invest, Director Sapu" **[Ketawa]**.

Yang keduanya, pihak Kerajaan hendaklah meletakkan pelbagai asas untuk perkembangan ekonomi Persatuan Nelayan. Tanpa sokongan ini Persatuan Nelayan tidak akan dapat aktif di bidang perniagaan. Sebagai contohnya pihak Kerajaan juga mesti memberikan perhatian kepada nelayan-nelayan pantai. Nelayan-nelayan pantai ataupun nelayan tradisi hidupnya kais pagi makan pagi adalah satu masyarakat ataupun satu kumpulan yang perlu dibela. Matlamat berpersatuan tidak semata-mata untuk golongan nelayan yang mempunyai modal

sahaja, yang tidak ada pun harus mendapat perhatian dan keutamaan Kita lihat Jabatan Perikanan kini telah membekukan pengeluaran lesen-lesen bot di bawah 70 GRT termasuk sampan atau bot-bot kecil dan sebagaimana yang saya telah difahamkan ianya adalah beralasan untuk memelihara sumber-sumber perikanan pantai. Walaupun perkara ini ada lojiknya tetapi tidak lojiknya pun ada juga terutamanya keatas pengeluaran lesen-lesen sampan. Saya tidak yakin dengan hanya nelayan-nelayan bersampan, ikan-ikan di perairan pantai akan kepupusan pada hal kita tahu mereka itu menangkap ikan cuma menggunakan jala, rawai dan sebagainya. Oleh itu saya sekali lagi menyeru kepada pihak Kerajaan supaya membuka dan mengeluarkan lesen-lesen sampan untuk nelayan-nelayan pantai semula.

Sehubungan dengan ini juga saya suka mengesyorkan supaya pertimbangan juga diberi untuk pengeluaran lesen-lesen bot di bawah 70 GRT diberikan keutamaan kepada ahli-ahli Persatuan Nelayan dengan dikenakan syarat-syarat di mana semua bot-bot itu mestilah membeli perbekalan air batu, minyak dan sebagainya hanya daripada Persatuan-persatuan Nelayan sahaja.

Di samping itu juga, semua pembaharuan-pembaharuan lesen mestilah dengan sokongan daripada organisasi ataupun persatuan nelayan itu sendiri dan keutamaan hendaklah diberi kepada mereka yang menjadi ahli persatuan nelayan. Saya yakin dan percaya dalam keadaan yang demikian itu barulah persatuan nelayan akan dihormati sebagai satu persatuan yang dapat melindungi nelayan-nelayan dan tempat nelayan-nelayan yang bernaung.

Perkara yang ketiga yang harus diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan ialah mengenai jumlah nelayan dan yang menjadi keahlian kepada persatuan nelayan kawasan ataupun syarikat kerjasama nelayan. Mengikut maklumat yang saya difahamkan bahawa jumlah di seluruh negara ini hanya berjumlah 99,000 orang sahaja dan saya yakin jumlah ini adalah lebih daripada yang menjadi nelayan dan daripada jumlah 99,000 orang itu hanya 62,000 orang sahaja yang menjadi ahli kepada persatuan nelayan kawasan dan juga syarikat kerjasama nelayan yang berjumlah 62.6%. Dengan keadaan yang demikian itu pertambahan keahlian kepada kedua-dua organisasi ini adalah sangat perlu bagi menggambarkan kekukuhan perpaduan perjuangan kaum nelayan di seluruh negara. Sehubungan dengan ini, galakan-galakan mestilah dibuat bagi menentukan keanggotaan persatuan nelayan kawasan dan juga syarikat kerjasama nelayan bertambah dari semasa ke semasa. Keahlian yang ramai boleh menguatkan perjuangan persatuan nelayan dan syarikat kerjasama nelayan dan boleh mengumpulkan modal yang lebih besar untuk diperniagakan.

Tuan Yang di-Pertua satu perkara lagi yang saya kira patut saya sentuh yang ada kaitan dengan Akta Persatuan Nelayan ini ialah mengenai pelesenan. Kalau sebentar tadi telah saya sentuh mengenai

pembekuan lesen bot di bawah 70 GRT, tetapi kini masalah Akta Perikanan 1985 mengenai Peraturan-peraturan Kelautan (Pindaan) (No.2), 1987 yang telah diwartakan pada 3hb September, 1987. Penguatkuasaan warta yang tersebut itu sedikit sebanyak telah membebankan para nelayan di mana sebagaimana yang telah saya difahamkan kenaikan lesen-lesen bot perahu dan lesen menangkap ikan agak memeranjatkan para nelayan. Walaupun kenaikan lesen-lesen perahu, lesen menangkap ikan itu mempunyai tujuan-tujuan yang terhasrat dan tersirat, tetapi ianya sedikit sebanyak boleh saya simpulkan memberikan keluhan rasa tidak puas hati kepada nelayan-nelayan ataupun pengusaha-pengusaha perikanan.

Sebagai contoh, bot pukot jerut di mana berat muatannya adalah berjumlah 62.93 GRT yang mana sebelum penguatkuasaan warta ini bayarannya berjumlah \$146 sahaja, tetapi setelah warta ini diwartakan, jumlah yang terpaksa dibayar oleh kaum nelayan ataupun pengusaha-pengusaha perikanan ialah berjumlah \$1,250. Dan untuk lesen-lesen bot perikanan laut dalam pula di mana berat muatannya 70 GRT ke atas, ianya mungkin sesuai dengan hasil tangkapan yang dijangka lebih lumayan daripada bot-bot yang berat muatannya 70 GRT ke bawah yang mana lesennya adalah berjumlah di antara \$10,000 hingga \$20,000 setahun. Sehubungan dengan ini, saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya sekali lagi mengkaji untuk menghalusi dan kalau boleh mengurangkan kadar-kadar kenaikan lesen-lesen tersebut agar kenaikan-kenaikan itu seimbang dan tidak membebankan pengusaha-pengusaha perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai penggunaan cahaya lampu oleh bot-bot pukot jerut di sebelah Pantai Barat, terutamanya di Pulau Pangkor. Pengenalan teknologi ini telah

mengakibatkan dua kekesanan, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu boleh mendatangkan lebih kepada pengusaha dan boleh merugikan negara kerana penggunaannya boleh menyebabkan kepupusan sumber-sumber laut. Apa yang menghairankan saya setelah kajian yang dibuat oleh Jabatan Perikanan sendiri dan disahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian mengenai kekesanan akan kepupusan sumber-sumber laut, maka hanya perairan Perak sahaja diarah untuk diharamkan penggunaannya dan tidak seluruh Pantai Barat sebagaimana yang disarankan oleh perahu-perahu daripada negeri Perak. Apalah maknanya pengharaman penggunaan lampu itu kerana para pengguna daripada negeri-negeri jiran seperti Selangor, Pulau Pinang, Kedah akan memasuki perairan Perak ataupun zon 'C' untuk menangkap ikan dan para pengusaha perikanan di Perak hanya dapat menjadi penonton. Kita bukankah telah pasti bahawa garisan pemisah antara satu perairan negeri tidak wujud dan bagaimana pula pihak Jabatan Perikanan akan boleh mengawal bot-bot yang menggunakan teknologi itu masuk ke perairan Perak.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini sekali lagi saya menyeru kepada pihak Kerajaan agar menentukan satu dasar ataupun sikap mengenai penggunaan cahaya lampu itu. Dasar yang saya maksudkan itu ialah keseragaman dasar, kalau hendak digunakan biarlah boleh digunakan di seluruh di sebelah Pantai Barat dan kalau tidak boleh, biarlah menyeluruh dan tidak Perak sahaja. Alasan hanya Perak sahaja yang memohon agar diharamkan penggunaannya adalah tidak munasabah kerana pihak Kementerian Perikanan adalah bertanggungjawab pada keseluruhan dan keseragaman dalam apa juga dasar perikanan yang

diperkenalkan. Sehubungan dengan ini saya sekali lagi menyeru dan menyarankan kepada pihak Kerajaan menentukan dasar sama ada mahu membenarkan atau mengharamkan penggunaan cahaya lampu di seluruh perairan Pantai Barat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha pihak Kerajaan menjaga kepentingan nelayan, kemasukan ikan-ikan terutamanya daripada Thailand juga perlu diberikan perhatian dan keutamaan. Rata-rata kita lihat masalah utama kaum nelayan ialah masalah pasaran dan harga. Import ikan dari Thailand boleh mempengaruhi kedudukan harga dan secara tidak langsung akau menjejaskan pendapatan kaum nelayan. Saya berharap supaya pihak Kerajaan sekali lagi dapat mengenakan cukai-cukai yang lebih tinggi kepada ikan-ikan yang dibawa masuk melalui Bukit Kayu Hitam yang mana saya telah difahamkan bahawa di dalam tahun 1986 sahaja jumlah nilai ikan yang dibawa masuk melalui Bukit Kayu Hitam adalah berjumlah hampir \$95 juta. Dengan kenaikan cukai ataupun caj yang dikenakan kepada ikan-ikan tadi, sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan pendapatan negara di samping menstabilkan kedudukan harga pasaran ikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan agar pihak Kerajaan dapat terus memperkemaskan organisasi-organisasi persatuan nelayan, syarikat kerjasama nelayan, persatuan nelayan negeri dan juga persatuan nelayan kebangsaan sama ada dari segi bantuan pengurusan, pengukuhan sumber-sumber ekonomi, pengukuhan bantuan modal, maka saya yakin dan percaya persatuan nelayan akan menjadi satu organisasi yang kuat, kukuh dan dapat melindungi ahli-ahli kaum nelayan.

Dengan harapan itu, maka sekali lagi saya dengan ini menyokong penuh Akta Persatuan Nelayan, 1971. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang.

**8.09 mlm.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971. Oleh kerana 2-3 orang rakan sejawat Ahli Dewan ini telah bercakap dan merangkumi semua perkara, maka saya rasa saya terpaksa bercakap pendek sahaja.

Yang pertama sekali saya harus menyebut terima kasih saya kepada Kementerian yang berkenaan yang telah bersusah payah meminda dan menyediakan Akta ini sehingga ke Dewan ini.

Yang kedua, terima kasih saya kepada Kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberi sumbangan kepada nelayan dan persatuan nelayan serta syarikat kerjasama nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sentuh mengenai fasal-fasal yang berkenaan bahawa Persatuan Nelayan yang ditubuhkan di dalam negara kita ini, kalau tak silap saya, ialah sejak lebih kurang 16 tahun yang lalu dan saya yakin bahawa segala peruntukan telah diberikan kepada Persatuan Nelayan dan juga Syarikat Kerjasama Nelayan.

Dalam hitungan saya, dalam tempoh 16 tahun ini hampir \$1,000 juta telah Kerajaan belanjakan demi kepentingan nelayan seluruh negara, tetapi malang bagi nelayan, bukanlah kerana nelayan itu sendiri. Sebahagian daripadanya malang nasib nelayan ini kerana pengurusannya terhadap nelayan itu sendiri.

Yang pertama, pernah negara ini mula-mula menubuhkan syarikat kerjasama dan saya pernah sebut di dalam Dewan ini syarikat kerjasama ini sebahagian besar daripadanya telah terpaksa dikuburkan dan hutang piutang Kerajaan terpaksa di write-off, dengan izin. Pada hari ini dan sejak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan kita telah berusaha dengan sedaya upaya berusaha supaya bilangan nelayan ini hendak dikurangkan daripada bilangan beratus ribu kepada puluhan ribu dengan harapan ikan yang ditangkap oleh nelayan yang masih tinggal baki puluhan ribu ini lebih banyak daripada nelayan ratusan ribu.

Dengan alasan dan program yang dibuat ialah menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti penangkapan ikan laut dalam. Saya ketahui bahawa perancangan tangkapan ikan laut dalam ini bukan baru di rancangan dan dibuat serta dilaksanakan oleh Kerajaan melalui agensi-agensinya. Yang pertama sekali ialah Lembaga

Kemajuan Ikan Malaysia, tetapi barangkali oleh kerana pengurusannya kurang begitu memuaskan, dan nelayan itu sendiri merasakan tidak ada rasa kasih sayang kepada pengorbanan yang dibuat oleh Kerajaan, maka projek yang -berpuluh-puluh juta ringgit itu hilang begitu sahaja.

Jadi, pada hari ini saya mahu bangkitkan bahawa suatu keadaan, suatu suasana telah digembar-gemburkan oleh Kementerian sendiri iaitu projek penangkapan ikan di laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, berapa lamakah Kerajaan menerusi ahli-ahli pengurusannya, khususnya di Kementerian yang berkenaan dan agensi-agensinya yang berkaitan mahu memberi peluang atau mahu membiarkan nelayan itu terus menjadi nelayan sehingga ia meningkat umur ke 60 tahun atau sampai ke akhir hayat?

Saya rasa ini adalah tidak kena tidak kena kepada sebuah Kerajaan yang masih mempunyai banyak program-program yang lebih baik daripada menjadi nelayan terus menerus.

Pada satu masa dahulu, secara kebetulan Menteri yang berkenaan orang lain, bukan Menteri sekarang ini, telah meminta semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkaitan, terutama sekali mengenai dengan tanah supaya nelayan itu akan dipindahkan, sebahagian kecil atau sebahagian besarnya ke kawasan-kawasan baru, pembukaan tanah yang baru seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain. Maka pada hari ini, cerita-cerita ini saya nampak telah berkurangan kempennya dan secara seimbis lalu bahawa nelayan ini semacam mahu digalakkan menjadi nelayan sampai mati. Dengan adanya publisiti begiti besar, kononnya 97 nelayan perintis yang dilatih di Pulau Pinang. Apakah akan terjadi kepada 97 orang itu bahawa mereka

itu mungkin tidak memiliki sebarang tanah, jangankan satu ekar, barangkali satu hasta pun tidak ada. Apakah ianya bertanah di laut dan anak cucunya akan juga bertanah di laut? Kadang-kadang sebahagian besar nelayan itu tidak memiliki tapak rumah. Apakah ini telah diambil kira oleh Kementerian berkenaan dengan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain supaya nelayan terbela.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kawasan nelayan itu sangat luas. Kalau dahulu hanya 12 batu ke tengah laut, sekarang 250 batu. Itu adalah kawasan nelayan, tetapi bukan milik mereka, milik sementara sahaja, hanya mencari rezeki yang ada di dalam perut laut itu,

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 6, tentang keahlian nelayan. Dahulu paya masih ingat bahawa nelayan itu terbahagi kepada tiga kategori. Pertama nelayan tulen, dengan hanya menjadi nelayan 90 hari dalam masa setahun, sekalipun tidak berturut-turut.

Yang kedua, mereka yang mengumpul, menyimpan, meminati, memproses, menternak sama ada di laut ataupun di darat, maka dia nelayan kategori B, nelayan ini tidak akan dapat menerima sebarang bantuan subsidi daripada Kerajaan melainkan kemudahan pinjaman dan yang ketiga, terdiri daripada mereka yang berminat dan dapat hasil 60% daripada pendapatannya daripada sumber laut ataupun sungai ataupun hasil ternakan. Maka saya minta Kementerian yang berkenaan supaya kaji semula Akta ini, kalau boleh dipinda sekali lagi kerana dalam keadaan-keadaan yaag seperti ini akan berlaku penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Nelayan, saya puas hati dengan Syarikat Kerjasama Nelayan kerana dia

diaktakan bermula pada tahun 1971 dengan syarat-syarat yang ketat tetapi Persatuan Nelayan syaratnya agak longgar dan sehingga hari ini belum dipinda undang-undang tubuh Syarikat Nelayan ini.

Dalam sepanjang ingatan saya Syarikat Nelayan boleh sahaja dimasuki oleh sesiapa dan sepanjang yang saya ketahui Syarikat-syarikat Nelayan itu selain daripada taukeh-taukeh ikan, yang taukeh-taukeh itu juga secara langsung menjadi orang tengah sama ada ianya Melayu ataupun bukan Melayu dan ada di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan sebahagian besarnya ialah guru-guru yang menjadi mangsa.

Apabila nelayan ini sudah tua, kira-kira umurnya melebihi had 50 tahun, nelayan itu berjalan bertungkat, tiada siapa menyapa, tiada siapa menegur mereka dan pada masa itu nelayan teraba-raba. Tanah tidak ada, rumah tidak ada, kalau anaknya tidak bernasib baik, maka nelayan itu akan merana sepanjang masa.

Jadi, dengan sebab itu, saya kembalikan, meminta serta merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya sentiasa berhubung rapat dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya nelayan diberi keistimewaan, menyediakan tapak rumah dan tanah untuk tanaman seperti apa yang telah berlaku di negeri Pahang, di mana apabila lanya terperanjat ataupun terkejut kerana ia karam di laut, maka dia menternak kerbau. Maknanya nelayan boleh tukar dia punya haluan dan beberapa banyak pada hari Ini nelayan menjadi peserta lebih baik penghidupannya daripada menjadi nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingat bagaimana disebut oleh Ahli Yang Berhormat saudara saya tadi, nelayan yang sebenarnya menjadi ahli betul kira-kira 60% daripada bilangan nelayan, nelayan tulen yang ada di dalam negara ini, tidak sampai 80,000, bukan 90,000. Yang lain itu hanya menumpang, memerah tenaga nelayan, ini yang menjadi masalah kepada kita sejak berpuluh, beratus tahun yang lalu. Salah satu daripada contohnya, misalnya kalau seorang yang menjadi nelayan, kalau ianya mempunyai kelulusan SPM atau STPM maka tempoh ia menjadi nelayan tidak lama, dia akan berhenti dan akan mencari kerja lain.

Ada orang mengatakan bahawa kononnya nelayan tidak boleh dibawa ke tanah-tanah ladang untuk menjadi petani dan sebagainya kerana ingat ke laut. Ini kenyataan yang bohong, kenyataan yang tidak mempunyai sebarang asas kenyataan seperti mana berlaku di Rhu 10, Setiu Terengganu, nelayan diberikan tanah, diberikan tapak rumah dan diberikan segala kemudahan dan diberikan tempat untuk bertanam tembakau dan timuna iaitu timun Cina orang Pantai Timur panggil - saya potong perkataan timun, tambah Cina, jadi timuna. Saya tak mahu panggil tembikai. Jadi orang Cina dan orang Melayu sudah bersatu padu, jadi saya namakan dia timuna. Jadi berjaya, serupa juga di Alur Ketitir.

Mengapakah ini tidak boleh diteruskan oleh Kerajaan? Saya berterima kasih kepada Kerajaan.. Tetapi saya tidak mahu Kerajaan menggalakkan semua keturunan nelayan ini menjadi nelayan. Saya bersetuju dengan Kerajaan menggalakkan mereka ini menjadi ahli-ahli pelaut lautan dalam. Tetapi siapakah mempunyai bot ini? Siapa? Saya minta Menteri yang berkenaan memberi jawapan kepada saya. Siapa yang memiliki bot yang sebesar ini? Adakah itu milik nelayan ataupun hanya menjadi pekerja, Ini yang menjadi satu persoalan. Dan kalau ianya menangkap ikan di laut dalam apakah hasil ikan ini 100% dibawa ke tempat-tempat pendaratan ikan seperti yang disebutkan. Ini satu persoalan.

Dan apabila berlaku di dalam bot-bot yang besar ini, tabiat orang Thai ini makan apa sahaja dan dia memang mencari jalan supaya orang kita berundur dari bot yang berkenaan. Dengan membuat berbagai-bagai helah. Harus ini diambil kira. Tabiat manusia di seberang sana dengan tabiat orang Melayu yang ada dalam Malaysia kita ini. Ini satu persoalan. Apakah selepas ini mungkin bot-bot ini akan dimiliki oleh pemuda-pemuda 97 orang ini? Ertinya, 97 buah. Saya tidak dapat pasti siapakah taukeh bot Syarikat K & I ini kerana saya tidak mendapat penjelasan yang sebenar-benar. Cuma saya lihat melalui suratkhobar, radio, TV dan lain-lain. Semacam satu gerakan Kerajaan, sedangkan ini sebuah syarikat swasta. Apakah ini sanggup kita menerima? Saya sebagai seorang anak nelayan tidak sanggup saya dihipokritkan oleh sebahagian manusia yang mahu mencari keuntungan dan memperdayakan nelayan selama-lamanya. Saya harap Menteri yang berkenaan akan memberi jawapan kepada saya tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara lain, saya juga berharap Akta ini akan merangkumi sebuah negeri lagi dalam Malaysia. Saya tidak tahu mengapa sebab terjadi demikian, apakah perjanjian antara Sabah dan Semenanjung ini sewaktu mahu dicantum menjadi Malaysia. Saya tidak tahu apakah perjanjiannya. Dan saya rnrnta Menteri yang berkenaan juga menjawab adakah Akta ini telah merangkumi negeri. Sabah dan setahu saya negeri Sarawak termasuk di dalam Akta ini - tetapi Sabah tidak termasuk. Mengapa sehingga sekarang Sabah masih tidak termasuk di dalam Akta ini? Dan mungkin di dalam Akta-akta lain dalam negara kita ini mengenai dengan hal-hal perikanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi. Telah diterangkan dengan nyata dan jelas bahawa nelayan ini bukan di laut sahaja. Nelayan juga ada di darat iaitu nelayan yang menjalankan ternakan ikan, udang dan lain-lain. Sama ada ikan ini jenis ikan air masin, air payau ataupun air tawar. Dan juga nelayan tasik. Kalau dulu Tasik Cenderuh, sekarang Tasik Kenyir dan tidak kurang Tasik Cini yang juga ada nelayan. Dan tidak kurang juga nelayan ini berada di sungai-sungai seperti di negeri Selangor ini, nelayannya kebanyakan sebahagiannya ialah nelayan sungai, maka ini juga haruslah diambil kira, kerana mereka ini berdepan dengan keadaan-keadaan yang tertentu.

Dan satu lagi jenis nelayan ialah nelayan yang menternak kerang. Ini juga dikira nelayan. Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat saudara saya tadi, maka kerang ini juga satu perusahaan yang telah dibuat dan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dengan begitu menguntungkan. Dan ada beberapa Persatuan Nelayan di Negeri Selangor ini, juga Pulau Pinang, yang banyak untung melalui projek kerang ini. Saya harap Kementerian yang



berkenaan membuat penyelidikan lagi, mana-mana tanah, tapak, sungai ataupun sebahagian daripada laut yang 'difikirkan sesuai bagi ternakan kerang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat ada satu keadaan berlaku di negeri Pulau Pinang, sebahagian besar tanah tempat kerang ini telah ditanda oleh satu syarikat swasta. Dan saya rasa tanah ini telah dipulangkan balik kepada Kerajaan dan Kerajaan telahpun serah kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Saya harap ianya akan dijadikan kawasan ternakan kerang yang menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ternakan tasik, sungai dan lain-lain iaitu mengenai dengan kolam. Mengikut keterangan di sini keseluruhan kolam ada 16,792. Yakah kolam ini ada ikan semua dalamnya? Saya takut kolam ini sebahagian kecil sahaja ada ikan di dalamnya. Ada setengah kolam itu bela rumput. Maka apabila dibanci kolam ini dikira kolam ikan juga. Saya harap Kementerian yang berkenaan supaya membuat suatu bancian yang sungguh-sungguh. Jangan tertipu.

Saya tidak kata pegawai tipu, tetapi kita ertinya Kerajaan jangan tertipu. Kalaulah 16,792 kolam ini semuanya berisi ikan maka pada hidangan makan malam pertanian baru perubahan radikal, jamuan rasmi ini tentulah disebut ikan Lee Kohnya, ikan Lampam Jawanya dan ikan Siakapnya. Tetapi dalam ini tidak ada. Itu yang saya kata tiap-tiap orang Menteri ada style dia. Cara dia punya melody, cara dia punya irama berlainan. Ini yang saya hairan sekali. Kalau boleh kita sambungkan apa yang dirancangkan itu; dan kita sudah berjanji yang semua Menteri yang berkenaan ini bekerja kononnya secara kolektif, fikiranya, perancangannya tetapi apabila bertukar portfolionya maka lain pula cara dia buat, tentulah kehilangan. Tidak ada di sini jamuan rasmi negara mengenai pertanian.

Tidak apalah kita Senator tidak dijemput tidak menjadi masalah. Tetapi saya nampak di sini ikan itu tidak ada. Cuma yang ada keropok enak. Keropok enak tidak tahu dari mana tetapi yang mashyur keropok ini ialah dari Pantai Timur, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kedah tadi. Keropok enak ini pun satu hal. Pembuat-pembuat keropok ini buat pinjaman ataupun dengan modal sendiri tetapi pasarannya terhad. Berbelas kali heboh dalam suratkhbar menyatakan hendak dihantar ke Saudi Arabia. Saya tidak tahulah bagaimana orang Arab makan keropok, patut ada demonstrasi sewaktu masing-masing atau sesiapa sahaja pergi buat Umrah ataupun pergi Haji, baru betul.

Dan saya juga hendak libatkan satu Kementerian lagi iaitu Kementerian. Perusahaan Utama. Ini main duduk jual minyak kelapa sawit sahaja. Apakah ikan ini tidak satu perusahaan yang utama. Mengikut perhitungan saya yang pernah saya sebut dalam tahun 1987 ini sahaja pendaratan ikan bernilai \$1,500 juta - \$1,500 juta Malaysia. Saya rasa barangkali pisang emas tidak sampai banyak ini. Saya tidak tahu minyak kelapa sawit berapa banyak. Jadi dia harus melibatkan diri sama. Kena pandang sama. Ini perusahaan utama. Saya boleh anggap begitu. Lepas itu satu lagi Kementerian - walaupun saya kata ini dia akan jawab - ini bukan tanggungjawab saya; Perdana Menteri tidak beri tugas ini, duty ini tidak beri kepada saya. Tetapi sesuai dengan nama Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perusahaan Awam. Dia juga kena libatkan dirinya.

Tetapi yang sedap lagi ialah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Apa benda yang didagangkan? Dagang getah sahaja, kelapa sawit sahaja, timah sahaja, pisang emas sahaja, koko sahaja? Mengapa ikan tidak didagang, kerana ikan juga bernilai mahal. Sekalipun, Tuan Yang di-Pertua, kita pergi ke laut dalam mengambil ikan, berpuluh ribu tan metrik ataupun ratus ribu tan metrik, tetapi cara kita menjualnya, cara kita memasarnya tidak betul dan ada banyak sabotaj, telah dibuat, akan dibuat, sedang dibuat dalam negara ini maka selama itulah nelayan tidak akan bangun. Wahai nelayanku yang berjasa kepada negara dan rakyat, maka kamu tidak akan bangun buat selama-lamanya kalau urusan pemasaran ini tidak diatur dengan baik dan sempurna.

Bukti jelas, sebagai satu contoh, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pernah rnengadakan projek pemasaran ikan ini. Akhirnya lesap juga kerana sabotaj.

Saya minta Menteri yang berkenaan di dalam Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia itu sendiri ada pegawai yang bertanggungjawab mengenai pemasaran ini telah melakukan penyelewengan secara sewenang-wenangnya. Jika Menteri mahu tahu, boleh tanya saya satu sama satu. Tidak baik saya umum di Dewan ini. **[Tepuk]** Bukan saya takut. Saya fikir tidak kurang daripada hampir \$20 juta wang Kerajaan, wang rakyat, wang nelayan melalui Lembaga ini telah hilang begitu sahaja.

Pernah ikan kita ditangkap seminggu, kemudian baru dijual. Matanya hilang, perutnya hilang, siseknya apa lagi. Bagaimana harga ikan ini mahu jadi mahal, tidak termasuk 1 kilo 550 gram yang dahulunya, tidak termasuk satu kati 14 tahlil. Bukan 1 kati 16 tahlil kepada nelayan, satu kati kalau dibeli oleh taukeh-taukeh ini 14 tahlil, paling banyak 15 tahlil. Ini harus diawasi. Lepas itu kita kata ikan kita tidak cukup. Kita terpaksa import ikan daripada

Thailand Importkan daripada Thailand saya setuju, sebab bukan masalah pegawainya berulang ke negeri Thailand, tidak timbul, kerana ikan di Thailand agak lebih murah daripada Malaysia.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bawa duit seringgat ke Thailand, kita dapat 5 ekor ikan Temenung dan ikan kita di sini kita terpaksa jual 3 ekor \$2.00. Jadi, lebih baik kita masukkan ikan ke sini dan ikan kita, kita jual.

Selain daripada menjaga kepentingan pendapatan nelayan ini, satu jenis manusia lagi harus dijaga dan dipelihara iaitu ialah Penggunanya termasuklah ahli-ahli Dewan dan mana yang ada di dalam Dewan ini. Saya percaya barangkali semuanya makan ikan belaka. Ini juga harus dijaga, kerana rakyat sekarang ini bersungut harga beras, harga gula lebih murah daripada harga ikan. Tetapi mengapa pendapatan nelayan masih kecil? Kerana ikannya telah dimonopoli oleh beberapa orang taukeh yang tinggal di Singapura. Taukeh kecil sahaja yang berada di Kuala Lumpur. Ini taukeh yang nombor 10 sahaja di Kuala Lumpur. Nombor satu, dua, tiga, empat dan lima berada di Singapura. Inilah orang yang kontrol, yang mengawal pemasaran ikan di seluruh negara Malaysia ini, sama ada kita atau Kementerian sedar atau tidak, terpulanglah kepada mereka yang bertanggungjawab dan diberi amanah. Selagi ini tidak boleh selesai maka keadaannya tidak akan tamat. Siapakah ini, tanyalah sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu bilangan nelayan ini biarlah kita katakan 100 ribu. Yang menjadi ahlinya lebih kurang 60 ribu, ada perbezaan. Ada perbezaan antara Pantai Timur dan Pantai Barat. Sayugia saya sebut di sini, hanya 50% sahaja nelayannya ialah bumiputera, yang selebihnya bukan bumiputera. Sebahagian besar nelayan yang agak botnya besar ialah berada di Pantai Timur dan sebahagian kecilnya ialah berada di negeri-negeri Kedah dan Johor Timur, yang lain botnya kecil sahaja. Ini juga harus diberi kira.

Dalam tahun 1980, dua orang sahaja bumiputera di Seberang Perai memiliki bot yang berkuasa kuda 16 enjin dalam dan satu lagi berkuasa kuda 22. Yang lain-lain semua menjadi kuli kepada taukeh-taukeh yang berkenaan. Ini harus dijaga sesuai dengan cadangan saudara saya tadi, saya sokong penuh apa yang disebut.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal nelayan ini sama ada beberapa kali Akta ini dipinda, ia ada implikasi politik di dalamnya. Maka hendaklah berhati-hati. mengelak daripada timbulnya rasa sensitif dan perkauman tentang pembahagian bantuan kepada para nelayan ini antara Timur dan Barat, Utara dan Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Persatuan Nelayan ini sudah lama diberi galakan oleh Kerajaan. Bukan Akta ini baru dipinda diberi-galakan. Saudara saya juga ada menyebut, dahulu disebut satu jenis peruntukan oleh Kerajaan secara percuma dipanggil launching grant, dengan izin, peruntukan yang hangus, beli minyak dan lain-lain, menyediakan tempat-tempat kemudahan, pendaratan ikan, air batu dan sebagainya. Dan ada sebahagian besarnya kekal sehingga hari ini. Tetapi masalah yang timbul hanya tidak lain dan tidak bukan ialah mengenai pemasaran ikan.

Jadi, untuk itu saya ulang satu patah perkataan tentang Fasal 6, hati-hatilah bahawa dalam Syarikat Nelayan ini - bukan dalam Persatuan Nelayan - suatu peluang akan diambil oleh mereka yang ada niat, tamak dan haloba menggunakan namanya dalam Syarikat Kerjasama Nelayan memohon lesen-lesen untuk menangkap ikan laut dalam sedang kan tanya semata-mata tauke dan ada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan cuba sekarang ini mahu mencebur diri dalam lapangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ada bekas Menteri Besar yang mempunyai lesen pukut jerut dalam Malaysia ini dan banyak lagi mereka yang berkenaan. Saya ucap syabas kepada mereka kerana berjaya memberi makan kepada lebih daripada 25 anak kakinya dan keluarga-keluarga mereka tetapi amalan seperti ini tidak harus dipanjangkan kerana ia tidak memberi peluang kepada nelayan yang sungguh-sungguh mahu berusaha, mahu berjaya dalam lapangan dan mereka ini tidak diberi peluang seperti ini.

Sebelum saya duduk, saya hendak minta dan merayu kepada Menteri yang berkenaan kerana beliau ada kuasa tentang pembinaan bot~bot baru. Juga seperti yang disebut oleh saudara Yang Berhormat tadi pembinaan bot baru ataupun ganti bot ini diketatkan peraturannya. Tetapi yang saya rasa sedih sedikit apabila kebenaran diberi, tiba-tiba diukur bot ini lebih daripada hadnya, misal kata 5 kaki padu sahaja maka lesennya tidak dikeluarkan. Ini juga harus difikirkan kerana yang membuat bot ini bumiputera yang masih sihat badannya, mahu menjadi nelayan dan berkemampuan mengeluarkan modalnya, tidak menyusahkan Kerajaan, maka harus ditimbang. Ini banyak berlaku sebab pembinaan bot ini tidak menggunakan pelan, secara pandang dengan mata sahaja kerana tukangya ialah tukang tradisional. Ini juga harus diambil kira.

Lagi satu melalui Persatuan Nelayan ini, Persatuan NEKMAT kawasan atau negeri, saya minta Kementerian yang berkenaan memberi sokongan kepada NEKMAT dan PENENTU di Terengganu supaya EXXON ataupun PETRONAS memberi imbuhan kerana lautnya telah dicemar sedikit sebanyak dengan minyak, Saya harap Kementerian yang berkenaan melalui agensinya terutama sekali Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia jangan dibiarkan PENENTU dan NEKMAT sahaja yang berjuang, maka hendaklah memberi sokongan yang kuat supaya syarikat minyak ini tidak membiarkan keadaan ataupun laut yang menjadi tempat sumber rezeki nelayan itu akan tercemar.

Jadi saya rasa setakat itu sahajalah apa yang saya boleh sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam Akta ini telah disebut oleh saudara-saudara kita, jadi saya mintalah Kementerian yang berkenaan supaya, kalau boleh, kilang air batu yang sedang diatur di Chendering itu untuk 100 tan lagi satu hari dibuat dengan segera kerana bangunannya telah ada, apinya telah ada, airnya telah ada, cuma mesinnya sahaja yang diperlukan, barangkali duitnya pun sudah ada, sedang eloklah bulan dua ini air batu itu boleh digunakan. Saya harap Menteri yang berkenaan jangan lupa.

Setakat itu saya mohon berpantun satu rangkap kerana ini mungkin pusingan mesin yang akhir:

Kalau ada jarum patah,

Jangan simpan dalam peti;

Kalau ada silap walaupun sepatah,

Maka jangan disimpan dalam hati.

Sekian, terima kasih. **[Tepuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**8.45 mlm.**

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah menzahirkan minat dengan mengambil bahagian untuk sama-sama membahas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Nelayan, 19/1.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ialah Yang Berhormat Senator Rokiah Zainuddin, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi Dato Haji Ishak dan Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang dan kesemuanya memberi sokongan yang bulat terhadap pindaan Akta ini. Walau bagaimanapun, sukalah saya sentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator yang tersebut.

Yang Berhormat Senator Rokiah Zainuddin membangkitkan soal Seksyen 11(1)(c). Jadi, sukalah saya nyatakan di sini bahawa perluasan pindaan Seksyen 11(1)(c) dibuka kepada orang yang terlibat dalam industri dan adalah untuk meningkatkan lagi tenaga profesional dalam persatuan-persatuan. Mereka ini boleh menjadi penggerak kepada Persatuan Nelayan yang ada pada hari ini.

Senator Puan Rokiah juga membangkitkan soal penglibatan kaum wanita dalam Persatuan Nelayan. Dengan pindaan kepada Seksyen 11(1)(c), pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang keropok layak untuk menjadi ahli Persatuan Nelayan. Kerajaan memang berhasrat untuk menggerak dan meningkatkan lagi penglibatan kaum wanita dalam Persatuan Nelayan. Dengan ini juga perusahaan keropok dapat dibuat oleh Persatuan Nelayan atau dapat disediakan oleh Persatuan Nelayan dengan lebih kemas lagi.



Berhubung dengan projek kraftangan dan juga mengenai lawatan, Tuan Yang di-Pertua, rancangan latihan kemahiran dan keusahawanan dimulakan sejak tahun 1985 oleh LKIM. Pada masa ini projek-projek kraftangan berasaskan siput-siput sedang dikenalpasti. Satu rombongan lawatan ke Phuket telah dibuat oleh pegawai LKIM dan nelayan Pulau Pinang untuk mempelajari industri kraf siput ini.

Untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak nelayan, pihak Perikanan memberi latihan kemahiran bersama dengan Jabatan Tenaga Rakyat bagi membolehkan anak-anak nelayan membuka bengkel-bengkel atau workshop di kampung nelayan masing-masing. Pihak LKIM telah mengatur kursus-kursus kefahaman undang-undang Persatuan Nelayan dan pengukuhan Persatuan Nelayan kepada pemimpin dan ahli-ahli Persatuan Nelayan sejak tahun 1983. Dengan kursus ini, ahli-ahli akan sedar tentang peranan dan hak-hak kuasa yang ada. Ini memudahkan pengawasan ke atas perjalanan Persatuan Nelayan sejak akhir-akhir ini.

Senator Puan Law Jack Yoon membangkitkan soal latihan. Beliau membangkitkan banyak perkara dan salah satu daripadanya ialah soal latihan. Sempena pelancaran era baru penangkapan ikan laut; dalam, Kementerian Pertanian telah melatih belia-belia nelayan di bawah Program Angkatan Nelayan Laut Dalam. Seratus belia nelayan telahpun dilatih sejak bulan Oktober baru-baru ini di Institut Perikanan Malaysia di Pulau Pinang di Bukit Maung. Dijangka 3,000 pelatih akan diberi latihan yang sewajarnya untuk meneroka lautan dalam.

Matlamat latihan ini adalah mewujudkan Angkatan Nelayan Laut Dalam yang berdisiplin, tahan lasak dan mempunyai pertahanan diri, mewujudkan Angkatan Nelayan Laut Dalam yang cekap dan mahir dalam bidang tangkapan ikan di laut dalam, mewujudkan Angkatan Nelayan Laut Dalam yang bersemangat, sanggup dan rela berkhidmat di laut dalam dan kita menekankan aspek-aspek yang berbentuk kerohanian, fizikal dan teknikal.

Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon juga menyentuh soal skim insuran. Mengenai skim perlindungan insuran, Kerajaan telah mewajibkan pembeli-pembeli bot berenjin untuk mengambil insuran bagi melindungi pekerja-pekerja bot dan nelayan-nelayan juga boleh mengambil skim insuran kemalangan diri berkelompok menerusi Persatuan Nelayan.

Senator Puan Law Jack Yoon juga menyentuh soal modal. Untuk menyediakan modal bagi memiliki bot yang lebih moden, nelayan boleh meminjam wang dari BPM (Bank Pertanian Malaysia) di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian. Berhubung dengan soal lesen, Kerajaan telah mengeluarkan lesen-lesen bot yang cukup berbanding dengan anggaran sumber-sumber ikan yang ada di negara kita iaitu maximum sustained yield, dengan izin. Bagi mengatasi eksploitasi orang tengah, Kerajaan melaksanakan sistem lelong di Kompleks Perikanan yang telah memberi khidmat yang lebih baik kepada nelayan-nelayan.

Saya suka menambah sedikit lagi berhubung dengan soal tindakan terhadap pencerobohan yang dilakukan oleh penceroboh-penceroboh di perairan kita. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon. Mengenai langkah yang telah, sedang dan akan diambil terhadap nelayan-nelayan asing yang mencerobohi perairan kita, sukacitalah dimaklumkan bahawa Kerajaan akan bertindak tegas.

Kerajaan hari ini sedang memperhebatkan rondaannya. Pasukan Merin Polis, TUDM, TLDM dan Pasukan Penguatkuasa Jabatan Perikanan tidak berhenti-henti menjalankan aktiviti rondaan yang tersebut.

Sebenarnya, kita mempunyai Pasukan Gerak Bertugas di mana pejabat operasi yang berjalan 24 jam itu berada di Kementerian Pertanian sendiri. Pejabat ini mempunyai pertalian terus atau hot-line dengan Bukit Aman, Kuala Lumpur dan juga dengan PPPM (Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Meritim) di Lumut, Perak. Kita mempunyai 7 pusat wilayah yang kalau hendak diuraikan panjang sangat. Setakat ini, kita telah berjaya dalam usaha menangkap ataupun menahan penceroboh-penceroboh ini. Umpamanya, tangkapan bot tempatan dahulu sehingga November, 1987 - jumlah kes ialah 303, yakni 303 kes yang telah kita tahan dan jumlah nelayan 2,256 orang dan ikan yang dilelong berjumlah \$56,564. Berhubung dengan nelayan asing, setakat ini kita telah menangkap 100 buah bot dan nelayannya 940 orang dan lelongan yang kita kendali ialah berjumlah \$69,411.50.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa bagi pihak Kerajaan sama sekali kita tidak akan mengambil tindakan yang tidak elok. Kita akan mengambil tindakan yang sesuai semata-mata untuk memberi pertolongan yang seboleh-bolehnya kepada nelayan-nelayan kita supaya mereka dapat menangkap ikan tanpa diganggu-gugat oleh nelayan-nelayan yang tidak seharusnya mencerobohi kawasan perairan kita.

Berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Sanator Mohd. Wajdi, terutama sekali mengenai penyertaan ahli, nelayan-nelayan masih lagi mengharapkan subsidi perikanan untuk mendorong mereka menjadi ahli. Dengan penubuhan kumpulan kecil nelayan dan juga sistem 2L, adalah diharapkan sikap itu dapat dikurangkan. Selanjutnya Kementerian juga memperkenalkan kaedah dialog desa di mana pegawai-pegawai

atasan Kementerian akan melawat ke kampung-kampung nelayan untuk meninjau keadaan kemajuan serta merancang bersama langkah-langkah untuk memajukan usaha-usaha nelayan.

Yang Berhormat Senator Wajdi juga membangkitkan soal melabur, yakni soal pelaburan. Dengan kelulusan Akta ini, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri dan juga Persatuan Nelayan Kebangsaan iaitu NIKMAT boleh melabur modal sebagai ekuiti dalam Syarikat-syarikat Perikanan Laut Dalam yang telahpun didaftar iaitu Syarikat Perikanan Laut Dalam Malaysia. Nelayan juga boleh melabur modal dalam kilang-kilang mengetin ikan, kilang air batu dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Senator Mohd. Wajdi juga membangkitkan soal "AIDS". Mengenai penyakit aids, saya suka mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memperingatkan kami dalam soal ini. Insya Allah, kami akan mengawasi dengan sepenuh hati.

Berhubung dengan pembangunan Persatuan Nelayan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini mendapat khidmat pakar dari FAO untuk merancang program-program pembangunan untuk Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan Nelayan Kawasan sejak bulan Ogos 1987. Dengan perancangan ini berserta dengan program pengukuhan Persatuan Nelayan yang dijalankan oleh LKIM, akan dapat mengurangkan jumlah kategori PN yang daif dan akan menambahkan bilangan PN yang maju - PN ialah Persatuan Nelayan. Pengambilan siswazah-siswazah untuk menjadi pengurus persatuan di beberapa kawalan dijangka juga akan dapat meningkatkan lagi kemahiran pengurusan. Bimbingan- bimbingan menerusi kursus kemahiran, pengurusan serta penaziran ke atas Persatuan-persatuan Nelayan yang dijalankan, semua sekali akan meningkatkan prestasi Persatuan Nelayan itu sendiri.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang membangkitkan banyak perkara pada malam ini. Beliau menyentuh soal tanah untuk rumah nelayan. Mengenai tanah-tanah untuk nelayan-nelayan, Kementerian Pertahanan telahpun merancang Skim Perumahan Nelayan. Dalam program-program ini Kerajaan Negeri diharap dapat menyediakan tanah-tanah yang sesuai untuk dijadikan tapak-tapak rumah nelayan. Setakat ini Kerajaan-kerajaan negeri Perak, negeri Johor, negeri Pahang, negeri Terengganu dan negeri Kelantan telah menyediakan tapak-tapak yang sesuai.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa bin Awang juga membangkitkan soal Akta, sama ada Akta ini meliputi Sabah dan Sarawak.

Mengenai pemakaian Akta Persatuan Nelayan di Sabah, sebenarnya Akta ini boleh digunakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mengikut subseksyen 1(i). Walau bagaimanapun hingga kini hanya Kerajaan Negeri Sabah sahaja belum menerima pemakaiannya.

Pada masa Ini Rancangan Pembangunan Nelayan dijalankan oleh Badan Berkanun Negeri iaitu Ko-Nelayan. Semenjak tahun 1986 pihak Ko-Nelayan serta Kementerian Pertanian Sabah sedang mengkaji pemakaian Akta Ini di Sabah. Ianya mestilah dibincang terlebih dahulu dan diterima oleh Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Sabah untuk pemakaiannya.

Mengenai keropok enak, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mencipta resepi keropok yang standard, resepi ini telah diberi franchise kepada Nikmat untuk mengeluarkan dan mengedar serta menjualnya. Nikmat telah memilih kilang-kilang keropok di Terengganu dan Johor untuk mengeluarkan keropok enak. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Filem Negara Malaysia telah mengeluarkan Filem Dokumentri mengenai keropok-keropok untuk memperkenalkan keropok ini kepada orang ramai termasuklah diperkenalkan di Majlis Malam Pertanian Negara baru-baru ini.

Berhubung dengan Syarikat Penangkapan Ikan Laut Dalam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang sekejap tadi, terutama sekali saya suka nyatakan di sini bahawa Syarikat ini

bernama K&I Industries Malaysia Sdn. Bhd adalah syarikat tempatan. Syarikat ini bekerjasama dengan syarikat swasta Thailand khususnya dalam soal penjualan ikan dan pemerosesan ikan.

Saya hairan kenapa Yang Berhormat membuat kenyataan bahawa beliau tidak begitu puas hati. Setakat yang saya ketahui sambutan dari pihak nelayan sendiri terhadap kerjasama di antara Syarikat K&I Industries Malaysia Sdn. Bhd dan syarikat swasta Thailand pada keseluruhannya adalah /menggalakkan. Namun demikian sepertimana projek-projek yang baru semestinya terdapat beberapa masalah kecil diperingkat permulaannya, dan ini sedikit sebanyak menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan segelintir nelayan tempatan, tetapi bagi meredakan persoalan ini pihak kami telah mengadakan beberapa siri dialog dan perjumpaan. Dan makluman yang perlu atau peranan yang jelas telahpun disampaikan kepada nelayan-nelayan tempatan dan saya berharap mereka memahami sebenarnya kedudukan syarikat ini.

Sebenarnya tujuan utama kita mewujudkan ataupun meminda undang-undang ini ialah memandangkan bahawa industri perikanan pada masa hadapan ini akan menjadi semakin mencabar, jadi dengan ini memerlukan pertubuhan nelayan yang kukuh dan berupaya menyahut cabaran yang tersebut, dan dengan pindaan Rang Undang-undang ini projek-projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia seperti kilang air batu, ternakan kerang dan lain-lain projek yang berpotensi serta berdayamaju boleh dipertimbangkan untuk diserahkan atau dijual kepada Persatuan Nelayan. Seterusnya ia juga membolehkan Persatuan Nelayan mengadakan kerjasama dengan projek-projek seperti menangkap ikan di laut dalam di Zon Ekonomi Eksklusif dengan pihak swasta dalam negeri ataupun di

luar negeri.

Saya berharap penjelasan saya berhubung dengan K&I ataupun Syarikat Laut Dalam yang hari ini berjalan begitu rancak akan dapat menenangkan fikiran Yang Berhormat, beliau pun tidak ada sekarang ini **[Ketawa]**.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya itulah lebih kurang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi dan sebagaimana pernah diperkatakan hendak menjawab kesemuanya barangkali memandangkan soal masa dan lain-lain lagi telah dapat saya kendalikan. Walau bagaimanapun apa jua yang belum disentuh telahpun diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil nanti. Dengan kata-kata itu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih Sekali lagi kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sekejap tadi. **[Tepuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

**Fasal 1 hingga 22** diperintahkan, jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****9.09 mlm.**

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menimbang serta memberikan persetujuan kepada cadangan bagi meminda Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973.

Akta Arkitek yang diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1967 telah berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1973 sebagai menggantikan Ordinan Arkitek 1951 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta.

Lembaga Arkitek Malaysia adalah bertanggungjawab untuk mengada dan mengemaskinkan daftar-daftar Arkitek dan pelukis pelan bangunan berdaftar serta mengawal tata kelakuan dan kesusilaan profesion kesenibinaan pada keseluruhannya.

Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 adalah sebuah dokumen Undang-undang yang mengandungi 39 seksyen. Semenjak Akta ini berkuatkuasa selama 14 tahun beberapa pindaan telah dibuat, contohnya dalam tahun 1974 suatu peruntukan telah diadakan untuk menghalang mereka yang tidak berdaftar menjalankan tugas-tugas kesenibinaan. Selain daripada itu pindaan juga telah dikuatkuasakan bagi membolehkan sesebuah pertubuhan perbadanan menjalankan amalan kesenibinaan dengan keluasan Lembaga tertakluk kepada syarat kawal semua Pengarah dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah Arkitek berdaftar dan kesemua syer perbadanan tersebut dipegang oleh Arkitek berdaftar.

Daripada pengalaman 14 tahun penguatkuasaan Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 ini Lembaga Arkitek mendapati bahawa peruntukan di dalam beberapa seksyen Akta tersebut adalah terlalu longgar dan perlu diperkemas bagi membolehkan Lembaga berkenaan menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Dengan pindaan **ini**, antara lain, Lembaga Arkitek akan mendapat kuasa tambahan yang membolehkan mengambil tindakan disiplin yang lebih ketat ke atas Arkitek-arkitek yang tidak mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan oleh Akta.

Di samping itu pihak Lembaga juga berpendapat bahawa beberapa seksyen baru patut diadakan bagi meliputi perkara-perkara yang penting yang tidak disentuh di dalam Akta yang berkuatkuasa

sekarang. Seperti menguatkuasakan pendaftaran Arkitek asing bagi maksud mengawal kepentingan Arkitek-arkitek tempatan. Ciri-ciri utama dalam pindaan kepada Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 adalah seperti berikut:

Seksyen 2 Akta yang ada sekarang tidak mempunyai takrif bagi istilah "body corporate practising as architects", dengan izin. Pindaan ini bertujuan memperuntukkan takrif tersebut yang mempunyai kaitan dengan pindaan kepada seksyen 7A.

Seksyen 4 dalam Akta sekarang tidak ada peruntukan yang membolehkan Lembaga Arkitek memiliki tanah dan bangunan sendiri. Oleh itu adalah dicadangkan supaya seksyen 4 ini dipinda untuk memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek memperolehi harta alih dan harta tak-alih bagi maksud-maksud Lembaga dan untuk mendapatkan wang bagi membiayai pembelian harta tersebut.

Cadangan adalah dibuat bagi memperbaiki kelemahan yang terdapat di dalam seksyen 7A yang ada sekarang di mana seksyen itu mensyaratkan supaya Lembaga Pengarah pertubuhan perbadanan terdiri sepenuhnya daripada para arkitek dan syer pertubuhan perbadanan itu dipegang sepenuhnya oleh arkitek. Syarat-syarat ini adalah terlalu ketat dan menghadkan skop perkhidmatan hanya kepada bidang kesenibinaan sahaja.

Pindaan ini dicadangkan oleh kerana pada masa ini projek-projek telah menjadi semakin kompleks dan menentukan perkhidmatan daripada konsortium perunding-perunding yang meliputi para Arkitek, Jurutera dan lain-lain profesional. Maka seksyen 7A ini perlu dipinda bagi

membolehkan golongan profesional lain seperti Jurutera Perundiug berdaftar, Juruukur Bahan berdaftar atau profesional-profesional yang lain yang diluluskan oleh Lembaga Arkitek untuk menjadi pengarah dan pemegang syer di dalam pertubuhan perbadanan tersebut. Langkah ini juga adalah diperlukan untuk membolehkan Arkitek Perunding tempatan bersaing dengan konsortium profesional daripada luar negeri.

Satu lagi kelemahan yang agak ketara di dalam Akta Arkitek yang ada sekarang ialah bahawa tidak terdapat apa-apa cara bagi membolehkan Lembaga Arkitek mengesan dan mengawal perjalanan pertubuhan-pertubuhan perbadanan menjalankan amalan sebagai Arkitek selepas kelulusan diberi. Mengikut peruntukan sekarang kelulusan tersebut adalah bagi satu jangka masa yang tidak ditetapkan dan hanya dapat ditarik balik jika sebuah pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan kerana melanggar syarat-syarat yang dikenakan. Untuk mengatasi kelemahan ini dan membolehkan Lembaga mengesan dan mengawal perjalanan pertubuhan-pertubuhan perbadanan tersebut dengan lebih berkesan lagi, adalah dicadangkan supaya kelulusan diberi dibuat atas dasar dari setahun ke setahun.

Seksyen baru 8(2) yang baru ini adalah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Arkitek membuat penilaian mengenai bangunan-bangunan dan struktur, loji, jentera dan kelengkapan yang berkaitan dengan bangunan-bangunan atau struktur yang ada hubungan dengan amalan profesionnya. Oleh itu adalah dicadangkan

supaya satu seksyen baru ditambah kepada seksyen 8 bagi mengenalkan hak Arkitek untuk membolehkannya membuat penilaian ke atas perkara-perkara yang bersabit dengan profesion.

Peruntukan seksyen 10(3) yang ada sekarang ini tidak membenarkan seorang Arkitek yang tidak menjalankan praktis didaftarkan dengan Lembaga. Seksyen ini dicadangkan dibatalkan supaya ia selaras dengan Akta badan-badan profesional yang lain.

Peruntukan yang ada sekarang tidak menghadkan pendaftaran Arkitek kepada warganegara Malaysia sahaja. Oleh itu adalah dicadangkan beberapa seksyen baru iaitu seksyen baru 10(3), (4) dan (5) diperuntukkan bagi menghendaki pendaftaran Arkitek dihadkan kepada warganegara Malaysia sahaja atau pemastautin tetap Malaysia yang telah tinggal di Malaysia tidak kurang dari 6 bulan sebelum mengemukakan permohonan untuk pendaftaran.

Seksyen baru 10A yang baru ini adalah dicadangkan bagi membolehkan pengawalan ke atas Arkitek-arkitek asing yang berdaftar sebagai Arkitek dengan Lembaga Arkitek. Pada masa ini terdapat Arkitek-arkitek asing di dalam daftar walaupun di antara mereka tidak lagi berada di dalam negara ini. Pendattaran mereka tidak dapat dibatalkan oleh kerana tidak ada peruntukan dalam Akta yang membolehkan pembatalan nama mereka atas sebab-sebab demikian dan mereka pula tidak pernah melanggar apa-apa syarat pendaftaran. Seksyen baru ini bertujuan supaya Lembaga dapat mengawal kemasukan Arkitek-arkitek asing.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 15 adalah bagi mengetatkan lagi pengawalan ke atas Arkitek. Di antara pindaan yang dicadangkan termasuklah memberi kuasa tambahan kepada Lembaga Arkitek untuk memerintahkan pengeluaran celaan secara bertulis, pengenaan denda tidak melebihi \$5,000 dan penggantungan pendaftaran selama tempoh tidak lebih dari satu tahun kepada Arkitek-arkitek sewajarnya Arkitek yang berdaftar telah melakukan kesalahan-kesalahan yang disenaraikan.

Pindaan ini dicadangkan oleh kerana seseorang Arkitek itu merupakan profesional yang pertama sekali terlibat dalam sebuah projek dan juga terakhir sekali meninggalkan projek itu. Adalah didapati tidak menguntungkan mana-mana pihak sama ada pelanggan ataupun orang awam semasa pelaksanaan sesuatu projek sekiranya perkhidmatan seseorang Arkitek itu ditamatkan. Dengan itu pengenaan denda tidak melebihi \$5, 00 bertujuan mendisiplinkan Arkitek berkenaan kerana kesalahan tetapi pada masa yang sama mengekalkan perkhidmatannya demi kepentingan pelanggan dan orang awam adalah dicadangkan.

Seksyen ini juga memperuntukkan alasan-alasan tambahan di mana Lembaga boleh mengambil tindakan terhadap Arkitek Berdaftar termasuk membatalkan pendaftarannya jika ia didapati tidak membaharui pendaftaran selama lebih dari tiga tahun. Pada masa ini tidak terdapat peruntukan bagi penggantungan pendaftaran Arkitek Sementara Lembaga menjalankan penyiasatan terhadap sesuatu kes yang berkaitan dengannya. Oleh itu, pindaan seksyen 15 ini juga adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek menggantung pendaftaran mana-mana arkitek atau pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan amalan kesenibinaan sementara menunggu apa-apa siasatan yang dijalankan oleh Lembaga ini di bawah peruntukan Akta.

Seksyen 25 yang ada sekarang cuma memberi kuasa kepada Lembaga membatalkan pendaftaran seseorang pelukis pelan bangunan berdaftar jika ia didapati melakukan kesalahan-kesalahan yang diperihalkan dalam seksyen tersebut. Tindakan ini dianggap terlalu berat bagi kesalahan-kesalahan yang kecil. Dengan itu pindaan ini dicadangkan untuk memberi kuasa tambahan kepada Lembaga Arkitek bagi mengeluarkan sebarang pengenaan denda tidak melebihi \$2,000 dan penggantungan pendaftaran selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

Di bawah seksyen 34 yang ada sekarang seseorang itu didapati bersalah jika ia melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta sahaja. Pindaan ini dicadangkan bagi memperuntukkan bahawa pelanggaran mana-mana kaedah yang diperbuat di bawah Akta adalah juga termasuk di bawah penalti am yang akan dikenakan. Pindaan Jadual dalam Akta ini adalah untuk membolehkan Lembaga

Arkitek mewakili kuasanya tertakluk kepada sekatan-sekatan yang difikirkan patut kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik olehnya.

Demikian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bahagian daripada 13 pindaan ke atas seksyen-seksyen yang dicadangkan dipinda. Seksyen-seksyen yang dicadangkan dipinda yang tidak disebutkan satu persatu adalah seksyen-seksyen yang bertujuan untuk memperkemaskini dan memberi penjelasan yang lebih tepat ke atas Akta Arkitek yang berkuatkuasa sekarang. Dengan itu saya mencadangkan Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 1987 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Husein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli Yang Berhormat hendak berucap. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

**9.25 mlm.**

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan sememang bersetuju bahawa kelonggaran-kelonggaran di dalam Akta Arkitek 1967 perlu diketatkan supaya menjaga nama profesion yang baiknya Arkitek ini. Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya mengenai Fasal 8 seksyen baru 10A. Kita memahami pihak Kerajaan sentiasa menitikberatkan di dalam semua profesion dipegang oleh warganegara Malaysia diutamakan. Tetapi dalam Akta pindaan ini masih memberikan galakan kepada bukan



warganegara yang boleh diterima dan didaftarkan sebagai Arkitek Sementara. Pada hal kita ketahui dan saya difahamkan ada lebih kurang sebanyak 800 orang lebih Arkitek di dalam negara kita ini. Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini adalah tidak wajar memberi galakan dan peluang kepada bukan warganegara untuk memberi khidmat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dapat memberi penjelasan mengenai Fasal 8 seksyen baru 10A. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8(2), dengan izin, saya kod di dalam bahasa Inggeris kerana Akta ini pun di dalam bahasa Inggeris:

"(2) A foreign architect may be considered for temporary registration if he satisfies the Board that -

(a) he possesses the necessary qualification which is recognised for the practice of architecture as an Architect in the country where he normally practises;...."

Inilah yang saya kurang jelas, Tuan Yang di-Pertua, kerana sekiranya seseorang doktor sentiasa Kerajaan kita menentukan sesuatu negeri yang mana boleh diiktirafkan sekiranya doktor ataupun peguam dan lain-lain profesion seperti jurutera. Di sini satu hari nanti kita dapat seorang Arkitek mungkin daripada negara Uganda, mungkin kursus itu tidak dapat diiktiraf di dalam negara kita.

Oleh sebab itu, kita perlu memperketatkan supaya sekiranya kita sebut daripada negara mana arkitek itu menjalankan kerjanya, memang negara kita iktirafkan dia sebagai arkitek, mungkin negara kita tidak iktirafkan. Macam mana ini boleh berlaku, saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dari segi penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai seksyen 7A, saya mengalu-alukan untuk mendirikan satu konsortorium perunding di mana ia akan dianggotai oleh Jurutera Perunding berdaftar, Juruukur Bahan berdaftar dan Juruukur Tanah berdaftar. Ini satu pindaan dialu-alukan dan perlu kita ada satu konsortorium supaya bangunan kita dapat diseliatkan dengan baiknya.

Pindaan-pindaan lain saya mengalu-alukan kerana sudahpun sampai 20 tahun pindaan-pindaan ini perlu seperti lain-lain profesion di mana kita pun seringkali dengar bahawa seperti peguam ada yang menyeleweng dan, dengan izin, Bar Council ambil tindakan tata-tertib. Di sini pun tugas seorang arkitek amat besar, oleh sebab itu saya berharap Persatuan Arkitek Malaysia sentiasa berwaspada dengan penyelewengan, sekiranya berlaku jangan segan-segan untuk ambil tindakan tatatertib atas arkitek-arkitek ini.

Dengan kata-kata **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek, 1967.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Rokiah.

**9.33 mlm.**

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek, 1967.

Saya ingin menyentuh sedikit sahaja Akta ini, Fasal 6 seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menambah subseksyen (2) yang baru untuk memberi kuasa kepada arkitek membuat penilaian ke atas bangunan dan struktur dan loji jentera dan kelengkapan yang berhubungan dengan bangunan atau struktur tersebut yang berkaitan dengan amalan profesionalnya. Saya kurang jelas dengan maksud subseksyen (2) yang baru ini. Oleh itu saya perlu penjelasan adakah subseksyen (2) ini bermaksud memberikan kuasa penuh kepada setiap arkitek untuk menilai bangunan yang dibinanya pada peringkat-peringkat berikut, iaitu:

- (a) membuat penilaian semasa seorang arkitek itu menyediakan atau menyiapkan pelan-pelan bangunan yang mahu dibina dan semasa membuat pengawasan di peringkat pembinaan bangunan tersebut;
- (b) adakah juga pindaan yang dibuat dengan penambahan subseksyen (2) yang baru ini bermaksud memberikan kuasa juga kepada seorang arkitek membuat penilaian beberapa tahun setelah bangunan yang dibinanya itu selesai atau siap dibina.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun maksud yang dikaitkan dengan subseksyen (2) yang baru ini, saya berpendapat kuasa yang diberikan kepada seorang arkitek untuk membuat penilaian ini akan menggugat kepentingan dan bidang profesional golongan jurunilai-jurunilai pula. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian apakah nanti merupakan kesan-kesan terhadap peranan dan tugas jurunilai-jurunilai setelah subseksyen (2) yang baru ini diluluskan dan dikuatkuasakan nanti.

Itulah sahaja yang hendak saya sebutkan dalam Rang Undang-undang ini dan dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek, 1967 diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

9.35 mlm.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan di atas pindaan Rang Undang-undang ini, lebih-lebih lagi yang sebenarnya kedua-dua Yang Berhormat Senator ini sudah membuat 'homework' terhadap Rang Undang-undang ini. Saya hanya 'confirm' apa yang mereka katakan di sini, sebagaimana Yang Berhormat Senator C. Krishnan kata tadi semuanya benar kerana tidak ada apa 'explanation' yang lebih daripada yang disebut tadi yang saya dapat terangkan, semuanya betul. Saya hanya 'confirm' itu betul sahaja [**Ketawa**]. Sudah jelas sekali sebelum mereka ini mengambil bahagian terhadap perbincangan di atas pindaan Rang Undang-undang ini mereka sudah membuat kajian yang begitu mendalam dan hanya meminta pengesahan sahaja, saya pun kata memang benar yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Begitu juga Yang Berhormat Senator Puan Rokiah tadi terhadap pindaan Rang Undang-undang ini, itupun betul juga. Bukan macam ini peleter-peleter ini betul, tetapi yang saya jelaskan sedikit di sini iaitu mengenai keraguan Yang Berhormat tadi tentang jurunilai-jurunilai, ini kita akan mengambil perhatian yang teliti dan kita

akan membuat ataupun orang-orang yang kita beri tugas terhadap bidang jurunilai-jurunilai ini tentu kita akan melantik orang-orang yang kita percaya dan yakin untuk melakukan tugas-tugas mereka untuk kepentingan, khasnya para arkitek warganegara kita dan supaya jangan ada apa-apa penyelewengan sebagaimana yang ditakuti oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, saya tak ada benda lain yang harus dijelaskan lebih panjang lagi, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih atas teguran kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian atas perbincangan pindaan Akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **merapengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****9.40 mlm.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 bagi tujuan seperti berikut:

- (a) membekalkan had tempoh selatna 3 (tiga) tahun dari sekarang iaitu tarikh pindaan ini diwartakan untuk pegawai awam mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan. Dengan ini masa yang diberi oleh Kerajaan akan menjadi 13 tahun semuanya;
- (b) mengadakan peruntukan supaya pegawai-pegawai awam yang telah bersara, meletak jawatan, dibuang kerja ataupun perkhidmatan- mereka ditamatkan dibenarkan membuat tuntutan anomali kepada Kerajaan;
- (c) membekalkan had tempoh selama 3 (tiga) bulan untuk mengemukakan pertikaian kepada Akta Tribunal Perkhidmatan Awam;
- (d) membekalkaa kuasa kepada Tribunal Perkhidmatan Awam untuk mentafsirkan keputusannya; dan

- (e) melarang sebarang tindakan perusahaan pada bila-bila masa selepas tuntutan anomali dikemukakan kepada Kerajaan oleh pihak terkilan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 telah diluluskan pada 1hb September, 1977. Akta ini bertujuan memberi peluang kepada pegawai-pegawai awam atau kesatuan atau persatuan pegawai awam yang ditakrif sebagai orang terkilan untuk mengemukakan tuntutan sekiranya mereka berasa terkilan dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka akibat pelaksanaan Laporan Suffian, Laporan Aziz, Laporan Harun dan Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Di bawah Akta ini, pihak yang terkilan dikehendaki mengemukakan tuntutan mereka kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Sekiranya tuntutan ini tidak diselesaikan di peringkat Kerajaan maka pertikaian yang timbul itu boleh dirujuk kepada Tribunal Perkhidmatan Awam untuk dibicarakan. Keputusan Tribunal itu adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh kedua-dua pihak. Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa semua tuntutan anomali mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang berbangkit daripada pelaksanaan laporan-laporan tersebut diselesaikan sama ada di peringkat Kerajaan atau Tribunal dengan seberapa segera yang boleh dan tidak dibiarkan berlarutan.

Sungguhpun Akta ini telah berjalan selama 10 tahun, akan tetapi masih lagi terdapat tuntutan-tuntutan yang dikemukakan kepada Kerajaan. Ini adalah kerana Akta sekarang tidak membekalkan had

masa untuk- pihak terkilan membuat tuntutan. Adalah difikirkan tempoh yang diberi sehingga sekarang ini sudah mencukupi untuk mengemukakan tuntutannya.

Oleh itu adalah dicadangkan Seksyen 11 dipinda untuk mengadakan satu had tempoh selama tiga tahun dari sekarang bagi pihak terkilan mengemukakan tuntutan anomali kepada Kerajaan. Memandangkan Akta ini telah berkuatkuasa lebih daripada 10 tahun, Kerajaan berpendapat peluang selama tiga tahun lagi bagi pihak terkilan untuk mengemukakan tuntutan adalah sangat munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 adalah didapati tidak jelas sama ada pegawai awam yang telah bersara, meletak jawatan, dibuang kerja atau perkhidmatannya ditamatkan boleh mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan, Ini telah menimbulkan keraguan dalam melaksanakan Akta tersebut. Kerajaan berpendapat bahawa sekiranya pegawai-pegawai dalam golongan ini terlibat dari pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet, mereka sepatutnya juga dibenarkan mengemukakan tuntutan. Dengan demikian, pindaan kepada Seksyen 11 adalah bercadang merangkumkan pegawai-pegawai dalam golongan ini sebagai pihak terkilan yang layak membuat tuntutan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, jika sesuatu tuntutan tidak diselesaikan di peringkat Kerajaan, pertikaian itu boleh dikemukakan kepada Tribunal untuk dibicarakan. Biasanya pihak terkilannya yang merujuk pertikaian kepada Tribunal dan Kerajaan jarang-jarang sekali membuat rujukan.

Setakat ini hanya 11.7% tuntutan yang telah dibuat yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Kerajaan telah dirujuk kepada Tribunal untuk dibicarakan. Ia telah mengakibatkan keadaan di mana pertikaian-pertikaian itu berlarutan tanpa sesuatu penyelesaian



muktamad. Keadaan ini timbul mungkin kerana tidak ada had masa yang ditetapkan bagi kes-kes yang dipertikaian itu dirujukkan kepada Tribunal.

Oleh itu pihak terkilan tidak terdesak untuk merujukkan pertikaian mereka kepada Tribunal kerana mereka boleh membuat rujukan pada bila-bila masa. Oleh itu adalah dicadangkan Seksyen 12 dipinda untuk menetapkan had masa tiga bulan untuk mereka merujuk pertikaian kepada Tribunal. Tempoh tiga bulan yang dicadangkan itu adalah mencukupi bagi membolehkan seseorang itu membuat keputusan sama ada hendak merujukkan pertikaiannya kepada Tribunal ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 membekalkan bahawa keputusan Tribunal adalah muktamad dan ianya tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula, dibatal atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Akan tetapi dalam Akta tersebut tidak ada peruntukan bagi Tribunal sendiri bagi menjelaskan atau mentafsirkan keputusannya apabila terdapat keadaan di mana sesuatu keputusan itu kurang jelas. Masalah itu tidak dapat diatasi kerana tidak ada peluang bagi kedua-dua pihak yang terlibat dengan keputusan itu untuk mendapat penjelasan. Oleh itu adalah dicadangkan satu pindaan dibuat sekarang dengan mengadakan Seksyen baru 15A yang memberi kuasa kepada Tribunal untuk memberi penjelasan atau tafsiran ke atas keputusannya apabila dipohon oleh mana-mana pihak yang terlibat dengan keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 18 Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 melarang tindakan mogok dan sebarang tindakan perusahaan yang ditegah pada bila-bila masa selepas membuat keputusan anomali kepada Kerajaan atau semasa perbicaraan Tribunal atau bila-bila masa selepas keputusan dibuat oleh Tribunal.

Walau bagaimanapun, di bawah seksyen itu tindakan mogok atau tindakan perusahaan yang ditegah mungkin boleh diambil oleh pihak yang terkilan dalam tempoh selepas kegagalan mendapat penyelesaian di peringkat Kerajaan sehingga pertikaian Itu dirujuk kepada Tribunal. Sebarang tindakan perusahaan selepas membuat tuntutan kepada Kerajaan adalah tidak selaras dengan hasrat Akta ini. Pihak terkilan seharusnya ditegah mengambil tindakan perusahaan atau memperjuangkan tuntutan mereka. Dengan demikian adalah dicadangkan supaya seksyen 18 dipinda untuk melarang mogok dan sebarang tindakan perusahaan pada bila-bila masa selepas rujukan tuntutan anomali dibuat oleh pihak terkilan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dibuat itu adalah diharapkan bahawa jika terdapat pegawai-pegawai awam yang berasa terkilan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang berbangkit daripada pelaksanaan Laporan Suffian, Laporan Aziz, Laporan Harun dan Laporan Jawatankuasa Kabinet, mereka hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan dan seterusnya kepada Tribunal dengan secepat mungkin untuk mendapat keputusan mutkamad. Dengan pindaan pindaan ini tuntutan anomali dijangkakan akan dapat diselesaikan dalam tempoh lebih kurang 5 tahun dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom.

**9.17 mlm**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian sedikit untuk membahas dan menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, selang pandang daripada pendengaran saya sewaktu menerima pembentangan ini tadi, ini memperlihatkan kepada kita bahawa Kerajaan kita sentiasa mencari jalan untuk memberikan keadilan yang seadil-adilnya kepada kakitangan yang berjumlah seramai 698,219 orang jika menghadapi masalah-masalah yang dibangkitkan, yang terbangkit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam fasal-fasal dan bab-bab yang dinyatakan tadi, saya amat menyokong terutama sekali daripada masa yang telah diberikan daripada 10 tahun ditambah lagi kepada tiga tahun untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berbangkit daripada masalah perkhidmatan mereka yang terlibat di dalam perkhidmatan awam iaitu di antara pekerja dengan majikan iaitu Kerajaan. Namun demikian, di dalam Fasal 3, Seksyen 12 mengenai tempoh selama tiga bulan setelah mereka-mereka yang diberi tahu tadi boleh merujuk balik, ini sepatutnya kita beri sedikit pertimbangan lagi. Kalau kita hendak rujuk di antara suami isteri pun memakan masa 3 bulan, edahnya tiga kali bersih. Jadi kalau 3 bulan barangkali mereka yang terlibat sedang hendak mencari nasihat, hendak mencari perundingan, hendak mencari jalan, apa salahnya kalau tempoh tiga bulan itu kita longgarkan kepada 6 bulan atau daripada 90 hari kepada 180 hari.

Sebab ini tidak melibatkan apa-apa kerugian kewangan kepada pihak Kerajaan. Kita memberi peluang kepada mereka-mereka yang terlibat supaya dapat menyelesaikan masalah-masalahnya dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan ini sahaja, mengenai dengan Akta Tribunal yang ingin dipinda di dalam beberapa fasal dan seksyen sama ada tambahan ataupun pindaan, saya rasa ada baiknya didalam membahas Akta pindaan ini, saya menyentuh sedikit mengenai dengan perkhidmatan awam kita.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Ahli Dewan Negara ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi sanjungan saya kepada pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam Kerajaan yang telah curahkan tenaga, fikiran, khidmatanya kepada negara dan rakyat selama ini. Daripada apa yang saya tahu perkhidmatan awam negara kita ini termasuk salah satu daripada perkhidmatan awam yang ter'baik di rantau ini. Namun demikian kedudukan sebenar di dalamnya wallahualam. Tetapi kalau kenyataan bertulis dan diakui menyatakan perkhidmatan awam kita ini perkhidmatan awam yang terbaik kita akui itu. Sebagai seorang ahli politik di dalam negara kita, saya mengakui perkhidmatan awam kita memberi kesan yang baik terutama di saat-saat negara kita sedang menuju kepada era pembangunan yang pesat untuk kemakmuran negara dan faedah rakyat. Namun demikian, Tuan Yang di~Pertua, saya tidak lupa kepada ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor Darul Ehsan baru-baru ini yang menyatakan ada kakitangan di dalam perkhidmatan awam ini yang asyik ketawa di pejabat, membaca suratkhobar dan membuang masa di kantin. Ini patut dijadikan renungan kita bersama supaya bintang cemerlang perkhidmatan awam kita, perkhidmatan awam yang terbaik

itu tidak akan terganggu dengan adanya sedikit kelakuan daripada kakitangan perkhidmatan awam kita yang boleh menjejaskan nama baik perkhidmatan awam.

Juga tidak lupa kepada ucapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mohamad Yusof Nor yang menyatakan ada di kalangan kakitangan perkhidmatan awam kita yang menjadi macam kayu mati. Kayu mati yang hendak dibuang tidak boleh, dibakar tidak boleh, menunggu masa untuk pencecah, untuk bersara dan mereka hanya menjadi kayu mati. Hendak dibaja pun sudah tidak boleh menghasilkan buah khidmat yang baik. Jadi, ini juga perlu menjadi renungan kepada kita bersama-sama untuk menjaga nama baik perkhidmatan awam kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kepada satu skim Kerajaan mengadakan peluang latihan kepada kakitangan, pegawai-pegawai Kerajaan beberapa bulan kursus, untuk mereka menyiapkan diri kalau hendak berhenti, berusaha, berdikari, berniaga dan sebagainya. Skim ini telah memakan belanja yang banyak dan masa yang banyak kerana pegawai-pegawai dan kakitangan tadi bercuti meninggalkan kerja masing-masing. Apakah kesan daripada skim itu? Saya nampak mereka-mereka yang dipilih berkursus yang saya tahu tidak pun berhenti kerja dan balik kepada kerja laraa, Jadi masa yang dibuang berkursus itu memakan belanja Kerajaan tadi nampaknya seperti kita mencurahkan air di daun keladi sahaja.

Jadi, adakah pihak Kerajaan rnenyedari dalam masalah ini. Kalau sedar sepatutnya kita memperbaiki. Dan kalau skim itu perlu kita berhentikan, kita berhentikan. Kita berhentikah supaya masa,

tenaga dan wang ringgit kita tidak terbuang begitu sahaja dan boleh kita curahkan kepada yang lain.

Di dalam masalah perkhidmatan awam ini juga, Tuan Yang di-Pertua, suatu masa Kerajaan mengadakan satu corak untuk membuat pertukaran pegawai-pegawai daripada Semenanjung ini kepada Sabah dan Sarawak dan daripada Sabah dan Sarawak ditukar ke mari untuk mencari pengalaman tukar tempat bekerja, bergaul dalam masyarakat yang berlainan daripada masyarakat asalnya. Tetapi saya lihat nampaknya program ini juga sekarang tergendala. Saya tidak nampak pegawai-pegawai Kerajaan daripada Sabah dan Sarawak ditempatkan, kalau ada pun barangkali satu dua orang ditempatkan di peringkat tinggi. Saya mahu kalau pertukaran ini masib berjalan pegawai-pegawai daripada Sabah dan Sarawak ini diletakkan di daerah-daerah di Pejabat-pejabat Tanah, di Jabatan Pembangunan Masyarakat jadi ADO (Pembangunan Masyarakat) supaya mereka dapat menimba pengetahuan yang baik. Dan pegawai-pegawai kita yang daripada Semenanjung Tanah Melayu ini apabila dihantar ke Sabah dan Sarawak diletakkan mereka di daerah-daerah, di Residency-residency, bukan diletakkan di Kota Kinabalu ataupun di Kuching sahaja supaya mereka dapat mengenali lebih dalam sebab kita hendak melanjutkan program integrasi nasional supaya kita dapat betul-betul meletakkan kefahaman sedalam-dalamnya.

Dalam masalah pertukaran pegawai-pegawai ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu pegawai-pegawai Kerajaan daripada Semenanjung Tanah Melayu apabila diletakkan di Sabah dan Sarawak mereka dapat imbuhan tertentu, elaun tertentu. Tetapi kakitangan

atau pegawai daripada Sabah dan Sarawak yang dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu ataupun ke Semenanjung Malaysia - saya lebih suka menggunakan nama Semenanjung Tanah Melayu - tidak dapat apa-apa imbuhan. Jadi, adakah ini benar? Kalau ini benar, sepatutnya pertimbangkan masalah ini supaya tidak timbul perasaan kecil hati, perasaan macam dianaktirikan dan sebagainya.

Dalam masalah perkhidmatan awam ini juga, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana berlaku persaraan seseorang pegawai, maka belum sempat diisi jawatan itu dipangku oleh pegawai di bawahnya hingga bertahun-tahun. Ada satu-satu jawatan dipangku sehingga 5 tahun. Tiba-tiba berlaku pengisian diisi oleh seorang baru yang lebih junior daripada orang yang memangku 5, 4 atau 3 tahun. Ini berlaku di dalam beberapa jabatan Kerajaan. Kalau saya ini yang kena seperti itu, saya minta tukar dalam 24 jam ke Jabatan lain kerana saya malu. Selama ini anak buah panggil saya boss, tiba-tiba datang boss baru, saya masuk ke bilik kecil balik semula. Cara semacam ini sepatutnya pihak Kerajaan terutama sekali perkhidmatan awam kita mengambil perhatian teliti. Kerana kita tidak tahu perasaan orang, perasaan pegawai-pegawai kita yang telah mencurahkan tenaga 3,4,5 tahun memangku sesuatu jawatan, hatinya terhiris dan rasanya untuk berkhidmat kepada bangsa, negara dengan bersih, dengan cekap, dengan amanah, dengan etika khidmat cemerlang kerana kes yang begitu kecil dia kecewa dan kalau dia sudah umur 50 tahun, dia pilih mencari jalan untuk bersara. Ini, Tuan Yang di-Pertua, yang sepatutnya kita fikirkan baik-baik.

Sungguhpun ini berlaku di beberapa buah negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil tindakan iaitu mengambil semula pegawai-pegawai yang telah bersara untuk bekerja. Saya tidak fikir sekarang ini kita kekurangan anak-anak muda yang bekerja.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya sebut misalnya di Johor ada mengambil beberapa orang pegawai yang sudah bersara untuk bekerja semula. Mengapa ini berlaku, orang yang sudah bersara biarlah dia bersara sahaja, terus dia berehat, main dengan cucu-cucu dia. Berilah tempat yang hendak diisi itu kepada anak-anak muda, kita ada 16,000 graduan; isikan tempat itu. Jadi, kenapa ini masih berlaku? Adakah kerana ada sikap pandang hulu, pilih kasih terhadap keluarga, kerabat dan sebagainya. Jadi, kita sepatutnya tidak mahu sikap yang seperti ini berlaku.

Kita beri peluang kepada anak-anak muda kita yang mempunyai daya kreatif supaya produktivitinya bertambah daripada ambil yang sudah berumur dekat 60 tahun, suruh bekerja balik dia kata "kawan saja, Kerajaan panggil, kawan terimalah." Siapa yang tidak mahu dapat double income, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini sikap manusia. Jadi kita perlu ,selamatkan masalah semacam ini juga berlaku di beberapa buah negeri yang lain seperti di Terengganu, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ini hal negeri, tetapi saya rasa tidak salah saya sebut di sini supaya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri dapat menasihatkan Negeri-negeri tadi supaya memberi kelonggaran kepada keadaan yang seperti ini.



Lagi satu masalah, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telah menswastakan Jabatan Kerajaan. Sekarang satu Telekom, mungkin besok, lusa kita akan menswastakan lagi. Bagaimana dengan pengambilan dan kenaikan pangkat di situ? Jabatan Telekom diswastakan jadi STM, tetapi kita masih ada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Adakah di dalam kenaikan pangkat di syarikat itu dikontrol, dikuasai oleh Kerajaan atau tidak, oleh Kementerian atau tidak. Kerana sikap manusia apabila sudah swasta, dia kata siapa yang pandai - pandai ini macam-macam; pandai buat kerja, pandai tunjuk muka, pandai mengampu, jadi naik pangkat. Jadi, berlaku dilemma di situ. Adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini menguasai STM? Begitu juga kalau ada agensi-agensi yang lain yang akan diswastakan nanti. Adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos atau jabatan menguasai mengambil tahu atau meletakkan wakil-wakilnya di dalam satu-satu temuduga apabila hendak berlaku kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Petua, mengenai dengan keputusan Tribunal ini tidak boleh dibawa ke mana-mana lagi, Maknanya, keputusannya muktamad. Ini rasanya sebagai sebuah negara demokrasi, kita kena bertimbang rasa. Kalau kita sudah tubuhkan Mahkamah Agung, patutnya rayuan ini masih boleh dibuat, Kenapa kita mesti putuskan bahawa hal ini tidak boleh hendak diselesaikan lagi? Kita tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan kalau kita ada dialog, kalau kita ada mesyuarah, kalau kita ada perundingan. Apa lagi di antara Kerajaan dengan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan Fasal 4 yang mengatakan mana-mana pihak yang terikat dengan keputusan Tribunal boleh memohon kepada Tribunal untuk mendapatkan tafsiran apa-apa kesalahannya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 4

dalam Rang Undang-undang pindaan ini ialah yang bertujuan untuk membolehkan mana-mana pihak yang terikat dengan keputusan Tribunal memohon kepada Tribunal bagi tafsiran apa-apa keputusan untuk mendapat penjelasan yang lebih lanjut, yang lebih terang akan keputusan Tribunal tadi dan untuk menghapuskan, menghilangkan apa-apa kekeliruan mereka yang terkilan. Saya berpendapat bahawa peruntukan ini patut diperluaskan lagi dengan mengambil kira untuk menyelesaikan masalah keputusan Tribunal yang bercanggah atau yang bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan negara kita sendiri. Keputusan itu bertentangan dengan keadilan, dari segi perikemanusiaan, taraf kedudukan orang **itu**, gaji orang itu atau golongan itu yang mana satu-satu keputusan itu menyebabkan pihak yang berkenaan, pihak yang terkilan tadi terpaksa mengalami kerugian dan penurunan pangkat, penurunan status.

Misalannya saya contohkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan segolongan kakitangan Kerajaan tertentu di Jabatan Parlimen ini telah diturunkan statusnya daripada Kategori B mengikut kedudukannya semasa Skim Suffian, tetapi kemudian diturunkan kepada Kategori C mengikut keputusan Tribunal. Kemudian lanjut daripada keputusan Tribunal itu pula, saya juga difahamkan bahawa pihak Jabatan telah menurunkan tanggagaji pegawai-pegawai yang baru dilantik ke jawatan yang sama iaitu ke tanggagaji yang lebih rendah daripada tanggagaji yang dibuat dan diiktiraf oleh pihak Tribunal. Jadi, saya menganggap tindakan penurunan status yang demikian ini merupakan sesuatu ketidakadilan dan perlulah diperbaiki untuk mengelakkan penganiayaan yang terbiar berlarutan tanpa penyelesaian itu,

Saya masuk di dalam Fasal 2, seksyen 11 tempoh masa tiga tahun setelah diwartakan, mungkin perkara ini boleh diselesaikan. Oleh

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam kes yang melibatkan penurunan status pegawai seperti kes yang saya sebutkan ini supaya diberi peluang untuk merujuk kes ini kepada pihak Tribunal bagi mendapatkan penyelesaian dan keadilan yang sewajarnya.

Satu kes sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya contohkan. Kalau saya hendak bercakap masalah Perkhidmatan Awam dan Tribunal, orang-orang tidak puas hati, panjang, berjam-jam saya boleh bercalam dalam masalah ini, kerana banyak juga aduan-aduan yang meminta supaya dibawakan ke peringkat Dewan ini apabila mereka tahu bahawa Mahkamah Tribunal, Mahkamah yang menyelesaikan sebagai orang tengah ini. Jadi, kalau Mahkamah orang tengah tidak dapat jadi orang tengah yang sebaik-baiknya - sepuluh tahun dahulu Parlimen kita meluluskan Akta **ini**, jadi baru 11% sahaja kes yang telah diselesaikan. Jadi, erti-nya banyak lagi kes yang tidak diselesaikan. Kalau perlu, Mahkamah Tribunal ini pada saya, Tuan Yang di-Pertua, jangan satu badan sahaja Pengurusi dengan dua tiga orang ahli yang menyelesaikan. Tubuhkan seksyen, adakan saksi-saksi supaya badan yang besar menyelesaikan kes yang besar, kemudian cawangan yang kecil-kecil boleh menyelesaikan di peringkat negeri-negeri. Jadi, saya rasa perkara-perkara yang menjadi rungutan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam kita yang sentiasa mahu memberikan khidmatnya kepada bangsa dan negara akan dapat diberikan pertimbangan yang sebaik-baiknya. Dan itulah matlamat Kerajaan kita, Kerajaan hasrat rakyat, pilihan rakyat ini untuk memberi keadilan kepada rakyatnya, termasuk kakitangan Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua**, Ini perbahasan yang terakhir untuk sesi kita pada mesyuarat **ini**, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara,

Senator-senator mengucapkan selamat berkhidmat kepada semua kakitangan Perkhidmatan Awam Kerajaan demi untuk bangsa dan negarakerana kami telah memberikan sokongan yang besar dalam masalah-masalah yang kakitangan Kerajaan hadapi.. Insy Allah tidak ada perkara yang tidak boleh selesai dan tidak ada kusut yang tidak boleh diuraikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong satu Akta untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dan ucapkan selamat kita bekerja, berusaha untuk memberi khidmat kepada bangsa dan negara. Terima kasih, wassalamualaikum.

**10.08 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang telah diambil oleh Senator Tuan Haji Shahrarom bagi membahaskan Rang Undang-undang Tribunal ini. Banyak sekali Yang Berhormat telah menyentuh soal-soal dasar tentang Perkhidmatan Awam di negara kita **ini**. Walaupun begitu, beliau juga menyentuh tentang pindaan undang-undang yang telahpun kita buat.

Bagi cadangan yang pertama Fasal 3, seksyen 12, Ahli Yang Berhormat telah meminta supaya dilanjutkan tempoh daripada tiga bulan kepada enam bulan. Dalam soal ini Kerajaan telahpun menimbangkan perkara ini dan adalah didapati setelah difikirkan ditetapkan oleh Kerajaan bahawa tiga bulan itu adalah tempoh yang amat mencukupi bagi seseorang ataupun satu kumpulan orang yang terkilan bagi mengemukakan tuntutan mereka kepada pihak Tribunal. Oleh itu, Kerajaan adalah tidak mencadangkan untuk melanjutkan tempoh ini daripada tiga bulan kepada enam bulan.

Soal-soal lain yang disebutkan ialah soal perkhidmatan kakitangan Kerajaan. Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang kedudukan

pegawai-pegawai Kerajaan dan sememanglah perkhidmatan kakitangan Kerajaan di negara kita ini begitu memuaskan. Kita tidak boleh melihat sesuatu kejadian yang kecil yang disampaikan kepada kita itu boleh melambangkan seluruh Perkhidmatan Awam di negara kita ini.

Memang terdapat segelintir atau sebilangan kecil kakitangan Kerajaan yang senyum ketawa di pejabat, yang makan di kantin tetapi ini tidaklah boleh kita lambangkan atau boleh menunjukkan bahawa inilah sikap seluruh perkhidmatan awam di negara kita ini. Sememangnya terdapat pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan kakitangan yang gigih yang sememangnya giat bekerja untuk pembangunan negara dan rakyat di negara kita ini yang harus mendapat pujian. Oleh itu perkara ini bukanlah melambangkan seluruh perkhidmatan awam itu, hanya segelintir kecil yang akan kita cuba dan Kerajaan (JPA) akan cuba untuk membaiki disiplin sedikit-sedikit bagi segolongan kecil pegawai-pegawai Kerajaan ini yang mana kita pun faham tentang wujudnya perkara ini.

Tentang skim latihan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang benar bahawa terdapat kakitangan Kerajaan yang telah dilatih, golongan 'C' dan 'D' yang telah dilatih untuk mereka ini menjadi pengusaha-pengusaha tetapi tidak meletakkan jawatan selepas mereka mendapat latihan itu. Sebab itu sekarang ini latihan ini apabila seseorang kakitangan Kerajaan itu hendak melanjutkan ataupun hendak menceburkan diri dalam latihan ini mereka mesti menandatangani satu borang yang mesti meletakkan jawatan selepas mereka itu tamat latihan. Jika sekiranya tidak, mereka tidak dibenarkan bagi ditetapkan oleh Kerajaan kepada mereka.

Tentang usaha pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan ke Sabah dan Sarawak, ini sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan integrasi nasional bagi negara kita ini. Tetapi yang menjadi masalah ialah apabila pegawai kita ditukar ke Sabah, ke Sarawak dan pegawai Sarawak ditukarkan ke Semenanjung, mereka ini

sudah pasti akan menemui ahli-ahli politik untuk menukarkan mereka balik ke tempat asal mereka dan setelah menimbang dengan teliti dan dengan ihsan Kerajaan, dengan permohonan Ahli-ahli Yang Berhormat maka kita telah mengambil keputusan menukarkan balik pegawai-pegawai ini ke tempat asal mereka masing-masing. Ini pun menjadi suatu masalah kepada Kerajaan.

Sebenarnya memang banyak dan saya pun menerima banyak permohonan daripada sahabat-sahabat dan juga rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat meminta supaya orang-orang tertentu ditukarkan kembali ke kawasan masing-masing yang terpaksa ditimbangkan oleh Kerajaan. Jadi usaha Kerajaan dan dasar Kerajaan itu memanglah untuk meningkatkan integrasi dengan perpindahan pegawai-pegawai dari Sabah, Sarawak ke Semenanjung Malaysia ini. Ini sudah pasti akan dijalankan oleh Kerajaan dengan sebaik-baik mungkin.

Tentang pemangkuan jawatan, sebenarnya di dalam Kerajaan pemangkuan jawatan itu tidak semestinya menjadi syarat untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang dipangkunya itu. Dengan itu walaupun seorang pegawai yang dikatakan lebih junior tetapi mempunyai ciri-ciri yang difikirkan mempunyai kelebihan-kelebihan yang tertentu untuk dinaikkan pangkat, maka itulah digunakan kriteria-kriteria tertentu untuk melantik seseorang itu untuk dinaikkan pangkat. Saya hendak tegaskan bahawa pemangkuan itu bukanlah syarat utama untuk kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Kerajaan.

Mengenai pegawai-pegawai yang bersara diambil bekerja semula, akhir-akhir ini sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan telahpun membuat satu syarat di mana pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara tidak lagi dibenarkan untuk memegang jawatan dalam mana-mana badan Kerajaan yang lain, yang terakhir sekali dibuat oleh Kerajaan. Memang terdapat sedikit sebanyak pegawai-

pegawai Kerajaan yang, telah bersara diambil balik bekerja. Ini adalah disebabkan oleh kemungkinan tempat-tempat itu belum dapat diisi dengan orang yang sesuai kerana pengalaman seseorang itu diperlukan untuk memegang atau meneruskan jawatan itu dengan kontrak setahun ke setahun bagi Kerajaan mencari ganti seseorang pegawai lain bagi mengambil tempat itu.

Tentang penswastaaan, saya hendak menegaskan memang dari segi dasar Kerajaan, STM sebagai contohnya, maka sudah pasti Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dari segi dasarnya adalah mengawal seluruh STMB itu tetapi dari segi kakitangannya sekarang ini telah 100% dikendalikan oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad atau lain-lain badan Kerajaan yang mungkin akan diswastakan. Ini adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melepaskan tanggungan ini kepada syarikat yang menerima konsep penswastaaan ini.

Perkara selanjutnya yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat ialah tentang keputusan Tribunal yang muktamad. Sememangnya kalau hendak dikatakan persetujuan itu kita bersetuju tetapi kalau kes yang telah diputuskan oleh pihak Tribunal ini hendak dibawa pula ke mahkamah yang, mungkin, pula akan memakan masa tidak kurang dari 5 tahun atau mungkin lanjut lagi 10 tahun, jadi penyelesaian kepada kes ini akan tidak selesai. Maka sudah pastilah ianya bertentangan dengan hasrat Kerajaan yang membawa pindaan Rang Undang-undang ini supaya hendak menyelesaikan kes-kes anomali yang akan dibuat oleh pihak Tribunal. Dengan sebab itu kita meletakkan syarat bahawa keputusan Tribunal ini adalah muktamad sebab kes itu kalau dibawa ke mahkamah, Ahli-ahli Yang Berhormat semua fahamlah kedudukan mahkamah-mahkamah kita ini yang akan mengambil masa bertahun-tahun untuk menyelesaikan kes-kes yang seperti ini. Jadi, adalah muktamad bagi pihak kerajaan untuk menetapkan bahawa keputusan pihak Tribunal adalah tidak boleh untuk dipersoalkan lagi.



Fasal 4 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang tafsiran keputusan. Di sini saya hendak menegaskan bahawa sememangnya keputusan penjelasan yang akan dibuat tidaklah mungkin akan bercanggah dengan undang-undang atau Perlembagaan kerana kita mempunyai peraturan-peraturan yang lain yang hendak ditimbang oleh pihak Tribunal ini, Peraturan-peraturan yang sedia ada dalam perkhidmatan awam melalui saluran yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi seseorang atau orang yang terkilan dalam usaha untuk mengemukakan tuntutan yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan untuk diselesaikan oleh pihak Tribunal ini, saya yakin bahawa ianya tidak akan sama sekali bercanggah dengan undang-undang ataupun Perlembagaan negara.

Tentang penurunan pangkat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, dari 'B' kepada 'C', ini adalah keputusan Tribunal. Keputusan ini saya rasakan bukanlah soal kita tidak bersetuju atau sengaja hendak menurunkan pangkat kerana kita hendak menzalimi pegawai berkenaan, tetapi keputusan ini sebenarnya telah dibuat oleh pihak Tribunal dan yang tidak disetujui ialah mengenai tanggungaji yang diterima oleh mereka itu. Jadi, soal ini adalah sememangnya soal pendapatan ini sentiasa akan menjadi suatu persoalan kepada kakitangan Kerajaan jika sekiranya mereka itu diturunkan kedudukannya akan menjejaskan sedikit sebanyak pendapatan mereka itu. Insyallah, saya katakan pihak Tribunal tidak akan melakukan kezaliman, tidak akan menjalankan penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan atau menurunkan pangkat seseorang.

Satu kenyataan oleh Yang Berhormat tadi tentang kedudukan 11.7%, itu sebenarnya bukan yang diselesaikan tetapi yang belum dapat diselesaikan hanya 11.7%, bukan kes-kes ini hanya 11.7% baru diselesaikan tetapi kita telah menyelesaikan banyak kes, cuma tinggal 11.7% sahaja yang belum diselesaikan.

Itulah jawapan-jawapan yang boleh saya berikan ke atas soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Shaharom Maasom.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berdoa ke hadrat Allah subhanahu wataala mudah-mudahan Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang ada bersama dengan kita pada malam ini akan senantiasa berada dalam kandungan sihat walafiat serta selamat sejahtera dan dengan itu dapatlah kita semua berjumpa lagi dalam persidangan kita yang akan datang dalam tahun baru iaitu tahun 1988.

Sekarang dengan hormatnya saya tangguhkan Dewan yang mulia ini kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 10.21 malam.**